tidak menyetujui amalan tersebut, namun beliau masih menghormati orang yang melakukan amalan tersebut. Contohnya: di masjid saya, tetap mengamalkan zikir dan doa selepas solat. Dan sewaktu beliau memberi kuliahnya dan menjadi Imam solat Isyak, beliau tetap berzikir dan membaca doa selepas solat tetapi dengan nada yang perlahan. Menunjukkan beliau tetap menghormati amalan yang dilakukan oleh jemaah masjid saya.

Mengenai pendapat dan kritikan beliau yang mungkin berbeza pendapat dengan kebanyakan ulama dan ustaz di negara kita, mungkin itu kesalahan dan kesilapan beliau. Apa yang saya maksudkan kesalahan dan kesilapan beliau adalah cara penyampaian dan susun atur ayatnya. Mungkin agar keras dan kasar. Dan mungkin itu yang perlu diubah oleh Dr. Maza. Dalam Islam, BERTEKAK kerana agama adalah rahmat buat kita, TETAPI bukan BERTENGGAR kerana agama!!

Dari amatan saya, ada juga segelintir ulama dan ustaz yang mengkritik Dr. Maza.

Mengenai amalan yang dikatakan bidaah seperti qunut, talqin, tahlil arwah, zikir dan doa selepas solat adalah perkara yang tidak perlu digembar gemburkan dan bagi saya tidak timbul akan memecah belahkan umat Islam di Malaysia. Bagi orang yang berilmu, sudah tentu kita akan menghormati amalan orang lain seperti kita menghormati amalan Orang kafir yang terangan berbeza pegangan aqidah dari kita. Yang penting, bagi golongan yang tidak melakukan amalan yang dianggap bidaah tersebut, janganlah mengkritik atau mencerca orang yang melakukannya. Juga sebaliknya, bagi golongan yang melakukan janganlah memandang serong atau menggap sesat terhadap golongan yang tidak melakukannya. Di sinilah yang dikatakan Rahmat Islam, yakin dengan ilmu yang kita pelajari.

Mujahid D' Jannah (suicideborders.blogspot.com)

By liza\_d Author Profile Page on November 13, 2009 9:39 AM

Tidak kah JAIS sedar betapa teruknya akhlak orang melayu sekarang.

Merogol, merempit, bohsia... dijual oleh Islam. Inilah yang patut diperangi, dibetulkan habis-habisan oleh pihak JAIS. bukannya menentang ahli agama yang mengajak manusia ke arah kebaikan. Begitu juga ahli2 agama yang lain, yang tak habis2 berdebat kononnya dia betul dan Dr Asri tu salah dengan membawa bermacam hujah. Ianya sangat memualkan. Sepatutnya anda semua bersatu untuk berjihad memperbetulkan masyarakat Islam yang sangat rosak ketika ini. Daripada tak habis2 berhujah menentang Dr Asri, apakah peranan anda ustaz, ilmuan Islam. Saya tidak nampak Dr Asri menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Dia hanya menyatakan dalam Islam sebenar tiada perkara2 tertentu, hanya amalan masyarakat. Tapi dia tidak menghalang siapa2 nak baca Yassin untuk si mati, qunut.... Saya sangat faham apa yang Dr Asri maksudkan. Hanya orang yang cetek ilmu pengetahuan yang tidak memahami tulisan beliau. Kalau nak sangat berhujah, pergi kat negara Arab dan cuba nerhujah dengan mereka yang tidak melakukan talqin, qunut. Tidakkah anda semua takutkan balasan Allah kerana memusuhi seorang ulama yang begitu mulia disisi Allah, kerana dari ulama2 inilah yang mengajak kita kepada kebaikan, mengembangkan syiar Islam. Berapa banyak manusia telah sesat, berpecah angkara Dr Asri? Tanda akhir zaman ialah memerangi kebaikan tetapi membiarkan segala kemungkaran dan kemaksiatan berleluasa... fikir2kan lah semua.

By ManafMubarak Author Profile Page on November 13, 2009 9:06 AM

1. Saya percaya Tun mempunyai hak untuk membawa isu Dr. Asri kerana kita sebuah negara yang bebas membicarakan apa-apa isu sekiranya tidak membawa mudarat kepada agama dan negara kita.

2. Bagi memahami isu ini secara objektif saya cadangkan supaya membaca buku "ISLAMIC HISTORY AND CULTURA" Buku ini ada saya hadiahkan kepada Tun dalam tahun 1978 dahulu. Sila lihat muka surat 352-358 di bawah tajuk 2. Separatist Movements : (A) The Wahabis in Arabia. Juga buku dalam bahasa Arab ور أحمد شلبي موسوعة التاريخ الإسلامي للدكت نجد وآل سعود والدعوة الإصلاحية 124-164 di bawah tajuk

3. Isu ini sukar dibincang secara terbuka kerana ia menjadi pegangan sebuah negara yang kita banyak bergantung kepadanya. Namun janganlah menjadikannya sebagai senjata hendak mengembangkan sesuatu fahaman.

4. Negara kita bebas menerima pelbagai fahaman seperti Syiah, Wahabiah, Ismailiah dan lain-lain. Namun selama ini tidak ada banyak pertelingkahan berlaku kerana tahu menggunakan adab dan cara bagaimana menghadapi perbezaan pendapat.

5. Perlembagaan kita menetapkan bahawa urusan agama Islam tertetap di bawah negeri. Tiap-tiap negeri ada undang-undangnya sendiri. Kita terpaksa patuh kepada undang-undang itu. Penjawat agama satu-satu negeri tidak boleh melanggar sempadan satu-satu negeri lain.

6. Marilah kita sama-sama kembalikan isu ini kepada Allah dan Rasulnya. Allah beri sedikit sahaja ilmu kepada kita. Jangan sombong dan takabur. أعلم والله  
By musato Author Profile Page on November 13, 2009 8:47 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya ada terbaca rencana terakhir dalam paper sebelum Dr MAZA ditangkap.

Beliau menulis cerita tentang Prof Hamka yang mengutus surat tentang apa yang beliau tidak bersetuju kepada Sayyid Mufti Johor masa itu.

Adalah 'Sayyid' - keturunan Rasulullah s.a.w tidak maksum, tetapi tidak elok untuk menggambarkan sesuatu peristiwa seolah-olah sama dengan keadaan semasa melalui contoh-contoh cerita yang mengelirukan.

Telah menjadi tradisi Sayyid untuk berguru dengan keluarga Sayyid yang terdekat. Kenapa? Apakah kelebihan pengetahuan Sayyid?

Kita patut menerima isi pengetahuan apa yang ditulis dalam rencana-rencana beliau kerana ilmu pengetahuan sememangnya patut dijunjung, tetapi belum tentu gaya pemikirannya patut turut sama diterima.

Saya terdedah mengenali Dr MAZA di media massa kerana pembahasan agama yang condong ke arah politik (pada pandangan saya).

Mengenai mulut berbau. Betullah Hadith tu... mulut saya original berbau walau digosok. Perlukan bantuan bahan kimia extra (maksudnya lebihkan bersugi untuk berbau harum). Tetapi kalau berbau jugak, nak buat camne? Kurangkan bercakap je la...

[www.musato-blog.blogspot.com](http://www.musato-blog.blogspot.com)

Terima kasih Tun.

By penjual kuih sampan Author Profile Page on November 13, 2009 8:42 AM

Bismillahirrahmanirrahim...

asalamualaikum.wbt,

smoga sihat slalu Tun,

satu artikel yg baik. menarik dan agak bernas utk dikaji pandangan ini.

1. pertamanya saya ingin skali menyeru agar semua pembaca, pengikut, penonton setia semua media massa, sama ada blog, artikel, dll supaya berhati-hati dalam mengambil dan memproses semua data dan juga fakta yg anda terima dari mana sahaja source yg anda ambil. berlakulah adil dalam menilai dan menganalisis semua info itu. pastikan dulu sejauh mana kesahihannya dan kebenarannya. elakkan diri anda dari menjadi seorang yg secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam menyebarkan perkara yg tidak benar atau fitnah.

2. komen dari tok mudim yg berada dalam ruangan komen Tun utk artikel ini saya rasakan kurang tepat. berkenaan artikel yg cuba ditunjuk sebagai bukti utk megeasyaki dr Asri dgn tuduhan sebegitu diharap dapat dikaji dgn lebih detail. ini komen tok mudim: (copy paste dr komen tok mudim)

2. Pada hemat saya, antara masalah yang berkaitan Dr Asri ini adalah disebabkan dia menggunakan petikan al-Quran dan Hadits sebagai hujah, tetapi sepanjang penelitian saya kerap juga menyelitikan fakta yang tidak betul untuk "mislead" sesuatu perkara. Misalnya, sila rujuk satu artikel yang dimuatkan di laman webnya (yang tak boleh beri komen):

<http://drmaza.com/home/?p=314>

Dalam artikel itu beliau menyatakan:

" ... begitu juga Ibnu Hajar Al-Asqalani (penyusun kitab Bulughul Maram) pernah mencabar pendapat kesesatan ahli sufi Ibnu Arabi dengan mubahalah apabila pertengkaran mereka melarat sampai ke pengetahuan Sultan. "Ketika itu, Ibnu Hajar dan Ibnu Arabi bermubahalah di mana dia berkata kalau Ibnu Hajar berada di atas petunjuk Allah, Allah akan laknat aku dan begitu juga jika dia berada di atas kesesatan Allah."

3. Yang dia sentuh atau mungkin desak supaya Anwar bermubahalah itu okaylah! Tapi dalam masa yang sama dia salah petik (atau mungkin sengaja salah petik, tetapi siapa yang boleh tahu akan isi hati dia yang sebenar) untuk menunjukkan buruknya akibat mubahalah kepada golongan

yang dia tak suka iaitu golongan sufi - lalu dengan itu mungkin hendak menunjukkan golongan sufi itu tak betul.

Walhal, Imam Ibnu Arabi sudah mati 135 tahun sebelum Imam Ibnu Hajar lahir, jadi bagaimanakah keduanya dapat bermubahalah mengikut dakwaannya. Bagi saya, agak mustahil dia tak mengetahui perkara ini.

mungkin ini sengaja mungkin jugak tidak. tapi lebih baik bersangka baik. anggapla ini satu analisa yg kurang tepat dari tok mudim. bukti: cuba lihat dan perhatikan betul2 artikel sebenar. <http://drmaza.com/home/?p=317>

dalam artikel itu ada disebutkan.

...Al-Imam al-Sakhawi (meninggal 902H) dalam bukunya al-Qaul al-Munbi 'An Tarjamati Ibn 'Arabi menceritakan bagaimana gurunya al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (meninggal 852H) bermubahalah dengan seorang pengikut Ibn 'Arabi. Ibn 'Arabi (bukan al-Imam Ibn al-'Arabi) ada tokoh sufi sesat yang membawa fahaman wahdatul wujud iaitu penyatuan tuhan dengan manusia. Alirannya itu diikuti oleh banyak para pengikut tarekat sehingga ke hari ini.

Di Malaysia, antara pencintanya adalah juru kempen ajaran martabat tujuh. Pada zaman Ibn Hajar al-'Asqalani, terdapat para pencinta Ibn 'Arabi ini. Apabila al-Hafiz Ibn Hajar mempertikaikan Ibn 'Arabi, mereka cuba mendapatkan campur tangan sultan ketika itu dan menuduh al-Hafiz Ibn Hajar menghina orang soleh. Sehingga akhirnya Ibn Hajar bermubahalah dengan syeikh mereka. Kata Ibn Hajar: Sebutlah "Ya Allah, jika Ibn 'Arabi di atas kesesatan, maka laknatilah aku". Lalu dia menyahutnya.

Al-Hafiz Ibn Hajar pula menyebut: "Ya Allah, jika Ibn 'Arabi berada atas petunjuk, maka laknatilah aku". Lalu mereka bersurai. Mubahalah itu dalam bulan Ramadan. Pada bulan Zulqaedah, pengikut Ibn 'Arabi itu menjadi buta lalu ditimpa kematian. Di zaman Harun al-Rasyid juga ada yang menerima hukuman Allah setelah bermubahalah. Al-Imam Muhammad bin Abdul Wahhab (tokoh yang dituduh membawa ajaran Wahhabi) pernah mencabar mereka yang menyanggahnya bermubahalah, namun penentangannya enggan.

Saya bukan inginkan agar Allah menurunkan bala kepada mereka yang tuduh- menuduh. Tetapi pertelingkahan mereka telah mengkuar-kacirkan umat dan negara, maka eloklah mereka bermubahalah agar orang ramai tidak lagi berbalah.

lihat petikan ini dalam artikel lain yg diberi tok mudim.

Katanya lagi, ulamak Al Abbas pernah melakukan mubahalah, begitu juga Ibnu Hajar Al-Asqalani (penyusun kitab Bulughul Maram) pernah mencabar pendapat kesesatan ahli sufi Ibnu Arabi dengan mubahalah apabila pertengkaran mereka melarat sampai ke pengetahuan Sultan.

“Ketika itu, Ibnu Hajar dan Ibnu Arabi bermubahalah di mana dia berkata kalau Ibnu Hajar berada di atas petunjuk Allah, Allah akan laknat aku dan begitu juga jika dia berada di atas kesesatan Allah.”

Kata Asri, mubahalah itu dilakukan pada bulan Ramadan. Bila tiba bulan Zulkaedah, bapa saudara Ibnu Arabi buta mata dan mati.

kemungkinan besar dalam artikel kedua ini saudara pengarangnya telah tersilap menaip dan meringkaskan kata2 dr Asri. kerana artikel kedua merupakan sebuah berita karangan wartawan bernama Zieman.

kepada yg bernama tok mudim. berlakulah adil dalam menganalisa sesuatu perkara. sy jelaskan ini hanya utk menjelaskan kesalahfahaman mengenai perkara ini. mungkin ini satu kesilapan dari tok mudim juga. biasalah manusia mana tak buat silap.

dan komen2 tok mudim yg laen tuh. diharap dapat menghuraikan lebih lanjut. mengenai kitab2 ibnu taimiyyah dan muridnya ibnu qayyim.

Wallahu'alam.

yg benar itu tetap benar..

By Mis\_bahAuthor Profile Page on November 13, 2009 7:55 AM

Assalamu Alaikum Tun,

Bagi saya Tun, seorang ilmuan Islam seperti Dr Mohd Asri, sepatutnya diberi tauliah seumur hidup oleh pihka berkuasa agama untuk berceramah di mana sahaja di negara ini. Tak perlulah nak dapatkan permit daripada majlis ugama setiap kali nak berceramah. Kalau begini, lembablah aktiviti dakwah. Kalau majlis ugama ada pendakwah seperti Dr Asri elok juga. Kalau sekat2 begini, berapa ramai lagi umat Islam akan dibiarkan lalai kerana tak di beri ilmu..?

Lainlah kalau penceramah tu datang dar luar, memang perlu permit..untuk pastikan tiada unsur tidak diinginkan.

Permit polis jika diperlukan undang-undang mungkin perlu dibuat..

Kalau majlis agama masih meragui ilmu yang dianugerahkan Allah kepada Dr Asri, siapa tokoh agama di majlis agama yang boleh diketengahkan yang setara dengan ketokohnya..?

Kalau majlis ugama masih tidak puas hati, boleh ikut Dr Asri di mana saja dia berceramah..semoga fikiran anda semua terbuka..jangan asyik main tangkap saja..umat Islam di luar sana masih ramai perlukan orang seperti Dr Asri...

By Kassim Mohd HussainAuthor Profile Page on November 13, 2009 7:44 AM

Salam Tun,

Kegawatan orang Islam sekarang ni berputik dari pikiran jahat yang selama ini bertujuan untuk mengalihkan pandangan kita dari kebenaran Allah.

Kita ni terlalu mengagongkan ajaran/tulisan ulamak yang juga manusia biasa seperti kita. Kenapa kita tidak mengagongkan ajaran Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad seperti didalam Quran?

Ini semua adalah kejumudan pemikiran kita yang mana telah lama dicipta-suaikan oleh manusia jahat buat menghantui pemikiran kita agar tidak mau mengikut ajaran/perintah Allah melalui Quran. Malah kita lebih senang jadi manusia ikut-ikutan kepada kebathilan yang dicipta oleh manusia yang bergelar tuan guru, ulamak dan banyak lagi. Kita melihat manusia yg BERGELAR ini banyak pengikutnya dan kelihatan sangat indah sampai dapat menjerumuskan kita dalam kegelapan walaupun Allah telahpun menunjukkan kita kepada jalan yang terang - QURAN.

Kita tau, tetapi kita sombong, degil, bengis dan lucu hinggakan dapat membuat masyarakat gelihati dan ketawa seperti Mak Dara di film P. Ramlee, Ibu Mertua Ku. He...he...he...

Kitab Al-Quran ini sebenarnya tidak ada sebarang keraguan (sebagai sesuatu yang datangnya daripada Allah swt dan sempurnanya); kemudiannya ia pula menjadi PETUNJUK BAGI ORANG YANG MAHU BERTAQWA. Al-Baqarah : 2)

APAKAH TIDAK CUKUP bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu al-Quran yang dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya al-Quran yang diturunkan itu mengandungi rahmat dan peringatan bagi ORANG YANG BERIMAN. (Al-Ankabut : 51)  
By yusriAuthor Profile Page on November 13, 2009 7:22 AM

Salam Tun,

Teguran membina yang Best. Kepada yg terasa, better take it as a pelajaran ....  
Jgn cepat berdendam atau terasa...Hati manusia too sensitif...Hati ALLAH,macam NOBODY cares...(arahan ALLAH dalam AQ)

jgn sbb statement tun ni pulak, tun PUN kene serbu...sbb tauliah kene apply.. Tun punya mungkin dah expired or lupa renew.. so nak tulis or bercakap next time, semua kene apply...enakmen pntadbiran agama islam Negeri Selangor dah stated...

Hukuman didenda tidak lebih rm3000 atau di penjara selama tidak lebih 2 tahun atau ke-2 2 ...masak kalau kene..

ok Tun, like reading your blog since day 1 .....

Alhamdulillah....

By alqatabAuthor Profile Page on November 13, 2009 4:57 AM

Assalamualaikum Tun yang saya hormati,

Semoga Tun dipanjangkan umur supaya dapat melihat apa akan jadi pada dunia seterusnya,

Saya amat bersetuju dgn Tun, bukan nak bodek Tun, kalau bodek pun kan nak dapat apa apa pun....Tun bukan orang nombor satu dah.....

Tapi saya amat menghormati Tun kerana masih lagi membuang masa Tun dengan masalah yang negara kita hadapi. Sesetengah pemimpin bila dah pencen jadi org politik dah tak mau pikir pasal Negara dah, nak jadi apa pun jadi lah, tapi tak sama dengan Tun, kasih Tun pada negara amat saya paham, iklas dan dah tak apa yang nak di kejar lagi, cuma iklas semata-mata,

Bagi pandangan saya secara iklas, kita tak payah nak cakap pasal hukum hakam ka apa ka, yang saya nampak orang orang kita ni pakat nak tunjuk teror dalam segi hukum hakam agama, kalau kita kata Tok Guru ni pandai depa kata depa lagi pandai, depa akan cari jalan macam mana nak keluarkan hukum dan menggunakan nas nas supaya last sekali orang akan kata depa hebat dalam hukum hakam agama, kita tengok lah komen komen yang Tun terima di atas, semua hebat hebat dan saya jadi ketaq juga nak komen balik, hebattttttt, Tapi apa yang jadi akhir nya, Akhir nya orang Islam di muka bumi ni toksah dok buat apa, pakat ramai ramai dok pi meratip dalam mesjid, semua tak bolehh!!! Yang orang islam dok tumpu ia lah apa yang tak boleh buat, ustat nu kata yang ni tak boleh ustat ni pulak akan tambah lagi kata lagi haliuh, peralihuh apa yang tak boleh buat.

Yang paling mengecawakan saya ialah Tok tok Guru dan ustat ni semua sampai tak boleh nak kata apa pun pasal agama kat depa, tegor je sikit depa nanti jeje muka kita dan dengan urat ijau kat tengkok depa nanti suruh mengucap, hang mengucap, hang mengucap. Laaa bukan apa nak tanya pun tak boleh, kalau depa silap pun tak boleh tegoq. Depa kata kalau tak reti jangan dok tanya, jangan dok betengkaq dgn depa pasal depa je yang kejab pasal agama, Yaa Allah apa dah jadi dengan bijak pandai pasal agama ni, sampai tak boleh nak komen langsung. Awat depa ni tak buat salah kaa, awat depa ni daah jadi Tok Guru dan jadi ustat ni tak dak nafsu ka(nafsu kekayaan,segala mak nenek punya nafsu). Amboih hebat sungguh ka depa ni, Tuan Guru Nik Aziz pun kadang kadang jadi merapu tak tahwan punca, awat dia merapu pun kita tak boleh tegoq. Bila tak boleh nak tegoq maka apa akan jadi, my la perasaan riak, sombong, dan bongkak. Maalum lah tak dak sapa pun berani tegoq, pakar dlm agama la konon. Saya jumpa satu orang kawan bukan Islam tanya saya, aik kawan, lu orang pi itu mesjid apa dia orang ajar, saya kata pasal agama laa, mau kasi orang semua baik, jgn gaduh gaduh. Dia kata apa....??? yang buat saya tekancin gigi, lu orang hari hari belajar jadi baik pun hari hari bom sana 50 mati, bom sini 100 mati, semua islam sama sama islam. Kita orang tak belajar jangan gaduh pun, kita orang tak dak bom sana bom sini sama sama kita, hey kawan....apa sudah jadi sama lu orang...saya pikir pun tak terbit(kata org kedah). Haaa, ni apa cerita ni, dok cakap yang nu tak boleh yang ni tak boleh, last last apa jadi??? Tolong pikir sat, jangan dok jeje biji mata pulak, hanya jadi muskil je....

Saya yang pelek tu bila pi dengar kutbah ka, syarahan agama ka, jarang saya dengar tok imam tu cerita apa yang kita boleh buat di dunia ni, yang kerap dok dengar depa dok cerita apa yang kita tak boleh buat, yang ni tak boleh yang tu tak boleh, nak tegoq depa pun tak boleh, kalau buat juga depa cerita lah pekara yang sungguh mengerunkan tapi kalau Tok Guru tu hebat depa cerita punya la gerun sampai kita tak berani nak keluar rumah, takut buat silap. Last sekali orang orang islam akan jadi pasif takut nak buat kesalahan dan tak berani mencuba apa-apa. Bila tak berani mencuba nak buat apa apa kerana terlalu taksab dengan yang tu tak boleh yang ni tak boleh. Maka orang yang di ajar berani mencuba dan tak takut kesilapan akan berjaya. Kita akhir nya akan jadi pak Pandir menang sorak kampung tergadai, Tergadai pada sapa ?????? Tok tok imam

dan ustad ustad tolong pikir sat, akhirnya contoh macam Palestin, orang Islam di bunuh, masjid Al Aqsa di bakar, mereka di siksa maka apa yang dapat dilakukan oleh Ustat ustad dan Imam imam yang pantang di tegur, melenting, serbu kita macam ibu ayam kehilangan anak. Awat tak pi serbu orang Israel yang ada kereta kebal dan peluru berpandu tu yang dok bunuh orang Islam sewenang-wenang depa je, Pi laaaa.

Saya pun orang Islam dan saya pun nak tengok kita orang orang Islam berjaya macam bangsa lain di dunia ni. Jangan bagi alasan Dunia ni untuk orang kafir dan akhirat untuk orang Islam. Kalau di dunia ni kita dah tewas, macam mana kita nak jadi agama contoh yang maju dan berjaya pada bangsa lain. Kita jangan jadi macam rakyat Palestin sampai nak sembahyang di tanah air mereka sendiri pun tak boleh, di sekat di periksa macam menumpang negara orang pulak. Mana negara negara Islam yang kaya raya hasil dari kurniaan Tuhan (minyak) konon nya bersaudara sesama Islam ketika rakyat Palestin sedang menangis menderita memerlukan bantuan daripada saudara sesama Islam. Mana dia orang orang yang bergaduh sesama Islam konon nya mereka lebih Islam daripada saudara Islam mereka. Kan lebih baik kita bersatu sesama Islam bukan nya mencari siapa yang lebih cekap mengeluarkan fatwa dan mengajar hanya apa yang tak boleh daripada yang boleh? Kalau Tok tok Guru dan Ustat ustad dan negara kita ini yang cuma ada penduduk Islam lebih kurang 10 juta orang tak boleh nak menyatukan kami, jangan bermimpilah nak menyatukan umat Islam dalam dunia ini. Saya berdoa semoga kita umat Islam di Malaysia ini bersatu dan jangan lah hanya pandai mencari salah sesama Islam, cari lah jalan memperbetulkan sesama Islam dan bersatu lah dan kemudian baru kita bercakap macam mana nak buat umat Islam seluruh dunia bersatu.

Kalau salah minta maaf nu, jgn dok marah byk sgt kat saya macam Tun kena dah leee. Sekian minta maaf sekali lagi.

By bunga cempaka Author Profile Page on November 13, 2009 4:57 AM

salam tun..

kes dr. asri ni, saya tak tau.. tapi rasanya, ajaran dia bertentangan dengan ahli sunnah wal jamaah.. ada lah hujah2 hadis nya yg saya pun tak ada pengetahuan mengenainya..

walaubagaimanapun.. saya nak komen pasal tun sikit ni.. tun sebenarnya suka mengkritik itu dan ini.. apa yg bukan bidang tun pun, tun nak persoalkan.. especially kalau bab agama ni.. dia bukan main bagi komen je.. kena mempelajari dan mendalami ilmu agama, baru lah akan tau kenapa begitu dan kenapa begini.. dan kalau nak mendalami ilmu agama ni... macam2 cabang atau bidang agama yg ada.. tauhid, feqah, akhlak, usuludin, dan byk lagi la.. dulu, masa sekolah menengah, saya belajar di SMK (Agama).. ada dua mata pelajaran yg saya pelajari iaitu Al-Quran dan Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiah.. dalam kedua mata pelajaran tersebut, walaupun hanya lah sedikit yg saya pelajari.. tapi ianya telah menunjukkan kepada saya bahawa banyak sgt bidang dan hujah dalam bidang agama.. jadi, kalau nak bagi komen pasal agama.. kena belajar dulu dgn mendalam.. antara orang yg belajar ilmu agama secara mendalam adalah ulama.. adakah tun ingin katakan yg ulama ini tidak betul?

setelah segala ilmu yg mereka pelajari, tetapi tun sewenang-wenangnya mempersoalkan kredibiliti ulama dalam bidang agama.. soalan simple dari saya, kalau lah bukan ulama, siapa

lagi yg kita harus rujuk? ramai yg berhujah kita mesti berpandukan Al-Quran dan Hadis... berkemungkinan ulama ada melakukan kekhilafan.. ya ini benar.. tetapi, inilah wujudnya ijma ulama.. ijma ulama adalah satu badan atau kelompok ulama.. mereka berbincang dan berhujah.. bermaksud.. keputusan mereka ada hasil dari perbincangan.. bukan main pendapat peribadi je..

seterusnya, tanpa ulama, siapakah yg akan mentafsirkan AlQuran dan hadis? adakah kita yg kekurangan ilmu agama ini, adakah lebih tepat pentafsiran kita terhadap AlQuran dan Hadis berbanding mereka yg benar2 mempelajarinya? oleh itu, AlQuran dan Hadis sahaja, tidak cukup.. mesti ada ulama yg menjelaskan kandungannya berdasarkan apa yg telah dijelaskan oleh Rasulullah.. namun malangnya, kita mempersoalkan ulama.. saya rasa cukup hairan..

saya bukan lah anti UMNO ataupun Tun, bahkan Tun adalah orang yg menjadi model/ idola bagi sesetengah bidang.. tetapi, apa yg benar dan haq, tetap benar..

saya sering mendengar ceramah kuliah jumaat yg di sampaikan oleh Tuan Guru Nik Aziz Menteri Besar Kelantan.. apa bila mendengar ceramah agamanya.. tidak ada satu pun hujah yg di kemukakan bertentangan dgn Islam.. bahkan segala apa yg diceramahkan oleh beliau, di sokong oleh ayat Quran dan hadis Nabi...

kelantan adalah satu satu nya negeri di malaysia yg tidak menggunakan bank yg berasaskan riba.. beliau telah menarik segala duit kerajaan dari bank2 berasaskan riba dan menyimpannya di dalam bank Islam yg menggunakan sistem perbankan Islam.. semua orang tahu riba dalah haram di sisi Islam.. tetapi, kenapa masih kita menggunakan sistem tersebut? saya kagum dengan apa yg di laksanakan oleh Nik Aziz..

saya tidak nampak di manakah salahnya kepimpinan Nik Aziz... mmg kelantan satu negeri yg miskin dan tidak membangun.. itu saya tidak tahu kenapa.. tetapi, apa yg di bawa oleh nik aziz tidak ada yg bercanggah dengan Islam.. bahkan beliau ingin menegakkan pentadbiran Islam yg sebenar.. mmg Malaysia sebuah negara Islam.. tapi benarkah kita sebetul2 negara islam? kita hanya main pilih pilih sahaja.. mana yg kita rasa nak ikut kita ikut, mana yg kita rasa tak nak ikut, kita tolak... contohnya, pentadbiran negara.. kita membentuk sebuah negara bangsa.. ni saya pun tak tau apa.. tapi, kenapa tidak kita menggunakan sistem islam? kita sebuah negara merdeka.. adakah menjadi kesalahan jika kita melanggar perjanjian dengan British dulu yg telah menggariskan sistem negara kita? kenapa sampai ke hari ini, kita masih menggunakan sistem british dan tidak menggunakan sistem pentadbiran Islam?

kalau hujah kita bahawa negara kita berbilang bangsa dan agama, ianya bukan lah suatu excuse.. bahkan Islam ada caranya dalam mengendalikan masalah ini.. panjang lebar penerangannya nanti.. orang kafir yg tinggal di bawah pentadbiran Islam di bahagikan kepada beberapa jenis.. seperti kafir zimmi dan sebagainya.. Islam tidak menganiaya mereka dan ada cara nya .. maka, tiada sebab kenapa mesti di tolak pentadbiran Islam..

wallahualam..

By amiirAuthor Profile Page on November 13, 2009 4:39 AM

Salam.

to Idea Strategic. mungkin anda salah faham tentang wahabi. saya cadangkan anda cari artikel di internet siapa Abdul Wahhab itu sendiri yang banyak berjasa dalam mempertahankan sunnah rasulullah dan memperbetulkan aqidah org Islam di Arab Saudi.

sebenarnya, pengikut wahabi yg anda gelarkan itu semua melakukan amalan berdasarkan alquran dan hadis sahih. cuma, sesetengah perkara yg bidah itu merupakan amalan setempat dan bila kita katakan perkara itu bidah, mereka akan kita kita SESAT. pemikiran itu perlu diperbetulkan dan itu lah agenda utama Dr Asri dan lain2 ustaz di malaysia.

berkenaan membaca surah An-Nas sebelum sembahyang itu dikategorikan sbg bidah. Ulama' mengatakan bidah ada dua, hasanah dan dhalalah. tapi jika kita bersaNDarkan kpd hadis sahih, tiada hadis mengatakn bidah itu terbahagi kpd dua.

"setiap benda baru itu adalah bidah, Setiap bidah itu sesat, setiap yg sesat itu ke neraka." (From Imam Muslim)

Semoga kita semua ditunjukkan jalan yg lurus (benar)

Wallahualam.

By Bukit Kuching TengahAuthor Profile Page on November 13, 2009 3:26 AM

Salam Tun,

Saya sebenarnya sependapat dengan Tun (bukan bodek pun pasal Tun bukan ada power lagi) dan tambahan pula Dr Asri membawa hujah-hujah berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Kalau kita rujuk rukun Islam ataupun rukun iman sekalipun, takde perkataan Mazhab. Bagi saya perbezaan Mazhab lah punca ketidak seragaman dan fahaman hinggakan menjadikan permusuhan antara negara. Mazhab wujud beratus tahun setelah wafatnya Rasul terakhir. Janganlah sampai kita "wajib" mengikuti Mazhab tertentu berdasarkan dari Buku Teks Pendidikan Islam sekolah menengah. Selagi kita ni bukan Rasul, pasti ada kesilapan yang kita buat, tak kiralah tokoh agama sekalipun.

By MSARAAuthor Profile Page on November 13, 2009 2:00 AM

Tun,

This post made me laugh, as I was thinking the same. Dah kelakar pulak rasa nya.

But then again we may be wrong. How I wish I was more knowledgeable in my own religion.

By Khairul-DeanAuthor Profile Page on November 12, 2009 11:02 PM

Che Det,

Is this a more sensitive issue:

Hepatitis B

From Wikipedia, the free encyclopedia.

just remembering Alfie who is in HDU on drips and antibiotics.  
bet you he is not thinking if he is a member of the jammah lying there on the hospital bed.

I would love to make the Dinar Emas work, Tun.  
(is it obvious?)

By Khairul-DeanAuthor Profile Page on November 12, 2009 10:43 PM

YABhg Tun,

Colorful Billboard

I can't help noticing the blog is vibrant with life with all the colors. Looks great.  
By shaiktambyAuthor Profile Page on November 12, 2009 10:39 PM

AsSalamualaikum Tun,

2:112 (Y. Ali) Nay,-whoever submits His whole self to Allah and is a doer of good,- He will get his reward with his Lord; on such shall be no fear, nor shall they grieve.

7:58 (Y. Ali) From the land that is clean and good, by the will of its Cherisher, springs up produce, (rich) after its kind: but from the land that is bad, springs up nothing but that which is niggardly: thus do we explain the signs by various to those who are grateful.

(10:10)الْمِينَ دَعَوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَأَخْرَجُوا لَهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

10:10 (Y. Ali)their cry therein: "Glory to Thee, O Allah." And "Peace" will be their greeting therein! and the close of their cry will be: "Praise be to Allah, the Cherisher and Sustainer of the worlds!"

Salamun Salaman

By nase2Author Profile Page on November 12, 2009 10:04 PM

Salam buat Ayahanda Tun,

1. Saya akui masih jahil dalam hal agama. Andai kata saya nak dapatkan ustaz dan mohon dia datang ke rumah saya mengajar saya anak beranak mengaji dan serba sedikit hukum-hakam agama, perlukah saya dapatkan ustaz diluluskan JAIS..? Kalau dikatakan untuk saya anak beranak tak salah, macamana pula kalau ada jiran-jiran datang untuk sama-sama belajar dan ringan mulut untuk bertanya hal-hal syariat dsb, wajarkah saya halau jiran-jiran ini balik dan biarkan mereka tidak berkongsi ilmu dengan saya..?

2. Syor saya, JAIS buat satu laman web dan senaraikan semua guru agama yang diluluskan supaya senang kita tahu, buat macam laman web 'orang kompeten' di sesetengah agensi kerajaan dan letakkan sekali takrifan serta had-had perundangan. Letakkan sekali tarikh tamat tauliahnya.

3. Macamana pula nak lulus jadi imam untuk baca talqin..?

By zaidiAuthor Profile Page on November 12, 2009 9:51 PM

Salam alaikum kpd Tun & semua pembaca,

Saya sendiri pun tak berapa pandai dalam hal ini dan masih mempelajari semula ajaran Islam yang sebenar,... namun isu ini amat penting untuk di renung dan difikirkan oleh umat islam untuk keselamatan diri masing2. (Jalan hidup golongan yang selamat)

Pada pandangan saya kunci untuk memahami perkara ini adalah hadis sahih yang berbunyi :

**SUNGGUHNYA ISLAM ITU PADA AWAL KEMUNCULANNYA ASING DAN AKAN KEMBALI ASING SEPERTI PADA AWALNYA. MAKA KEUNTUNGAN BESARLAH BAGI ORANG-ORANG YANG ASING. - (Riwayat Muslim)**

Perjuangan Dr Asri ialah perjuangan para ulama salaf untuk mengembalikan semula Islam itu kepada bentuk asalnya yang tulen...iaitu seperti waktu asal kemunculan Islam. Oleh sebab itulah hanya hadis-hadis sahih sahaja yang dirujuk & segala bentuk amalan ugama yang tidak ada contoh dari Rasulullah dijauhi, kerana segala rekaan baru (dalam cara beribadat) adalah bidaah.

Dan jikalau kita beranggapan bahawa umat Islam yang banyak dimasa sekarang telah betul perjalan / amalan Islamnya tentulah umat Islam dizaman ini menjadi golongan yang kuat dan mentadbir dunia, jika tidak demikian tentulah cara hidup & jalan-jalan yang diambil oleh kebanyakan orang Islam adalah masih tidak betul (masih jauh dari Islam yang sebenar)....

"jika kamu menolong(agama) Allah, niscaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukan mu". (QS. 47:7)

Wallah hu a'lam.

Akhir kata :

"Sesungguhnya sesiapa yang hidup selepasku akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kalian berpegang kepada sunnahku dan sunnah al-Khulafa al-Rasyidin al-Mahdiyyin (mendapat petunjuk). Berpeganglah dengannya dan gigitlah ia dengan gerham. Jauhilah kamu perkara-perkara yang diada-adakan (dalam agama) kerana setiap yang diada-adakan itu adalah bidaah dan setiap bidaah adalah sesat" - riwayat Abu Daud dan ai-Tirmizi. - hadis ini hasan sahih.

...sikit lagi;

Biasanya orang yang betul-betul ingin menunjukkan jalan Islam yang tulin & benar akan menerima tentangan dan halangan.....dan tidak kurang juga sokongan datang dari pelbagai latar belakang..

wallah hu a'lam.

By KIMURAAuthor Profile Page on November 12, 2009 9:45 PM

bg saye niat jais betul tp care salah....sye pun x setuju cre jais...

i love u tun

By ShaikinoAuthor Profile Page on November 12, 2009 9:27 PM

WHAT HAVE THE SUNNI'S DONE TO ISLAM?

The word Al-Hekmah (Wisdom) in the Quran. It is NOT Hadith & Sunna.

Due to the fact that the Quran did not contain any mention of the words 'Sunna't Muhammad', the ardent Sunni's found it necessary to manipulate the meaning of some Quranic words so as to create a Quranic reference to their cherished 'hadith' and 'Sunna'. The word on which they base their claim is that of (Al-Hekmah) as found in a number of verses as:

"Remember God's blessings upon you, and what He sent down to you of the 'Al-Ketab' and 'Al-Hekmah' to enlighten you with it." 2:231

Literally speaking, the meaning of 'Al-Ketab' is the book (the Quran), and 'Al-Hekmah' is wisdom. Nevertheless they interpret 'Al-Hekmah' here to mean the Sunna of Muhammad. However, with a close inspection of the Quranic verses, it can be shown that this interpretation is a total corruption. This is due to the following reasons:

1) The word 'bihee' (with it) that appear at the end of the verse, is in the singular mode, in other words it describes one thing and not two. For that reason the words 'Al-Hekmah' and 'Al-Ketab' must denote one thing and not two, unless of course God is making grammatical mistakes!

If the words 'Al-Hekmah' and 'Al-Ketab' really referred to the Quran and the Sunna, then the verse should grammatically end with the word 'bihima' (with them), which is the plural mode of 'bihee'.

2) The word 'Al-Hekmah' is used throughout the Quran as an adjective of the 'Al-Ketab' (the Quran). This is made evident in the following verses :

"Y.S., and the Quran Al-Hakim" 36:1-2

"This is what We recite to you of the 'Ayat' and the 'Zekr Al-Hakim" 3:58

"A.L.R., these are the signs of the 'Ketab Al-Hakim" 10:1 also 31:2

3) The same word 'Al-Hekmah' is used in the Quran in connection with prophets and messengers who lived before the time of Muhammad. Obviously before Muhammad lived his Sunna did not exist. Thus to say that 'Al-Hekmah' means Sunna't Muhammad is incorrect. Consider the following verses:

a) The following are God's words to Jesus:

"And I taught you the 'Ketab' (Scripture) and 'Al-Hekmah'(wisdom)." 5:110

Clearly the word 'Al-Hekmah' here does not mean the Sunna of Muhammad.

b) The following were the words of Abraham as he implored his Lord :

"Our Lord, and send for them a messenger from among them to recite to them your 'Ayat' and teach them the 'Ketab' (Scripture) and 'Al-Hekmah' (wisdom)." 2:129

Again the word 'Al-Hekmah' here could not mean anything but wisdom. Abraham had no knowledge of the 'Sunna' of Muhammad.

4) A further evidence that the word 'Al-Hekmah' as used in the Quran means wisdom and not Sunna is found in the following verse:

"He bestows 'Al-Hekmah' upon whoever He pleases, and whoever attains 'Al-Hekmah' has indeed attained a great blessing." 2:269

The words "whoever He pleases" in this verse indicate that God bestows 'Al-Hekmah' upon any of the believers and not just His messengers. If we assume that 'Al-Hekmah' means the Sunna we would have to believe that any ordinary believer may also have his own personal Sunna that has to be followed by other believers! This of course is not the case. The verse would instead make full sense if we think of 'Al-Hekmah' in its proper meaning as wisdom.

5) In Sura 17, we are given a clear demonstration of the word 'Al-Hekmah' as being the ability to differentiate between right and wrong and the wisdom to choose what is right. If we read the verses from 22 to 39, we find God commanding us not to worship except Him, to honor our parents, to give due alms to our relatives, the needy, the poor, and the traveling alien but without being extravagant or stingy, not to kill our children for fear of poverty, not to commit adultery, nor to abuse the orphan's money, to trade equitably and fairly, to verify everything before following it blindly and not to act vainly. After such valuable advice God informs us that these virtues are indeed what wisdom is all about.

In that sense 'Al-Hekmah' is not a book of 'hadith' (sayings) of one single person but instead a blessing that God may bestow on any of His servants.

6) Perhaps the simplest and most convincing reason for discarding the corrupted meaning of 'Al-Hekmah' so as to mean the Sunna, is the fact that God is neither vague nor fond of providing us with puzzles. God asserts that the Quran is straightforward, it contains no crookedness:

"An Arabic Quran, without any crookedness, that they may take heed." 39:28

Surely, had God willed that we should follow the teachings of the Quran plus the Sunna He would have mentioned the words 'Sunna't Muhammad' explicitly in the Quran. Needless to say, the only Sunna that is mentioned in the Quran is the Sunna of Allah.

"This is the Sunna of God for those of the past, and you will find no alternative for the Sunna of God." 33:62

The Sunna of Allah is to be found in the Quran and previous Scripture.

Moreover if God had revealed to Muhammad an additional Sunna other than the Quran, as the Sunni's would claim then we would expect God to say 'We have revealed to you the Ketab and the Sunna' or words to that effect. Instead the only Revelation endorsed in the Quran is the Quran itself:

"And We have revealed to you the Ketab (the Quran) truthfully." 5:48

Indeed God takes an oath from His prophet of what was revealed to him. The oath contains nothing but the Quran :

"Say, 'What is the greatest testimony?' Say, 'God is the witness between me and you that this Quran has been inspired to me, to preach it to you and whomever it reaches. Indeed you bear witness that there are other gods beside God.' Say, 'I do not testify as you do; but surely He is one God, and I disown your idolatry.'" 6:19

Finally God commands the prophet to rule and arbitrate between the people with Quran and nothing but the Quran :

"We have sent down to you this Ketab, truthfully, in order to arbitrate between the people." 4:105

7) Finally, the word 'Al-Hikmah' in any Arabic dictionary means WISDOM. To leave the literal and direct meaning and accept a manipulated meaning is to reject the truth of the Quran.  
By Qareem Need RebelAuthor Profile Page on November 12, 2009 8:41 PM

Assalamualaikum wbt.

Tun,

Saya pernah berbual dengan seorang rakan kuliah saya yang sering mengikuti pembelajaran agama di Institut Qayyim. Salah sebuah tempat yang sering orang kaitkan sebagai tempat wahabi, salafi, dr asri dan sewaktu dengannya lah.

persoalan yang jelas ialah mengenai perkara-perkara bidaah yang sering dilemparkan oleh mereka sebagai satu perkara yang tak harus dipraktikkan di negara ini. Sebabnya,

1. tak ikut sunnah rasulluallah saw. kita perlu buat apa yang rasulluallah buat.
2. maulidur rasul, kenduri tahlil dsb adalah perkara bidaah. sesungguhnya bidaah (perkara yang ditambah-tambah) menurut hadith, jalanya adalah ke neraka. masyallah.

bagi saya. Bidaah bukanlah hukum. Jadi, kita tak boleh hendak sabitkan bidaah sebagai asas utama untuk mengadili masalah ataupun perbuatan. Sebabnya, kita bukan setakat ada bidaah saja. Kita ada istihsan, masalah, istishab, ijmak, 'urf dan sebagainya yang terkandung dalam ilmu fekah.

contohnya memberi makan kepada tetamu, especially dalam kenduri tahlil. itu adalah suatu perkara yang berkaitan dengan 'urf (adat). adat kita org melayu yang suka beri makan untuk menghormati tetamu. itu bukanlah perkara yang merosakkan maruah. bukanlah perkara yang membawa bidaah. malah, bidaah juga telah dikategorikan sebagai dua bahagian. bidaah hasanah (yang baik) dan bidaah dolalah (yang buruk). kita kena lihat dengan betul perkara ini.

mengenai maulidur rasul. ramai mukallaf telah berijtihad. itu merupakan salah satu masalah mursalah. iaitu, sesuatu perkara yang tiada dalam nas, tetapi tidak bertentangan dengan hukum syarak, dan perkara itu memberi kebaikan kepada Islam. seperti pengumpulan Al-Quran. Mana ada dalam nas ataupun hadith minta dikumpulkan Al-Quran. Tapi, Saidina Umar yang bijak telah meyakinkan Saidina Abu Bakar bahawa perkara itu penting untuk kesinambungan ajaran Islam. Sama lah macam maulidur rasul. Kesinambungan untuk kita memperingati Nabi kita yang mulia.

Tun,

Kita perlu ingat dan sedari bahawa tak semstinya kita akan sentiasa mempraktikkan apa yang disaran oleh Imam Shafii. Kerana jalan dan saranan dari Imam yang lain turut baik dan meringankan masalah kita.

Ianya bergantung pada takwa dan iman kita. Kerana Allah? Atau kerana nafsu?

Sekian.

Aqram, Penang.

By OrangLamaAuthor Profile Page on November 12, 2009 7:58 PM

Salam,

Perbezaan pendapat adalah satu rahmat selagi kita mengihlaskan diri kepada Allah.

Yang menjadi masalah zaman sekarang di Malaysia dan lain2 negara Islam ialah orang Islam ramai yang cenderung menafsir agama mengikut kepentingan peribadi, politik dan lain2.

Kesannya ramai pihak mengambil kesempatan diatas termasuklah orang bukan Islam. Misalnya di Afghanistan, Iraq dan Palestin, umat Islam beretegah sesama sendiri sehingga Amerika dan sekutunya boleh campur urusan negara merdeka.

\*\*\*\*\*Kepada Pemimpin PAS\*\*\*\*\*

Di Malaysia PAS dan UMNO duk bertikam lidah, sehingga bukan Islam dah berani memprsoalkan hak2 orang Islam seprti menggunakan nama Allah sesuka hati mereka. Yang pelik beberapa pemimpin agama PAS merestui pula? Pemimpin PAS bersengkongkol dengan pemimpin yang menentang negara Islam dari kalangan DAP. Pemimpin PKR pula tidak meletakkan Islam pada keutamaan perjuangannya.

PAS juga bersengkongkol dengan Bar Council. PAS gagal membuktikan mereka perjuang Islam setelah diberi peluang Pakatan Rakyat memerintah di Selangor, Kelantan, Perak(dulu2) dan Kedah. Pemimpin PAS bercakaran sesama sendiri. Ada diantara mereka Tikam dari belakang kawan2 seprti pemimpin MCA. Beberapa Pemimpin PAS menggunakan agama untuk kepentingan politik peribadi.

Pemimpin PAS Selangor mencipta bidaah dalam agama dengan memperkenalkan Baaiah Talak Tiga.

PAS====Sekarang adakah bermaksud "Parti Ajaran Sesat"?

Ingatlah keadilan adalah juga berkaitan memberi hak kepada yang empunya hak. Hak Malaysia sebenarnya ialah hak orang Melayu dan bumiputera yang lain. Orang Melayu dan bumiputera lain telah dianiaya oleh penjajah Inggeris dengan meletakkan syarat2 kemerdekaan berkaitan kerakyatan. Adakah adil andainya Inggeris memerintah Arab Saudi (Nauzubillah) dan diberi kemerdekaan dengan syarat diberi kerakyatan kepada semua orang Inggeris yang berad di Arab Saudi tak kira berapa jumlahnya?

Kembalilah kepada asas perjuangan PAS yang sebenarnya. Walaupun saya ahli UMNO tegar, saya mahu PAS juga kuat supaya dapat mengimbangi kekuatan UMNO. Orang Islam terutamanya keturunan Melayu memerlukan kedua2 UMNO dan PAS kuat. Bergabunglah dalam Barisan Nasional. Tinggalkan Pakatan Rakyat. Satu pakatan jahat mempersoalkan hak2 Melayu dan bumiputera .

By bujangrmAuthor Profile Page on November 12, 2009 7:49 PM

Assalamu `Alaikum YBhg Tun berdua dan blogger,

(01) Seronok juga celoteh kali ini kerana saya dapati rupa-rupanya masih ramai orang Melayu dan orang Islam di Malaysia prihatin terhadap perkembangan isu-isu dalaman pentadbiran dan amalan Islam di Malaysia. Ini dengan jelas membuktikan bahawa perbincangan tentang Islam masih subur di kalangan blogger.

(02) Cuma saya tak sedap hati apabila kita mulai mempersoalkan tindakan autoriti Islam secara terbuka. Mungkinkah tindakan kita mempersoalkan tindakan autoriti Islam secara terbuka akan menyebabkan orang-orang bukan Islam hairan atau mungkin ketawa dengan senario yang berlaku waktu ini?

(03) Dalam pada yang sama, saya juga tak senang duduk bila dapat tahu pihak autoriti Islam yang berkenaan sehingga kini masih membisu dengan tindakan mereka yang akan menambahkan teka-teki di kalangan rakyat jelata.

(04) Mungkinkah akan sampai masanya nanti akan wujud konsep 1 Islam di bumi Malaysia yang bertuah ini?

Ikhlas,

Bujang Redzuan Bin Mohammed

Kuching, Sarawak

<http://bujangrm.ning.com>

By Jennifer Geoffery Author Profile Page on November 12, 2009 7:41 PM

salam sejahtera Tun... semoga sihatx selalu disamping keluarga yang tersayang.... :)

By iiziin Author Profile Page on November 12, 2009 7:04 PM

..... kalaupun bekas mufti itu melakukan kesalahan mengajar tanpa tauliah, tak kan bawa 30 polis tambah 20 pegawai Jais nak tangkap dia. Depa ingat dia bawa senjata kot.... Pisto aiyaq ada laaa....

By prof\_ridcully Author Profile Page on November 12, 2009 6:42 PM

Salam Tun,

Dengan hormat, saya fikir fakta yang seorang bekas Mufti diberkas oleh pihak berkuasa lebih mendebarkan dari fakta yang 50 orang petugas diperlukan untuk menangkap beliau. Mana tahu, pihak berkuasa mungkin ada sebab-sebab tertentu operasi (operational reasons) mengapa begitu ramai orang diperlukan.

Pada zahirnya Dr Asri telah melanggar undang-undang negeri Selangor. Sebagai bekas mufti beliau tentu lebih arif mengapa tauliah diperlukan untuk penceramah agama. Beliau pun pernah terlibat di dalam proses meluluskan -- dan menolak -- permohonan tauliah semasa bertugas sebagai mufti.

Keperluan tauliah atau 'lesen' untuk sesuatu ini bukanlah perkara luar biasa walaupun seseorang itu berkelayakan tinggi -- kita ada seorang pemandu kereta lumba remaja berumur 16 tahun, yang melumba kereta BMW, yang tidak diberi lesen memandu Malaysia oleh JPJ kerana beliau ini tidak cukup syarat (umur yang terlalu muda). Di beberapa negara, doktor pakar, termasuk pakar bedah, penyakit dalaman, ginekologi dan sebagainya perlu lulus peperiksaan pengesahan

CPR setiap enam bulan, dan peperiksaan ini lazimnya dikendalikan oleh jururawat terlatih sahaja.

Saya ada mendengar ceramah Dr Asri melalui TV dan Internet dan juga membaca penulisan beliau. Ada banyak perkara yang beliau utarakan yang saya setuju. Saya amat tertarik dengan kepetahan beliau dan kecenderungan beliau mengajak orang Islam untuk memeriksa semula premis-premis asas kita mengenai agama kita.

Namun, berlainan penceramah lain -- dan mungkin kerana kelantangan beliau -- Dr Asri mempunyai ramai pengkritik (detractors): beliau ditamatkan perkhidmatan; ada seorang ulama dan penceramah (yang kini ahli politik), juga kelulusan PhD UIAM, yang telah menyanggah beliau dengan keras hingga memanggil beliau dengan perkataan-perkataan kesat yang tak perlulah saya ulangi di sini. Terdapat juga 15 NGO Islam yang mengkritik beliau dan, mengikut laporan akhbar, majoriti negeri tidak membenarkan beliau berceramah.

Saya suka mengambil sikap minda terbuka kerana saya hormat kepada kedua-dua Dr Asri dan JAIS tetapi pada tanggapan orang awam macam saya -- dan saya mungkin silap -- kes Dr Asri ini melibatkan sesuatu yang lebih berat dari segi keutuhan agama Islam. Ada sesuatu yang tidak kena, ada isu yang lebih mendalam dan tak tersurat. Saya tidak percaya yang mufti-mufti lain menghalang beliau berceramah hanya kerana cemburu, berlainan pendapat atau kerana sebab-sebab yang remeh. Setahu saya tiada mufti atau bekas mufti yang menghadapi kekangan seperti Dr Asri.

Ramai yang mengaitkan Dr Asri dengan fahaman Wahhabi walaupun beliau dengan bersungguh-sungguh menyatakan yang beliau berpegang pada mazhab Shafi'i. Perasaan yang Dr Asri berkaitan dengan Wahhabi ini diperkuatkan oleh tindakan seorang timbalan menteri (yang juga berasal dari UIAM dan bekas penceramah) yang tak semena-mena menyebut tentang Wahhabi di dalam kenyataan akhbarinya sejurus selepas penangkapan Dr Asri. Penelitian penulisan Dr Asri di laman Web beliau juga memberi gambaran yang beliau berminat dengan ajaran Ibn Taymiyyah dan al-Albani -- dua Syeikh besar puak Wahhabi. Kadangkala Dr Asri memuatkan kritikan ke atas imam-imam besar seperti Imam al-Ghazali dan Imam an-Nawawi, tetapi tiada kritikan ke atas Ibn Taymiyyah atau al-Albani. Tetapi saya anggap ini sebagai kebetulan sahaja. Saya juga hairan mengapa di dalam penulisan Dr Asri Hadith riwayat Imam Ahmad [bin Hanbal, rh], penghasil 'Musnad Ahmad' dan Imam mazhab Hanbali, at-Tirmizi, Ibn Majah dan an-Nasa'i perlu disahkan oleh al-Albani, yang tidak dikenali sebagai pengumpul atau hafiz Hadith. Apabila membaca penulisan Dr Asri saya bertanya diri saya sendiri mengapa perlu ada 'qualification' bagi hadith-hadith tersebut? Adakah al-Albani lebih tinggi ilmunya dari Imam Ahmad bin Hanbal rh? Tetapi saya berkata pada diri saya Dr Asri mempunyai PhD dari UIAM di dalam bidang Hadith, beliau lebih alim mengenai perkara ini dan beliau tentu ada sebab mengapa menulis sedemikian cara.

Walau apa pun, saya berharap kedua-dua Dr Asri dan JAIS dapat bertemu, berunding dan menyelesaikan perbalahan ini secara terbaik demi kesejahteraan umat Islam. Dan memaklumkan kepada khalayak ramai titik perbezaan pendapat mereka supaya kekeliruan dapat dihapuskan.

By 2 of heartAuthor Profile Page on November 12, 2009 5:59 PM

Asmkm Tun dan semua,  
isu berkenaan Dr. Asri ni mmg menarik malah ia membuka mata Muslimin & Muslimat utk memahami & mendalami Islam. ini mmg sesuatu yg positif. mgkn inilah yg dikata "blessing in disguise", wallahualam. Semoga Allah limpahkan rahmat & melindungi Malaysia yg tercinta ini dari sebarang mudarat. Amin

By aziz Author Profile Page on November 12, 2009 4:49 PM

A'kum Tun,

I;ve been waiting for you to comment on this. It was a shameful act of JAIS and people or group related to it. They act as if they are the one who to decide who goes to Heaven and who goes to Hell. They think that they are always right and no one should be better than them. If anyone preach about Islam better than them, its a challenge to them. I really do not understand their understanding of Islam, let alone catching people for the wrong reason.

In Malaysia, we need to consult knowledgeable person to assist on this matter. But somehow, Allah gives us brain for us to think. Therefore, we should study and understand the Quran alone and nothing else to understand the way of life better. We should not take any heeds from any other sources including Hadith or books written by Ulama or so called smart muslim.

I said this because there is no justification to prove that their writing is perfect like the one in the Quran. But surely the first reply I would get by saying this would be, "How can you understand the Quran?"

But you forget that Allah said in the Quran, that I made this book easy for and fully detailed and complete. Only the true believers will take Allah's promise in His book. But how many of us only confident of His words? Most of us will question it because we want something else! And that is what happening to us today.

Look around you. Look to your neighboring countries. Indonesia, Thailand, Filipina, even Malaysia. We all have many difference in this argument because we do not take only from the Quran but also other sources. That has made us become the people who we are today. So sad to mention it but its true. People around the world are killing each other just because they have different opinions or understanding of the subject. The victim would be another human being. The funny thing is Allah already said in the Quran do not kill and yet people kill each other and call it in the name of God. Humans are so ego and blind to see the truth about Islam.

Back to basis again. We should just refer to the Quran as our source of information. In the Quran you can find all the information you want.

Let's look at the bigger picture. People in Pakistan, India, Sri Lanka, Iraq, and many more Muslims country have different opinions. And the best part is they call themselves Muslim when they actually kill one another just because of their ego.

Tun, I pray to Allah everyday to grant us peace in Malaysia and also to give us blessings so that we do not go astray. We have gone astray and many of us do not realize it. They think that they are practicing the right teaching of Islam but in truth, they do not. They are killing each other, they blame each other, and the worse of all, they call it in the name Allah.

Malaysians are smart enough to understand the teaching of Islam. We are given the brain and insyallah with good intention we will be able to understand the Quran better. Do not listen to other sources of Islam except the Quran. That will only put us in bad situation. There will be more divisions among us and sooner or later we will face new challenge. Let's us all get back to learning and understanding the only message left by our beloved Prophet Muhammad through the Quran alone and nothing else. After all, that was his only sole duty which was to deliver the Quran.

Thank you

By HafizAuthor Profile Page on November 12, 2009 4:37 PM

Assalamualaikum,

Saya juga ingin bertanya kepada ulama2 di Malaysia, bagaimana mereka2 ini ditauliahkan sebagai ulama? Ada di antara ulama2 di Malaysia sekadar belajar di sekolah pondok dan juga mendapat pendidikan di Universiti nama nya ala2 Arab dah boleh dikira ulama...

Jika salah sangat ajaran Wahabi, kenapa tidak diharamkan sahaja di Malaysia? Tetapi jangan lupa, sedangkan mereka yang pergi ke Mekkah sewaktu sembahyang di Masjidil Haram di imamkan oleh org Arab yang perpegang kepada mahzab Wahabi....adakah itu salah?

saya tertarik dengan satu ceramah yang saya hadiri di masjid kawasan saya, penceramah tersebut mengatakan bahawa seseorang itu tidak dapat masuk ke syurga jika mereka berhutang sehingga hutang itu dihalalkan. beliau juga ada mengatakan manusia tidak akan tahu bila beliau akan mati...

cuba fikirkan 2 perkara di atas. bagaimana jika seseorang itu berhutang dengan bank atau berhutang dengan kerajaan dalam bentuk cukai pendapatan (income tax)? Dan bagaimana orang yang telah dijatuhkan hukuman gantung kerana mengedar dadah atau membunuh?

itu sebab kadang2 ada dikalangan ulama di Malaysia ni...bukan semua..segelintir..cuma cerita mengenai apa yang mereka pernah dengar tanpa melakukan kaji selidik terlebih dahulu. Kalau apa yang mereka dengar itu salah, maka yang disampaikan juga akan salah.

fikir-fikir kan lah.

By MARUAuthor Profile Page on November 12, 2009 3:40 PM

Salam Tun dan rakan sekalian,

Saya merasa amat dukacita apa yang berlaku kepada DR. ASRI. Kebanyakan mereka yang memandang serong DR Asri kerana hanya mendengar cakap2 orang yang tidak bersetuju dengan beliau tanpa membaca tulisan beliau dan ceramah beliau. Saya sangat tertarik dengan tulisan beliau tentang AGAMA BUKAN CANDU UNTUK MENGHAYALKAN ORANG MISKIN yang beliau tulis semasa beliau menjadi mufti perlis lagi ( saya harap pembaca che det bacalah tajuk ni). Saya tak rasa mufti2 dari negeri lain bahkan JAKIM akan berani menulis sedemikian rupa. Mungkin tak pernah terfikir oleh minda mereka. Tanggungjawab menjadi ulama dan pemimpin sangat berat kerana amanah dan tanggungjawab yang dipikul.

Saya telah membaca tulisan dr Asri sejak tiga tahun dulu dan saya rasa tulisan beliau amat baik dan membuat kita berfikir. Tidak semesti kita setuju apa yang disarankan oleh beliau. Tetapi budaya ilmu dan berhujah secara ilmiah dan berhikmah lengkap dengan dalil adalah bagus. ( Bagi sesiapa tak kira background sains atau sastra yang pernah membuat tesis tahulah, setiap ayat yang ditulis mesti ada rujukan siap nama, tahun dan penerbitnya...kalau tak , tak boleh pakai le tesis tu - tak laku atau tak lulus . Mana pernyataan yang tak disokong dengan rujukan atau dalil ada dua makna - inovasi sendiri atau plagiat hak cipta orang lain dengan menganggap hasil kerja sendiri.

Allah knows best.

By Duyam1968Author Profile Page on November 12, 2009 2:54 PM

Salam Tun,

Sebelum berbicara, saya terpaksa mengatakan yang saya tidak bertauliah untuk berbicara pasal agama dan yang lebih penting jahil tentang agama. Saya cuma hendak berkongsi pengalaman dan pemerhatian sepanjang hayat saya.

1) Dahulu iaitu zaman tabiin dan ulamak-ulamak terkenal selepas itu fahaman agamanya adalah tersebar dan difahami oleh kawasan-kawasan di mana mereka berada atau mengajar (localised). Tiada sistem perhubungan yang canggih contohnya telefon, internet dsbnya. Oleh sebab itu fahaman seseorang ulamak itu akan tertumpu pada masa, keadaan, suasana serta rujukan ilmu yang ada pada masa itu. DAN SAYA TIDAK MENGATAKAN MANA-MANA ULAMAK SALAH SELAGI MEREKA BERPEGANG KEPADA AL QURAN DAN SUNNAH.

2) Setelah globalisasi dan dunia tanpa sempadan berlaku, rujukan ilmu agama adalah mudah untuk didapati dan satu dunia tahu akan amalan agama dan sekarang ini kita tahu ada beberapa cara untuk melakukan sesuatu amalan. DAN SAYA TIDAK MENGATAKAN SEMUA AMALAN INI SALAH SELAGI IANYA BERPANDUKAN KEPADA AL QURAN DAN SUNNAH.

3) Saya pernah belajar di UK dan mengembara ke Afrika Selatan, Lesotho, Belgium, Belanda, India, Bangladesh, Mekah, Madinah dll dan saya dapati tiada masalah untuk saya mengamalkan

agama Islam. PERBEZAAN HANYALAH PERKARA RANTING DALAM ISLAM DAN IANYA TIDAK MELIBATKAN PERKARA ASAS.

4) Memandangkan dunia tanpa sempadan, saya berpendapat kesemua orang Islam perlu didedahkan kepada "perbezaan" ini dan ulasan secara ilmiah perlu dibuat. Anak-anak kita terdedah kepada sumber-sumber rujukan yang banyak dan agak malang jika sistem pendidikan agama kita tidak cuba untuk menyelesaikannya. Minda anak-anak jika perlu didedahkan berhubung perkara ini SELAGI IANYA TIDAK MENYIMPANG DARIPADA AL QURAN DAN SUNNAH.

5) Saya amatlah berharap supaya pihak jabatan agama supaya pro-aktif. Jawatan di jabatan agama bukanlah makan gaji saja tetapi satu kewajipan dan tanggungjawab yang besar untuk memastikan kesemua manusia dapat diselamatkan daripada api neraka dan masuk ke syurga Allah dengan rahmatNYA.

6) Ya, Allah ampunlah kami jika terdapat kesilapan dan kekurangan. Berikanlah kami kefahaman ISLAM seperti difaham oleh Rasullullah SAW.

Wasalam.

By sputjamAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:41 PM

amat mengelirukan.

Jais dan zulkifli nordin mengatakan bahawa perbuatan mereka adalah untuk mempertahankan ugama islam.

tetapi, bukankah manusia yang meminta pertolongan tuhan untuk mempertahankan diri? Jadi, kalau tuhan tidak mempertahankan ugama, mengapa manusia pula yang pertahankan ugama? Adakah manusia cuba membuat kerja tuhan? Atau ugama itu bukan daripada tuhan tetapi direka oleh manusia?

Kita dilarang berkhidmat kecuali untuk tuhan. Kalau kita berkhidmat untuk ugama, bukankah ini sudah bercanggah dengan pesanan dalam koran?

Kita akan diadili dengan perbuatan kita di akhirat kelak. Bukan dengan berapa banyaknya kali bersembahyang/berpuasa/membuat haji dll. Inilah pesanan yang saya fahami.

"Abraham was a nation, humble to GOD, a monotheist; he was not of those who set-up partners. Thankful to what provisions he was provided; He selected him, and guided him to a Straight Path. And We have given him good in this world, and in the hereafter he is one of the upright. Then We inspired you: 'follow the creed of Abraham, monotheism; he was not from those who set-up partners.'" (16:120-123)

"Say: 'come let me recite to you what your Lord Has forbade for you:

that you should not set-up anything with Him.

And be kind to your parents;

and do not kill your unborn children for fear of poverty, We provide for you and for them;

and do not come near evil, what is openly of it, or secretly;

and do not kill the soul which GOD Has forbidden, except in justice. That is what He enjoined you that you may comprehend'.

'And do not come near the money of the orphan, except for what is best, until he reached his maturity;

and give honestly full measure and weight equitably. We do not burden a soul except by what it can bear.

And if you speak then be just even if against a relative;

and with pledges made to GOD you shall observe. This He Has enjoined you that you may remember'.

And this is \*My path, a Straight One, so you shall follow it, and do not follow the other paths lest they divert you from His path. That is what He has enjoined you to that you may be righteous." (6:151-153)

Jadi kalau kita memeluk sebarang agama, bukankah ini bercanggah dengan pesanan dalam koran yang melarang kita untuk mengambil pasangan selain dari Allah. Patut kah kita mendengar larangan tuhan atau larangan agama?

By nazrimalikAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:36 PM

Hello Tun,

Bila cakap tentang agama sapa pun tak menang. Drp nak gaduh baik tak payah cakap. Buat pening, sakit hati, sakit jiwa. Semua ikut tok guru masing2. Tak bleh give n take langsung. Susah....

Saya pernah terpikiaq, kenapa byk sgt kefahaman islam. Sepatutnya dlm zaman moden ni semua ulama satu dunia kena duduk bincang apa yg patut. Buatlah satu garis panduan apa yg betul n apa yg salah. Islam cuma satu. Lani tertib bersolat pun berbeza ikut fahaman. Mcm2 lagi yg tak sama. Org bukan islam yg berminat nak masuk islam pun keliru.

Berkenaan kes Dr. Asri, nak cakap pun tak guna. Tak apa lah, u all gaduh lah puas2. Mungkin yg menang tu bila mati masuk syurga. Saya tak peduli. Lagi pun, bukan kamu-kamu yg tentukan dosa pahala saya. Biaq pi lah kat depa Tun. Tuhan tu maha kuasa. Moga Tuhan lindungi Dr. Asri.

Apa2pun, take care Tun.

nazrimalik

By khairulAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:28 PM

paklah tu bagus.. pasal nak tegakkan hukum Allah yang sebenar.. tapi dia silap letak nama Islam Hadhari.. orang mana baca isi kandungan dia.. orang ramai tgk nama Islam Hadhari pun dah lain macam.. so orang ramai ingat agama barula.. sbb tu la ramai menentang.. chedet pun guna taktik ni nak tentang paklah.. he2

kan ?

By khairulAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:26 PM

paklah tu bagus.. pasal nak tegakkan hukum Allah yang sebenar.. tapi dia silap letak nama Islam Hadhari.. orang mana baca isi kandungan dia.. orang ramai tgk nama Islam Hadhari pun dah lain macam.. so orang ramai ingat agama barula..

kan ?

By suara muda kepada tuaAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:26 PM

BUKAN APA..TAULIAH TU PENTING....byk ajaran sesat yg di bawa terutama sekali dari Indonesia..saya penah duk di sg.bloh selangor... byk ajaran2 sesat akidah di sane..org kite neh nkmpk je yg senang nk tuntutan ilmu rela terima..hulur duit pn xpe..yg hulur body pn xpe..kunun2 ley ciom syurga....ciom sang penyesat de r...

By suara muda kepada tuaAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:24 PM

Tun pn kne igt..dulu pn Tun penah sumbat Ustaz Badrul amin dlm ISA..

By khairulAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:17 PM

salam

Islam itu mudah.. buat apa nak keliru keliru nak campur islam dengan dr. Asri ni.. kalau dia salah tangkap je la.. kalau tak mesti Allah tlg dia.. mmg la keliru kalau duk politikkan agama

kalau dua dua muslim perang kerana salah tafsir.. dua dua tu bukan ahlu as-sunnah waljamaah dah tu

By shafizaAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:01 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya bukan lah org yang berilmu dalam agama tetapi seperti umat islam lain, saya tahu batas2 dalam Islam.

Mengulas tentang issue yag Tun hurakan di atas, saya setuju dgn pendapat Tun bahawa umat Islam di Malaysia sekarang sangat sensitif. Terbaru ini di Sarawak, terdapat satu issue di mana budak sekolah meniru cara umat Islam sembahyang berjemaah dan di upload ke dalam laman

web You tube. Sebagai umat islam, sememangnya saya marah dgn perbuatan budak budak sekolah St Augustine itu. Orang kristian di Sarawak pula telah mempersoal kan kenapa apabila umat Islam mencaci agama lain di dalam ceramah tidak pula diperbesarkan isu itu? Ada juga segelintir Kristian yang juga marah dgn perbuatan budak budak itu kerana di dalam agama mereka, adalah satu dosa sekiranya mereka tidak menghormati agama orang lain. Tambahan pula dengan isu Dr Asri, ini sudah menunjukkan bahawa umat islam di negara ini sudah tidak sehaluan.

Apa yang dapat saya terangkan kepada mereka adalah agama islam sebenarnya amat mudah dan tidak lah sesusah seperti yang di hebah kan oleh mereka yang fanatik. Semuanya bermula daripada niat di hati. Apa yang kita lakukan mestilah kerana Allah SWT dan ke jalan Allah SWT.

ps: Konsep 1Malaysia sangat bagus tetapi bagaimana kita hendak mencapainya jika rakyat sendiri masih bersifat perkauman.

Wallahu'alam

Wasalam

By ibzainalAuthor Profile Page on November 12, 2009 1:59 PM

Salam Tun,

Pertama sekali nak komen apakah penguasa agama yakin bahawa ajaran agama islam ni ,sesat atau sebaliknya, dapat dibendung melalui pentauliahan. Tidakkah mereka sedar bahawa sekarang ini apa saja ilmu boleh disebarkan samada melalui jalan formal (sekolah,institusi,majallah buku dll) atau jalan informal (internet,e-mel,perbincangan dll) .Berapa kerat sangat orang yang boleh dipengaruhi melalui ceramah yang formal.

Kuliah agama berjam-jam panjangnya boleh di ikuti melalui YouTube dll. malahan pelbagai artikel tentang agama kalau hendak dibaca dalam internet ni tiada kesudahannya kerana terlampau banyak.Adakah maklumat tersebut yang boleh diterima dengan mudah oleh saya sebagai penduduk Selangor , dipantau dan disiasat oleh JAIS.

Saya tidak pernah hadir dalam mana-mana ceramah Dr. Asri tetapi berpuloh jam ceramahnya dalam internet dah saya dengar . Bukan dia saja ramai lagi.

Hadirnya saya disini bukan nak defend atau hentam Dr. Asri. Apa saja yang akan saya ketengahkan boleh di sokong atau dipatahkan oleh orang lain kerana manusia diberi akal untuk berbuat demikian. Terpulang kepada arah mana condongnya. Dalam internet pun perbalahan mengenai agama ini tak pernah habis.

Kalau kita nak kata kerja JAIS dalam cubaan membendung penyebaran ilmu tertentu yang tidak diiktirafnya , atau mana-mana jabatan penguatkuasa agama yang lain ni, sebagai sia-sia nanti ada saja jawabnya...kerana ianya sebuah organisasi maka perlu ada struktur dan aktiviti yang sedemikian.....berkesan atau tidak ...itu soal lain.

Kerajaan pusat sendiri kata tidak akan edit bahan-bahan yang disiarkan dalam internet ....mungkin kerana rumit, mungkin kerana sia-sia atau mungkin tidak mau di label sebagai "big brother " Tidakkah bermakna bahawa kerja mentauliah atas dasar menjaga kepentingan umat islam disesuatu kawasa sebagai kerja sia-sia. Dengar dulu , kemudian tangkap mana-mana yang dikatakan sesat.

Walau apa pun Tun , terima kasih kerana usaha membuka dan merancakkan minda rakyat melalui ruangan ini.

Semoga Allah memberkati dan nikmat sihat dilimpahi ke atas Tun dan keluarga Tun.  
By haliamudaAuthor Profile Page on November 12, 2009 1:48 PM

Salam....tak tau nak komen.....yang merosakkan imej Islam bukannya orang bukan Islam...tapi orang Islam sendiri....pikir-pikirkan lah  
By checkerAuthor Profile Page on November 12, 2009 1:19 PM

Salam Tun,

Nampaknya 2 komen saya berkenaan perkara masih belum di publishkan.

Kali ini saya nak jawab kepada Idea Strategic pada Nov 11,

" Apa yang menjadi persoalan saya adalah kenapa fahaman Wahabi ini menjadi gerakan senyap. Ceramah pun diadakan dirumah, kalau betul hendak menegakkan syiar & membetulkan apa yang salah didalam pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri boleh dibuat perbincangan terus & tak perlu senyap-senyap. Ini menjadikan umat islam dinegara kita berpecah. Yang tabligh lain, ahli sunnah lain, tarekat lain & wahabi pun lain. Yang mana satu ni....."

dengan menceritakan pengalaman saya. Saya dari kecil memang patuh dengan tunjuk ajar ibu-bapa, datok/nenek dan guru ugama dalam menjalankan ibadah sebagaimana diperentak oleh ALLAH AW. Bila saya menunaikan haji pada tahun 1992, saya nampak berbagai cara amalan berlaku di Mekah dan Madinah. Bila saya tanya uztaz tabung haji dan lain2 yang saya rasa lebih tua dan berpengalaman tentang perkara2 tersebut, saya sukar untuk menerima penjelasan yang diberi. Sejak itu saya mencari dan 10 tahun kemudian baru terjumpa jawapannya berdasarkan pesan Nabi SAW " Aku tinggalkan 2 perkara, Quran & Sunnah ku, Jika kamu rujuk kepadanya kamu akan selamat selama2nya, dunia dan akhirat" Inilah yang menjadi pengangan saya untuk menuju kesyurga ALLAH. Nak tahu ilmunya kenalah mengaji Quran & Hadith kerana Allah juga berfirman " Jangan kamu amalkan/melakukn sesuatu amalan yang kamu tiada ilmunya". Saya sukar untuk menerima ajaran sesuatu tanpa dengan dalil yang sah. Jadi saya ingin nasihat anda supaya mendengar apa yang diperkatakan dan BUKAN SIAPA yang berkata. Memahami ilmu Quran & hadith adalah satu hidayah ALLAH yang paling agung bagi sesiapa yang mencari dan ALLAH redha dengan usaha sedemikian.

Olih itu apa yang berlaku dan akan terus berlaku memanglah akan mengelirukan dan kita bolih tersesat kalau tidak berwaspada. NGAJI, NGAJI, NGAJI. Ugama itu senang manusia saja yang menyusahkan. Wallahhu'allam.

Kalau minat untuk maklumat lanjut, saya bolih dihubungi di: orbee007@hotmail.com  
By abang DinAuthor Profile Page on November 12, 2009 12:59 PM

assalamualaikum Tun dan kawan-kawan semua.

ini adalah kali pertama saya memberikan pendapat dan insya-Allah akan selalu memberikan pendapat yg saya fikirkan betul dan benar tanpa 'berat' atau 'condong' kepada mana-mana pihak.

semua mengenali dr asri kerana kelantangan dan fakta atau cerita yg dikeluarkan olehnya. kadangkala kerajaan dihentam, kadangkala juga pembangkang yg terkena.

saya selalu membaca karangan dr asri, pada pandangan saya tiada yg silap dalam penulisan beliau. beliau sebenarnya mengajar kita melihat sesuatu perkara itu secara lebih terbuka, bukan dengan minda tertutup yg hanya menerima bulat-bulat sesuatu hukum tanpa logik akal dan pemikiran yang waras.

sebagai contoh yg jelas, sunnah nabi adalah semua perkara yg diamalkan oleh nabi Muhammad SAW. baginda bersugi bagi membersihkan mulut. ini adalah sunnah, tidak boleh dinafikan dan dihina. tetapi sebagai seorang yang mempunyai akal, kita perlu sedar bahawa bersugi adalah perbuatan membersihkan mulut yang terbaik pada zaman baginda nabi SAW. bukan hanya kerana nabi bersugi, maka kita juga ikut bersugi walaupun dizaman yg moden ini terdapat banyak lagi cara untuk membersihkan mulut, yang lebih berkesan dan lebih baik. kita seharusnya pilih yang terbaik dan yang paling sesuai dengan keperluan. kita harus ingat, nabi juga menunggang unta untuk pergi ke mana-mana, tetapi adakah unta ialah tunggangan terbaik untuk kita? begitu juga dengan sunnah-sunnah yang lain.

berbalik kepada dr asri, idea dan pemikiran logik beliau (yang juga bersandar kepada pengetahuan dan sejarah) harus diterima dengan terbuka. jika berlaku kesilapan, sepatutnya boleh dibincang, diperhalusi atau didebatkan jika perlu. bukan dengan melarang beliau menyuarakan pendapat.

memang benar kita tidak boleh menggunakan logik semata-mata dalam menentukan hukum-hakam atau mengeluarkan kenyataan dan fatwa. tetapi harus diingat dalam menentukan semua perkara berkaitan agama, kita harus mempertimbangkan penjelasan logik akal. kita dituntut menggunakan akal yg diberi oleh yg berkuasa. sebagai contoh, dahulu semua insuran adalah haram kerana disamakan dengan memperdagangkan nyawa. apabila berlaku kecelakaan, pihak insuran akan membayar pampasan kepada keluarga si mati. tetapi setelah digunakan akal dan pemikiran logik, insuran kini sudah berubah daripada haram kepada halal. bertujuan untuk meringankan beban keluarga mangsa yang ditinggalkan dengan mengejut.

begitu juga dengan alkohol, dahulu disamakan dengan arak. tetapi kini dibuktikan yang arak dan alkohol adalah dua benda yang berbeza. dimana alkohol itu bersifat bersih, bahkan digunakan

secara meluas dalam perubahan. banyak lagi contoh-contoh perkara yg dahulunya haram, tetapi kini menjadi halal. ada juga contoh yang dahulunya halal tetapi kini menjadi haram. semua ini bermula dengan pandangan daripada pihak yang pada awalnya dihina, disindir dan dianggap semacam sesat kerana berlawanan dengan situasi dan amalan semasa.

apa yg saya tekankan di sini, kita tidak boleh menolak pandangan org yang berilmu hanya kerana perbezaan pendapat. harus diingat, mazhab pun ada banyak. kesemuanya adalah betul dan benar. tetapi didalamnya mempunyai banyak perbezaan, yg mana sebenarnya ia diolah oleh pemikiran yang logik dan waras dengan tidak mengabaikan Al-Quran dan hadis.

sekian, terima kasih.

By tanjongAuthor Profile Page on November 12, 2009 12:55 PM

salam Tun & warga che det sekalian,

sama samalah kita mendoakan agar 'ketajaman akal fikir' sentiasa milik umat melayu senusantara.

**MELAYU MEMBACA MELAYU PERKASA!**

By ShamsiahAuthor Profile Page on November 12, 2009 12:36 PM

Salam Tun,

Saya pun bukanlah terpelajar sangat dalam bidang agama. Tapi saya rasa Tuhan tu Maha Adil. Dia memberi kefahaman mengikut kadar tiap-tiap seseorang. Asal kita ikhlas ingin memahami agamaNya, InsyaAllah kita akan di pandu. Dari dulu sampai sekarang, bila ada konflik pendapat macam ni, saya selalu ingat pesan Nabi, " Aku tinggalkan dua perkara, tidak akan sesat selagi kamu berpegang kepada dua-duanya iaitu Kitab Allah dan Sunnahku".

Semoga Tun diberi kesihatan yang baik oleh Allah Taala.

By mazlanAuthor Profile Page on November 12, 2009 11:10 AM

Assalamualaikum.

Semoga kita semua mendapat petunjuk dan keampunan ALLAH.

Ada perbezaan antara mempersoal dan meminta penjelasan.

Untuk mendakwa tentulah memerlukan sedikit masa untuk menyediakan kertas pertuduhan dan ruang masa mahkamah untuk mendengar pertuduhan.

Saya percaya ayat AL-Quran dan Hadis tidak bercanggah antara satu dan lain, namun sebagai orang awam, kita akan keliru jika 2 ayat ini digandingkan...'**TIDAK BERUBAH NASIB SESUATU KAUM, MELAINKAN KAUM ITU SENDIRI MENGUBAHNYA**' dan '**TIADA DAYA UPAYA MELAINKAN DENGAN KEHENDAK ALLAH**'. Kerana itu perlunya berpandukan Ijma ulama Ahli Sunnah.

Saya setuju ulama juga ada kesalahan dan kesilapan tapi saya percaya ulama yang mewarisi ilmunya dari RASULULLAH adalah mereka yang menjalankan amanah tanpa mengharapkan balasan jauh sekali dari memiliki sifat ego. Adakah Dr. Asri tidak melakukan kesalahan dan kesilapan?

INSYAALLAH kebenaran akan zahir dan kebatilan akan lenyap.  
By n.ajisAuthor Profile Page on November 12, 2009 10:41 AM

Masyarakat menjadi keliru dengan JAIS sebab beberapa perkara:-

1) JAIS menangkap ala gestapo, kemudian tidak tahu apa pertuduhannya selepas dua minggu. Jika seorang bekas mufti yang dihormati diperlakukan sedemikian rupa, saya tidak dapat bayangkan nasib wanita2 biasa yang ada kes di mahkamah syariah. Adakah mereka juga datang ke mahkamah lalu menunggu berjam-jam lamanya kerana pegawai JAIS lewat? Ini memburukkan imej Islam kerana sikap pegawai agama yang tidak bertanggungjawab, lewat, tidak terurus pengurusannya, mengambil mudah urusan orang lain serta tergojoh gapah mengambil tindakan.

2) JAIS menuduh dr maza tidak mengamalkan Islam setempat. Adakah Islam diturunkan di bumi Melayu? Salahkah kita merujuk kepada sumber Islam yang asal iaitu Quran dan Sunnah? Sehingga hari ini, tidak ada lagi hujah ilmiah bagi membuktikan fahaman Dr Asri terkeluar dari lunas Quran dan Hadis. Hanya tuduhan liar dilemparkan kononnya beliau berfahaman wahabi. JAIS sepatutnya mengemukakan bukti dan hujah yang bernas bagi membuktikan tuduhan bukan dengan menuduh orang yang bukan-bukan.

By khairulevenAuthor Profile Page on November 12, 2009 10:34 AM

assalamualaikum tun dr mahathir,

you are the source of inspiration and spirit for many people in Malaysia and the world.May Allah reward you with a good life here and hereafter.Your thoughts,aspiration and vision has raised a lot of consciousness in the minds of young people like me.We love you and please continue writing.I am agree with almost all of your opinion.

Some people say you are also corrupt in some things but actually all the people around you are a lot more corrupt than you.Maybe at least 80% better than after you.=D.I have never meet you and this is the first time i write to you.whether you read it or not I dont know.Reply..that requires one in a million chances.But I hope you know the deep trust I have for you as a leader.

I agree with you on Badawi's corruption.He seems to have amnesia when he leads =D.I really think he is sooo messed up.Malays are so stupid to not take action immediately when they notice how slow he is.For me the Islam Hadhari is not a problem.The problem is not the declaration of the concept.The problem is it DOESNT PRODUCE ANY SIGNIFICANT RESULT AT ALL!=D .About Anwar,I dont agree to make him suffer like that.Its against human rights and Islam or any moral system.For me,thats your flaw.But that doesnt change my view that you are a good person.

What I like most about you Tun is you are direct, brave, analytical and righteous in your approach. Actually I want to say "Keep it up". Ignore any stupid Malays or comments made by your opponent that doesn't make sense. Those hypocrites are actually the ones that are gonna ruin the country. You are non-emotional in your approach, and you use the right judgment. I like that a lot. This is not a praise. This is a confession. I can observe the "clan's" habitual stupidity and I understand your view on them. =D

Lastly, Thank You Dr For Showing The Right Example Of A True Leader. Remember there are people like me that support you .

Your Great Fan,  
Sabahan Student, M.D  
By Wayfarer Author Profile Page on November 12, 2009 10:07 AM

Assalamu'alaikum & salam sejahtera

Maaf saya cuma komen isu sampingan

Kpd blitz (Tok-Mudim) - November 10, 2009 10:45 PM

Pautan anda mmg kpd laman Dr MAZA, tetapi sebenarnya berita tu adalah tulisan ZIEMAN drp Mstar Online (pautan saya). Rasanya dia salah memetik kata-kata asal Dr MAZA seperti yg ada dlm laman Utusan berikut:

[http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0706&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0706&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm)

Sekian, terima kasih. Wallahua'lam. Wsslm  
By H0N0 Author Profile Page on November 12, 2009 8:54 AM

Assalamualaikum Tun,

Komen saya terhadap Dr. Asri ialah - Memang agama Islam itu mudah tapi jangan terlalu ambil mudah terhadap Islam dan memperkecilkan ulama-ulama lain. Sikap riak itu tidak disukai Allah. Semoga Dr Asri mendapat pengajaran dari apa yg berlaku dan membuat muhasabah diri utk menjadi ulama yg lebih baik dan semoga Allah tunjukkan dia jalan kebenaran.

By RA Author Profile Page on November 12, 2009 8:49 AM

Salam hormat dan salam 1 Malaysia Yg Bhg Tun,

Rakyat Malaysia khususnya penganut Agama Islam tidak mengira dari golongan mana atau status mana sekalipun dalam kehidupan amat perlu dan amat wajib secara berterusan menambah dan memperkayakan ilmu pengetahuan agama dan merealisasikan dengan amalan ibadah wajib dan ditambah dengan ibadah sunat bagi melengkapkan diri untuk menemui Allah Subhanahuataala apabila sampai saat dan ketikanya nanti. Dengan demikian mungkin banyaklah

perkara-perkara yang menyentuh soal keilmuan agama menjadi persoalan dan tandatanya. Sewajarnya apabila timbul persoalan/tandatanya daripada mana-mana pihak atau individu yang menuntut sesuatu penjelasan daripada pihak yang lebih mengetahui dan berautoriti dari segi keagamaan tidaklah bersesuaian jika dilayan dengan berbagai cercaan, celaan dan tomahan. Para Ilmuan Agama adalah merupakan Pewaris Nabi S.A.W. dan sewajarnya menjadi pembimbing dan penunjuk arah kejalan yang benar kepada pihak yang memerlukan bantuan maklumat dan pemahaman yang benar. Wallahhualam.

Wassalam Tun.

By chemudAuthor Profile Page on November 12, 2009 8:28 AM

perbezaan pendapat tidak membawa kesesatan, yang penting jangan terlalu emosional dan cuba menegakkan pendapat masing-masing, itu yang boleh jadi perbalahan. Bagi saya Dr MAZA cuma membincangkan tentang perkara-perkara yang telah lama kita amalkan, memang agak sukar untuk diubah kerana ianya telah jadi budaya... wallahu a'lam

Che Mud

By pj1Author Profile Page on November 12, 2009 7:55 AM

Salam hormat buat YAB Tun berdua

Perselisihan antara ulama adalah common dalam rakaman sejarah Islam. Seawal-awal kewafatan Nabi Muhammad saw, satu perselisihan tercetus sehingga berlaku perang antara Saidina Ali (Khalifah dan menantu) dan Saidatinah Aisyah, isteri Nabi sendiri.

Persoalannya mengapa ini semua terjadi sedangkan ia tidak patut terjadi. Dunia ini hanyalah tempat persinggahan di samping tempat kita menerima nikmat dan dugaan dari Allah swt.

Kita tidak akan mendapat jawapan (tentang patut atau tidak patut) melainkan kita mesti faham bahawa Allah itu Maha Berkehendak. Jika kita faham yang ini, barulah boleh kita kembalikan semua pada Allah di samping sedar betapa kecilnya diri dan kemampuan kita. Ada satu kuasa lain yang jauh lebih hebat dari akal atau hujah kita sehingga segala sesuatu diseluruh alam maya ini dan segala di dalamnya baik sebesar-besar planet mahupun sekecil-kecil zarah terpaksa mengikut segala kehendakNya.

Jika tidak kita tidak akan berhenti bertelagah sesama sendiri kerana memikirkan kitalah yang betul dan yang lain salah. Tidakkah ini merugikan kerana anugerah terbesar iaitu anugerah akal yang dikurniakan kita salah guna ibarat kata pepatah 'bersatu teguh, bercerai roboh'.

Saranan saya kepada kedua-dua pihak supaya berdamai dan kembali kepada asas bukannya ego. Mungkin lebih senang JAIS dan Dr Asri berdamai kerana mereka ini 'orang-orang' agama yang sering memberi ceramah dan menyampaikan peringatan kepada umat Islam tentang nilai-nilai Islam yang begitu suci dan syumul.

Tun berdua jaga diri ya.

By Mr.GreenAuthor Profile Page on November 12, 2009 6:59 AM

Assalamualaikum Ayahnda Tun,

Apa yang susah kita kawal adalah perasaan riak diri atau berbanga diri dalam kita beribadat kepada Allah..

Dalam kes Dr. Asri ini sama-samalah kita berdoa, agar Dr. Asri diberi kesabaran yang tinggi agar beliau tidak terlalu riak dan sombong dengan taraf dan pangkat yang diperolehi di dunia ....lagi pun beliau masih terlalu muda dan peluang untuk beribadah dan mencari ilmu masih jauh...

By HBTAuthor Profile Page on November 12, 2009 6:55 AM

Good morning Ayahanda Tun,

After reading this article on Ahli Sunnah Wal Jamaah and the comments especially the comment made by sdr antisekular is the issue of religion (social) freedom within the Islamic teachings and punishments is like Traditionist versus Modernist.

What should the "pihak2 berkuasa (include BN and PR)" do for today and tomorrow, say another 60 years from now? On Monday (1)9.11.2009, the day that marked the 20th anniversary of the fall of Berlin Wall, an event which marked the failure of communism and one that continues to symbolise the enduring spirit of individuals seeking for politic, economic and social freedom from state oppression.

In order to make sure the on-going Government in Wilayah Persekutuan's and State Levels' Check and Balance responsibilities functioning which include not only Islam religion in Centralization of Power, it includes non-Islam religions as well. Hence, in order to break the walls of races and religions detracting Malaysia's unity for 60 years now, it would be good for all citizens if our Kementerian2 concerned refer back to the Federal Constitution formed in 1959 and 1963. If our Kementerian2 insist on 2 important criteria:-

1. SINI - Ketuanan Melayu, Bumiputra, Muslim, Raw (unskilled) by manipulating and exploiting NEP policy, States and Wilayah Persekutuan power and authority ...
2. SANA - Ketuanan Kaum2 lain, Non-Bumiputra, Non-Muslim and Skilled (un-raw) by manipulating and exploiting NEP States and Wilayah Persekutuan power and authority ...

These problems (these walls) will never be solved politically, economically and socially in the globalising world or in layman term, Fusion-ing world for better future.

Good day Ayahanda Tun.

By muhamad mispanAuthor Profile Page on November 12, 2009 4:47 AM

Salam Tun..

Adakah mungkin isu penangkapan Dr. Asri adalah untuk mengalihkan pandangan masyarakat terhadap beberapa isu politik yg sedang bergolak kini khususnya di "Selangor"?

Wallahualam..

By Nadim MAuthor Profile Page on November 12, 2009 3:32 AM

ya,  
jangan terlalu cepat menangkap orang...

oops..

By rizuaniAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:56 AM

Assalamualaikum,

Saya cuma ingin bertanya sesuatu yg selalu tak pernah terjawab, sesiapa yg bijak pandai dan tahu dalam hal ini bolehlah memberi sedikit sesuatu,

1. Saya ada mendengar tentang Babi, jika tersentuh kita diwajibkan untuk menyamak? ada pula sy mendengar perbezaan Babi dan Anjing. Jika kita memegang anjing atau terkena air liur anjing maka kita diwajibkan menyamak (seperti yg saya tahu). Juga terdapat pendapat perbezaan Babi dan Anjing adalah Babi tergolong dari Golongan Haram dimakan digolongkan seperti najis, darah dan nanah dan pula Anjing adalah diharamkan tersentuh dan diwajibkan menyamak. Adakah kedua2 binatang ini digolongkan dalam satu golongan atau berbeza..kerana saya ada terdengar perbezaan pendapat ini.

2. Jika seorang yg bukan Islam sebelumnya memakan babi etc ingin memeluk agama islam, adakah diwajibkan untuk disamak rumahnya? Jikalau masalah ini di Malaysia mungkin senang untuk menyamak, mencari tanah dan sebagainya tetapi jikalau keadaan ini berlaku ditempat2 lain seperti Singapura ataupun US atau UK. Adakah kita perlu membuang barang2 tersebut dan jika ditanya bukannya dalam Islam membazir adalah perbuatan Syaitan.

Sekian terima kasih kepada sesiapa yg ingin memberi pendapat atau tahu tentang hal ini.

By joesatrianiAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:50 AM

Dear Tun,

thank you for highlighting this interesting issue.

1. To antisekular, saya rasa comment anda tak berapa tepat, tapi tak mengapa, saudara telah mencuba memberi pendapat saudara dengan jujur walaupun saya tak berapa bersetuju dengan saudara.

2. Bagi saya yang jahil ni, rasanya akal adalah anugerah tuhan yang paling mulia dan tinggi. Jika Dr. Asri telah menggunakan akal disamping rujukan alquran dan hadis dalam penghujahannya, maka saya rasa tak ada salahnya lansung.

3. Akal yang sihat dapat membezakan perkara salah dan betul, dapat membezakan hadis sahih dan hadis palsu, dapat mentafsir Alquran dengan betul dan bermacam2 lagilah gamaknya.

Fikiranpun akan lebih terbuka dan tidak kaku kepada persoalan agama yang remeh-temeh dimana ianya tidak melibatkan pegangan akidah.

4. Jadinya, orang yang berakal sihatlah yang dikatakan orang yang beragama. Orang gila tak termasuk dalam kategori ni..

5. Kalau tidak dipakai hukum akal ni, maka kita akan masih merujuk dan mengikut bulat2 kepada banyak kitab2 lama yang setengah kandungannya tidak relevan buat masa kini, terutamanya kitab2 yang merapu dari penerbitan India.

5. Entahla...rasanya elok kita semua pergi balik kepada yang basic yang nabi ajar...dan baca terjemahan alquran disamping membaca alquran supaya tidak ada permusuhan sesama kita di bumi malaysia yang bertuah ni. Rugi bermusuhan sesama islam. Cuba kaji balik sejarah kejatuhan kebanyakan kerajaan islam.

Terimakasih Tun. wassalam.

By EskerAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:23 AM

Salam Tun

Saya melihat perkara ini kepada aspek yang lebih besar...kepentingan dan perkembangan agama di Malaysia...

Bila Dr Asri di tangkap...persoalan yang timbul di kepala saya ialah...

Apakah kerja JAIS adalah untuk menangkap mana2 individu yang takde tauliah untuk mengajar agama?...Atau bukannya sebaliknya untuk menggalakkan perkembangan agama?...Pada hemat saya, kerja2 agama perlu diberikan galakan dan sokongan yang berterusan. Kalau org tak minta tauliah...berikan tauliah...Kalau berbeza pendapat...adakan perbincangan...susah ke tu...atau takut?...Ruang2 kerja agama perlu dibuka seluas2nya...kerana ramai kat luar sana yang memerlukan bantuan dan nasihat...

Janganlah pandang JAIS sebagai jabatan kerajaan sahaja...tetapi pandang dan buat ia sebagai satu jemaah...JAIS sepatutnya unik daripada agensi2 kerajaan yang lain...kerana ia melakukan kerja agama...JAIS sepatutnya jadi contoh dan tauladan kepada jemaah2 yang lain...kepada agensi2 kerajaan yang lain...kerana JAIS dan individu di dalamnya sepatutnya yang arif dan mengamalkan nilai2 agama yang suci... tapi...hakikatnya?

Apakah JAIS tidak menilai buruk baik penangkapan Dr Asri...kepada masyarakat...kepada bukan islam...kepada dunia di luar sana...tidak wujudkah istilah muhasabah pada JAIS...memalukan dan sangat jelas kepada pandangan masyarakat di luar sana...masyarakat Islam berpecah belah...tidak bersatu padu...tidak menghormati orang berilmu...camnelah kita nak tarik org luar sana suka pada Islam...hmmm...

Dan pada org kebanyakan seperti saya ni...hilang hormat saya kepada jabatan agama...banyak lagi kemungkaran...kefasikan di luar sana yang perlu JAIS letakkan sebagai prioriti utama...lihatlah di kelab2 malam, di disko, kelab dangdut, pusat karaoke...anak2 muda dan anak2 tua yang memerlukan nasihat dan bimbingan...

Lihatlah berapa ramai anak2 muda yang hanyut dengan dadah...anak2 perempuan yang terlibat dengan gejala bohsia...

Lihatlah berapa banyak kes2 rasuah, pecah amanah dan sebagainya yang terpapar di dada akhbar...

Lihatlah berapa banyak rumahtangga yang retak menanti belah...

Kes murtad pun banyak kan...?

So...apa point kat sini...sebagai jabatan yang 'berkuasa' dalam hal ehwal agama...jadilah coordinator...tak suruh turun padang pun...takut nanti claim elaun lain pulak...Apa dia?...ada buat program ya....ntah..tak pernah dengar pun...jadi tak sampai la berita ni kat saya rupanya...iskkk...iskkk...iskkk...org masjid atau surau ajer yang tau rupanya...Jadi yang hanyut tetap hanyut dan yang baik terus jadi baik la konsepnya ni...hehehe

Yang dok hentam Dr Asri ni pun satu perkara...ABIM?...JIM...PGSM ke apa...apa kerja mereka ya...Tabligh tau la...memang dia ajak umat Islam kepada jalan kebenaran..dengan cara hikmah pulak tu...cuma risau pulak...sbb takde tauliah...nanti kena tangkap...n kena ban ler pulak...hehehe...My point...ABIM ke...JIM ke...PGSM ke...turun padang dulu...baru boleh claim sebagai jemaah Islam...

Sorry la Tun...saya dah melalut...to be continued...

Wassalam

By pakbelalangAuthor Profile Page on November 12, 2009 2:16 AM

Dear Tun,

There is an interesting public lecture in the youtube given by Abdur Raheem Green about Culture Confusion among Muslims.

<http://www.youtube.com/watch?v=nu6l6aKMgnk&feature=related>

Maybe Jais officials should listen to the lecture if they can understand English.

By ibnuomarAuthor Profile Page on November 12, 2009 1:46 AM

Assalamu'alaikum ayahanda Tun dan semua yang memberi komen..

Pada pandangan saya, sekiranya ayahanda Tun dapat bersangka baik dengan Dr. Asri, ayahanda Tun juga sepatutnya bersangka baik dengan ramai para ustaz dan ulama' yang menolak fahaman

yang dibawa oleh Dr. Asri. seperti para mufti dan timbalan mufti yang lain, Dr. Uthman el-Muhammady, Majlis Agama Islam, Jawatankuasa Akidah Selangor, dll.

Berkenaan isu ini, ramai di kalangan masyarakat umum yang tidak benar-benar memahaminya dan saya rasa ayahanda Tun sendiri masih lagi tidak jelas isu yang sebenar.

Andaikata dengan menggunakan al-Quran dan al-Sunnah semata-mata tanpa tafsiran yang diakui oleh para ulama, maka bagaimana dengan golongan-golongan yang telah disepakati kesesatan mereka seperti Jabariyyah, Qadariyyah, Mushabbihah, Mujassimah, Muktazilah?? Mereka juga menggunakan al-Quran dan al-Sunnah di dalam penghujahan mereka?? Mereka bukannya berhujah menggunakan Bible, hikayat Ramayana, dll??

Maka jelaslah, isunya ialah pada penafsiran al-Quran dan al-Sunnah tersebut. Seperti yang disebut di dalam hadis Rasulullah SAW, ilmu dicabut daripada umat ini dengan kewafatan para ulama', bukan dengan hilangnya kitab2 al-Quran dan al-Hadis. Dengan memiliki dan membaca al-Quran dan al-Sunnah semata-mata tidak menjadikan seseorang itu benar dalam memahami bagaimana untuk beramal dengan kedua-duanya.

Ini adalah kerana para ulama' lah yang memahami makna yang sahih daripada al-Quran dan al-Sunnah. Bahkan, Rasulullah SAW sendiri memberitahu kerisauan dan kebimbangan baginda SAW dengan pentafsiran yang salah terhadap al-Quran yang akan berlaku.

Saya cadangkan kepada Tun dan pembaca untuk membaca blog-blog di bawah bagi melihat pandangan ilmiah yang "lain" mengenai Wahhabi sebelum ayahanda Tun dan semua membuat pendirian yang tegas berkenaan Wahhabi :

<http://al-fanshuri.blogspot.com/>  
<http://www.al-ashairah.blogspot.com/>

Semoga Allah SWT memelihara ayahanda Tun dan pembaca daripada fitnah di dalam agama. Ayahanda Tun telah banyak berjasa kepada umat Islam, janganlah sampai bid'ah di dalam agama ini memusnahkan semuanya. Janganlah ayahanda Tun cepat terpesona dengan kelulusan akademik dan populariti seseorang itu semata-mata, berdampinglah dengan para ulama' yang dapat memimpin ayahanda Tun kepada jalan ibadah dan zikrullah, bukan hanya bercakap-cakap semata-mata.

Akhir kata kepada Tun dan pembaca, "BERPEGANGLAH DENGAN MAJORITI PARA ULAMA' " kerana keselamatan agama kita dijanjikan di situ.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
By LaqhaAuthor Profile Page on November 11, 2009 11:35 PM

Salam Tun,

Saya terbaca komen yang dibuat oleh antisekular dan blitz serta beberapa komentar lain yang mengkritik Dr Asri. Pada saya adalah lebih baik mereka mendengar terlebih dahulu syarahan beliau sebelum membuat tuduhan tentang perkara yang hanya menjadi samar-samar sahaja. Kerana setiap perbuatan dan kata-kata kita akan dpertanggungjawabkan di hadapan Allah swt nanti.

Wa Allahu A'lam

(Allah Maha Mengetahui, tapi kita juga diminta untuk mencari kebenaran)

By priss01Author Profile Page on November 11, 2009 11:05 PM

Datuk Dr Hasan Ali defended the recent arrest of the ex-Perlis mufti.

OMG this is PR doing. Ohh wait Hassan Ali has been doing a lot of things to make PR look bad. Does UMNO really think the Malaysian are that stupid.

By Sith LordAuthor Profile Page on November 11, 2009 11:01 PM

Assalamualaikum semua,

Pada hemat saya, masing-masing berhak menyuarakan pandangan mengenai isu ini. Yang membedakan hanya pandangan yang menggunakan akal (Yang boleh diterima pakai) atau yang menggunakan rasa (Macam keldai bersuara).

Yang ingin saya nyatakan, kepada bijak pandai ugama terutama yang kononnya hafal kitab suci kita seluruhnya, menjawab 5 soalan mudah ini dahulu sebelum berani berkata sesuatu mengenai ugama islam. Kerana jawapannya ada di dalam kitab Al Qur'an itu sendiri...

1. Siapa yang dijadikan dari batu, diazab dengan batu dan diselamatkan dengan batu?
2. Siapa yang dijadikan dari api, diazab dengan api dan diselamatkan dari api?
3. Sebutkan 4 mahluk yang dicipta tanpa ayah dan ibu?
4. Apa yang dimaksudkan kubur yang berjalan membawa isinya?
5. Apa yang dicipta Allah s.w.t dan dianggap besar?

\*\*\*Saya selalu melihat orang yang kononnya bijak mengata sesuatu fasal ugama, angkuh kepada orang biasa dan tidak sealiran dengan mereka. Jadi cabaran mudah ini dikhas untuk mereka.

By azizulAuthor Profile Page on November 11, 2009 11:00 PM

Salam Tun,

Nak komen sikit "antisekular"

Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah S.A.W. telah bersabda : "Apabila telah mati anak Adam itu, maka terhentilah amalnya melainkan tiga macam :

1. Sedekah yang berjalan terus (Sedekah Amal Jariah)
2. Ilmu yang berguna dan diamalkan.
3. Anak yang soleh yang mendoakan baik baginya

takda pulak dalam hadis ni kata baca Yaasin pahala boleh sampai kepada si mati.

Wassalam

By algazzelAuthor Profile Page on November 11, 2009 10:41 PM

Assalamu alaikum,

Kagum saya lihat komen-komen yang tertulis di blog Tun ini.

Sebenarnya siapakah yang menulis sejarah?

Bukankah sejarah di tulis oleh mereka yang berkuasa, yang berjaya?

Sahabat-sahabat sekalian,

Siapakah yang membunuh cucu kesayangan Nabi Muhammad S.A.W?

Siapakah yang memulakan gelaran atau menggunakan label Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Siapakah yang melabelkan pengikut keturunan Nabi Junjungan kita sebagai Shi'ah?

Sahabat-sahabat sekalian,

Siapakah yang tidak kenal Imam Al-Ghazali yang diberi Gelaran Hujjatul Islam atau "Proof of Islam"?

Siapakah yang menolak ajaran Imam Al-Ghazali, membakar kitab-kitabnya? Bukankah juga Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Sejarah banyak memberi pengajaran kepada mereka yang berfikir

Sahabat-sahabat sekalian,

Islam itu sempurna.

Apakah erti sempurna?

Ertinya ia tidak akan bercanggah dengan Sains dan tidak juga bercanggah dengan Logik.

Bukankah Nabi Muhammad S.A.W berpesan untuk kita mengikut panduan Quran dan Hadis sahaja?

Zaman Nabi, tidak ada istilah Ulama, yang ada para Sahabat, Nabi Muhammad dan keluarganya...

Siapakah yang mula menggunakan istilah Ulama?  
Apakah kepentingan gelaran?  
Siapakah yang mementingkan gelaran?

Sahabat-sahabat sekalian,

Persoalannya sekarang bukan siapa yang betul atau siapa yang salah. Jangan kita membazir masa mencari perbezaan, kerana itulah punca kejatuhan Empayar Islam Umayyah, Abassiyah dan Ottomaniyah.

Pokoknya, kini kita di suatu zaman yang segala informasi hanya berada di hujung jari.

Gunakanlah ia untuk menguatkan Ke'islam'an kita, Ke'iman'an kita dan Ke'ihsan'an kita.

Sebelum saya mengundur diri,

Ingin saya bertanya:

Siapakah Melayu?  
Adakah Melayu itu Islam?  
Kenapa kita mengerjakan sembahyang? Berpuasa? Berzakat? Haji?

Ingatkah kita akan peristiwa tatkala Jibril datang berjumpa dengan Nabi Muhammad S.A.W di hadapan para sahabat bertanyakan mengenai Islam, Iman dan Ihsan?

Apakah yang dikatakan oleh Nabi Muahmmad S.A.W kepada para sahabat?

"Itulah Jibril, yang datag untuk mengajar tentang agamamu"

Apakah itu Islam?  
Apakah itu Iman?  
Apakah itu Ihsan?

Ingatlah tuan-tuan, setiap kita bertanggungjawab atas perbuatan, tindakan, dan percakapan kita.

Dr Asri benar atau tidak, itu urusan di antara dia dengan Allah,  
Pak Lah benar atau tidak, itu urusan pun di antara dia dengan Allah, bukan masalah kita.

Wasalam

By hanizaAuthor Profile Page on November 11, 2009 10:28 PM

well said Tun. Tindakan macam ni banyak kali telah meletakkan Islam ditempat yang boleh diejek2 oleh orang bukan Islam. Tangkap khalwat pasangan suami isteri, sebat perempuan Islam

minum arak, lepas tu dah tangkap hantar semula balik rumah.. (walhal beribu2 yg lain minum arak, apa cerita?), itu belum lagi masuk bab satu mukim sembahyang Jumaat dua jemaah.

Ketika kecil, selalu saya mendengar cerita tentang paderi2 yang melawat pesakit-pesakit di hospital, sekadar melawat dan mendengar cerita mereka. Maksud saya di sini, mereka pergi kepada masyarakat. Tetapi kita terbalik, masyarakat yang pergi kepada alim ulama. Saya tertanya, mana peranan alim ulama dalam mendekati masyarakat? Yang jelas, tersangat banyak platform agama Islam di Malaysia digunakan untuk politik maki hamun dan caci maki. Patut la ramai sungguh sampah masyarakat seperti penagih dadah dan mat rempit terhasil dari golongan lelaki melayu dan beragama Islam.

Islam tetap kekal sebagai agama yang sangat tinggi dan suci. Tetapi umatnya tersangat byk yang rosak bahana mereka yang mengaku bijak pandai Islam tidak menjalankan kewajipan mereka dalam memimpin masyarakat..

By islam agamaku Author Profile Page on November 11, 2009 10:25 PM

salam tun..

-saya amat bersetuju dengan tun dan amat menghormati tun dalam hal ini. saya juga amat tidak menyokong penangkapan dr.asri beberapa hari yang lepas.

-saya hanya berpendapat..di malaysia kita mengikut majoriti..rasul saw juga mengikut majoriti dalam beberapa perkara..namun pada saya, adakala majoriti tidak semuanya betul, dan minoriti tidak semestinya salah. MUNGKIN dr asri adalah minoriti, dan pendapatnya yang berlainan ditolak. pada saya, saya banyak mengikuti ceramah dr asri di youtube dan saya dapati hujah yg diberikan sangat baik kerana disertai dengan dalil dan nas yang boleh dipercayai.

-saya yakin dr asri akan menang dalam kes yang bakal dihadapi beliau dan berharap beliau akan terus berdakwah.

By 'Manusia Biasa' Author Profile Page on November 11, 2009 9:45 PM

Saya pernah bercakap dengan saudara serumpun dari Indonesia dan negara Islam lain yang mereka sangat kagum dengan keberanian Tun dalam mempertahankan negara-negara Islam dalam ucapan dan tindakanya. Tun ialah pembela sebenar walaupun negara kita tak sebesar negara Islam yang lain. Pemimpin kelas dunia yang sukar dicari ganti.

Hidup Tun!!

<http://www.youtube.com/watch?v=1E7UmT-dRX4>

[http://www.youtube.com/watch?v=Sp2TAw\\_prFg&feature=related](http://www.youtube.com/watch?v=Sp2TAw_prFg&feature=related)

<http://www.youtube.com/watch?v=Zp-YwNZqiWA&feature=related>

ucbks.blogspot.com

By nash Author Profile Page on November 11, 2009 9:32 PM

Salam Tun,

Komen Tun itu betul. Jais tak boleh membuat sesuka kerana mereka ada kuasa. Soal baca Yassin dan Do'a Kunot itu dalam fahaman Wahabi, hanya sunat dituntut, bukannya wajib. Apa yang hendak dikecohkan. Yang penting kita mesti faham bahawa Al-Quran adalah pelajaran diturun dalam bahasa Arab sebab Nabi Muhamad SAW adalah orang Arab supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang yang beriman. Ini diterangkan pada surah An Nhal ayat 16 dan Surah Asy Syuura (42) ayat 7. Kita wajib faham isi kandung Al-Quran dan kita akan ditanya kelak isi kandungannya, bukan hanya untuk membaca sahaja. Ini terkandung di ayat 44 Surah Az Zukhruf (43). Kalau kita membaca tanpa tahu ertinya adalah seperti saekor kedai membawa barang. Ini dinyatakan dalam Al-Quran. Fahaman Wahabi pun Islam juga. Perkataan 'Hadhari' tiada dalam Al-Quran.

Pada pendapat saya Tun, umat Islam wajib diajar erti isi kandungan Al-Quran, sebab ianya peringatan dan pengajaran dari Allah. Ini diterangkan di ayat 104 Surah Yusuf (12). Bukan untuk membaca sahaja. Jadi apabila ada kesangsian kita balik kepada Al-Quran.

Sebaliknya kita mesti percaya sunah, kalau tidak kita tidak tahu cara hendak sembahyang.

Dr. Asri ialah seorang pendakwah yang menerangkan isi kandungan Al-Quran dan sunah. Jika JAIS tahan beliau atas sifat dengki, mereka jawalah esok. Didalam soal ini kita tidak boleh menghukum dan boleh menghukum ialah Allah.

Terima kasih

By ahmadbilamim Author Profile Page on November 11, 2009 9:27 PM

Pokok pangkal... iman diri masing2. Nanti nak tanya Jabatan Agama kah, nanti nak tanya JAIS kah yg iman anda itu sah?? Kalau ye pun Dr. Asri itu menyesatkan umat, jika Allah tidak mengizinkan tidak akan sesat seorang hamba pun. Saudara2 yang lebih arif tentu tahu di mana diamnya firman Allah Taala di dalam Al-Quran tentang perkara ini.. Siasat sendirilah.

By absh Author Profile Page on November 11, 2009 9:04 PM

Dear Dr,

As long as he or she follows Al-Quran and Hadith, I consider he or she a true muslim. The problem with muslim in Malaysia is that they are 'silo' in interpreting the real meaning of Al-Quran and Hadith. They like to interpret them according to their liking. What they think is good for them, they adopt. What is not, they ignore!

Do not simply judge other muslims as sinners just because they do not agree with you. You will also be judged by others as sinner because you are not in agreement with them. In the end, everybody is a sinner!

While we are arguing who is right or wrong, the non-muslims are progressing forward to enrich themselves with knowledge to conquer the world. In the end, the muslims will become slaves even in their own country. Israel is only a tiny country, surrounded by millions of Arabs and big muslim states. But, we all know that muslims in those countries are at the mercy of the Jewish state. While Jews are killing the Arabs in Palestine, other muslims in that region just sit and watch!

In Malaysia, muslims here are also similar situation. While arguing who is more islamic, the non-muslims are working harder to enrich themselves. Non-Islamic schools are funded privately and taking pride in having all the modern facilities. But go and see Islamic schools which are privately funded, most are without even basic facilities!

To all muslims in Malaysia, PLEASE WAKE UP!

Brgds,  
ABSH

By JudenratAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:55 PM

Salam Tun Dr. M,

Dalam topik ini saya bersetuju dgn Tun.

Pada pemerhatian saya, badan berkuasa sentiasa menangkap orang2 yang tidak sependapat dengan mereka dengan alasan untuk menjaga perpaduan dan keharmonian negara (bkn sahaja JAIS atau JAKIM tetapi juga parti politik).

Kita tahu dari dahulu hingga kini malah sampai bila2 pun akan sentiasa ada percanggahan pendapat walaupun di kalangan ulama. Walaupun semua merujuk al-Quran dan hadis tapi intepretasi tetap berbeza. Kesimpulannya percanggahan pendapat tidak mungkin dapat dielakkan.

Sudah tentu terdapat sedikit sebanyak perbezaan antara amalan kita di Malaysia dan luar negara hatta jika dibandingkan dengan jiran terdekat kita Indonesia juga sudah dpt dilihat perbezaannya.

Usaha untuk menyelaraskan hanya satu fahaman dalam sebuah negara tidak lagi boleh diterima pakai pada hari ini dan mendatang kerana dalam masyarakat global maklumat dan manusia bebas bergerak ke mana-mana.

Apa yang penting sekarang ialah mendidik rakyat bagaimana untuk menyuarakan pendapat dan menghormati pandangan orang lain. Itu yang paling penting dalam masyarakat global. Walaubagaimanapun harus dikawal jangan sampai menuduh orang yang tidak sependapat sebagai kafir atau keluar mazhab baru. Jika demikian Islam akan menerima nasib yang sama dengan Kristian yang saling mengkafirkan dan mempunyai beribu-ribu mazhab.

Wassalam

By riashahAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:53 PM

salam tun. saya setuju dgn pendapat tun. yang saya hairan, jais mengambil tindakan atas dasar dr asri tidak bertauliah utk berceramah di negeri selangor. ini menimbulkan banyak persoalan.

1. apakah kriteria untuk mendapat tauliah berceramah agama bagi negeri selangor?
2. jika dr asri dibenarkan/bertauliah berceramah di negeri lain, mengapakah perlu ada tauliah yang berbeza bagi negeri selangor?

3. adakah ini bermakna tauliah selangor lebih baik dari yang lain? yang lain kurang baik?
4. apakah maknanya semua ini kerana saya boleh akses penulisan dr asri melalui blognya yang tanpa sempadan?
4. jika jais mengatakan bahawa pemahaman dr asri tentang beberapa isu berbeza/mengelirukan orang ramai, mengapakah jais tidak membentangkan pemahamannya secara formal supaya orang ramai dapat membuat penilaian?
5. apakah kerajaan pusat/ negeri/ majlis diraja tidak ada daya, minat, keberanian untuk membetulkan situasi seperti ini?
6. apakah jais tidak punya due proses untuk mengambil apajua tindakan mengenai perkara2 seperti ini?

saya ingin mengesyorkan supaya pihak jais:

- mengeluarkan draf peraturan dan proses bagi tindakan2 yang dibawah jurisdictionnya.
- keluarkan notis dlm akhbar menjemput orang ramai memberi komen dalam masa tertentu.
- menilai semua komen/pendapat dari mana2 pihak
- menggubal peraturan dan proses
- mengikut peraturan dan proses tersebut.

sebab tidak membuat perkara2 seperti di atas, maka sampai bilapun tindakan jais tentang apapun akan sentiasa menimbulkan berbagai kontroversi. Dalam pada kekeliruan yang timbul, irony nya yang rugi adalah orang islam, yang jais ingin menjaga pemahaman mereka supaya tidak berpecah belah.

By whisperingwillow Author Profile Page on November 11, 2009 8:49 PM

Hello Tun.

When I was young, I remembered being told that it wasn't good to ask and question about anything related to Islam. When asked why, the ustazs and ustazahs would say it would be "dosa" ....and we'll go to "neraka jahanam", just for asking .....

I never believe that ulamaks or ular-maks should be the reference for our religion....they are not prophets ....We have our rukun iman that we should follow as Muslims. We also have our holy Al Quran.

Indeed, is it surprising that some people have an aversion of lollipop turbanic persona and long, dull flowing robes that sweep the floor when the wearer walks ...Certain people use these type of attire 'cos they want to show their piousness to other mortals. Hence, they think that they have the "Authority" to hand out 'fatwas' and whatnots....I, for one am not impressed...I hate those who think that they have more resolute power than other mortals because they dress up as "orang alim"...therefore, they can recommend anyone who wants to go to heaven (ie ..just by joining their movement). Here, in M'sia, some so-called Islamic gurus forgot what is essential and fundamental to being a Muslim...They go for nitty-gritty and banal things. What a waste of time that Muslims bricker amongst themselves. They discard the Brotherhood of the Ummah just to advance their political ambition; to look good in front of their non-Muslim brethrens....What a

sorry state, Tun.....Frankly, I don't think these turbanic lollipop types can rule M'sia.....and I think the first thing these turbanopos will do is they will add a clause in the constitution whereby men can have more than one wife....

Take care Tun M and Tun H.

whisperingwillow

ps .....zazamusica@blogspot.com

By Zulkiflee Bin AripAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:32 PM

Assalamu'alaikum Tun,

di zaman IT ini,kita ada terlalu banyak sumber ilmu yg tersebar luas merata tempat,dari suratkabar,majalah,buku,tv,radio atau internet hingga menjadikan ilmu itu sebagai sesuatu yg murah tidak dihargai menurut harga nya yg sebenar.dan amat menyedihkan apabila ilmu agama turut terheret sama dalam kategori ini.sesiapa saja yg ada otak dan ada sijil boleh mempersoalkan apa-apa juga keraguan hati nya mengenai hukum agama.padahal perkara begini suatu masa dulu amat terlarang.sebab suatu masa dulu agama adalah sesuatu yg sangat suci lagi agong.tapi hari ini agama hendak dibataskan dgn akal.agama hendak diikat dan di rantai dgn keupayaan berfikir.padahal agama adalah Iman dan Iman lah yg seharusnya merantai akal,bukan sebaliknya.

suatu masa dulu di India ketika ugama Hindu begitu kuat berpengaruh,dan sistem kasta diamalkan dgn teguh,apabila seorang sami yg berkasta tinggi membaca kitab suci mereka Veda,didalam kuil,kemudian lalu pula seorang yg berkasta rendah di luar kuil dan terdengar bacaan sami itu,maka orang berkasta rendah itu akan ditangkap dan di tuang minyak mendidih ke telinga nya sebab bacaan Veda yg suci tidak harus masuk ke pendengaran telinga kasta rendah yg di anggap jijik dan kotor.begitu lah orang dulu memelihara kesucian agama.

kita sekarang menganggap nya zalim dan cara itu memang zalim tapi adalah lebih zalim lagi membiarkan orang-orang yg bukan ahli turut masuk campur dalam urusan ilmu yg bukan bidangnya.boleh kah kita membiarkan penoreh getah membedah buahpinggang orang? atau penternak ikan membuka klinik perubatan seperti doktor biasa? tidakkah itu menzalimi ilmu?

Tun,mencipta ulama' bukanlah kerja mudah.mendidik seorang bayi menjadi rocket-scientist adalah lebih mudah dari mendidik seorang ulama'.scientist apa bidang pun,cuma bertanggung jawab terhadap ilmu nya,tapi ulama' bertanggungjawab terhadap ilmu dan akhlak nya.

ulama' dididik dari kecil,diasuh akal dan akhlak nya,dipupuk tahap kejujuran iman nya,erti nya tidak dia celupar terkeluar dari garis-garis batas penghormatan terhadap ilmu dan ilmu itu diikat ketat-ketat dgn amalan-amalan keagamaan.tidak jarang kita terjumpa kisah imam-imam besar didlm Islam mengerjakan solat hingga 300 rakaat tiap malam,hingga bengkok-bengkok kaki nya.taat dan jujur mereka dlm ilmu itu lah yg jadi rantai mengikat agar ilmu itu tidak merayap ke daerah-daerah liar.

tapi kita hari ini terbalik. dizaman manusia-manusia penyembah duit dan orang-orang yg bertuhankan wang ringgit ini, kejujuran terhadap ilmu sudah diganti dgn kebebasan berfikir. ulama' berijazah terlalu bebas berfikir untuk meng-konon-kan fahaman yg tidak sependapat dgn nya disamping ada nya ulama'-ulama' instant yg ibarat kail panjang sejengkal, cempedak luar pagar turut mahu campur tangan atas urusan agama yg kompleks. apa niat nya, kita tak tahu tapi nampak gaya nya menangguk di air keruh.. padahal menurut suatu riwayat Nabi S.A.W. ada mengatakan bahwa "perselisihan pendapat antara ulama' dikalangan umat ku adalah suatu rahmat".

hendak nya kita dapat kembali kpd zaman dimana ilmu dan ulama' dimuliakan. tak payah lah kita tuang minyak panas ke telinga orang. tapi cukup sekadar mendidik umat menjadi bertanggungjawab terhadap ilmu agama. erti nya ilmu bukan untuk jadi bahan berdebat menentukan siapa yg lebih hebat. Dr Asri mungkin benar pegangan nya menolak ijma' atau imam mazhab tapi saya lebih selesa berpandukan Imam Syafi'i yg telah jelas dan terang akhlak dan jalan cerita hidup nya daripada Dr Asri yg kita tak begitu faham arah-tuju pendirian nya. terimakasih Tun.

By JB\_FROMAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:13 PM

Tun,

Dr Asri ketika ini, dikaitkan dengan Wahabi.

Jika ini benar, maka sebenarnya ia akan membawa kekeliruan kepada masyarakat Islam di Malaysia kerana ianya berbeda dengan pengajaran Islam yang ada ketika ini.

Berbanding dengan ajaran Syafie dan Syiah. Ajaran Wahabi ini adalah lebih muda sekitar 200 tahun. (Syiah dan Syafie lebih dari 800 tahun). Kebangkitan ajaran ini ada kaitan dengan kebangkitan Raja Saudi dari Arab Saudi.

Mengikut apa yang saya baca (perlu di periksa kesahihannya) ajaran Wahabi sebenarnya adalah lebih keras dari Syafie dan juga Syiah. Umpamanya di Arab Saudi, orang perempuan tidak dibenarkan memandu dan ada banyak lagi sekatan sekatan lain yang lebih keras dari Mazhab lain.

Kumpulan Taliban di Afghanistan adalah pengikut Wahabi, begitu Osama bin Ladin.

Masalah Wahabi ini juga terdapat di Indonesia. Saya kira sebenarnya kita harus menilai dengan lebih mendalam apakah kesannya Wahabi terhadap masyarakat kita.

Ramai yang berpandangan yang Wahabi adalah lebih terbuka tetapi mungkin pandangan ini tidak tepat. Kita tidak mahu masalah celaru terhadap Islam berlaku di Negara kita.

Sallam

By 'Manusia Biasa' Author Profile Page on November 11, 2009 8:00 PM

Salam YABhg Tun,

InsyAllah Tun, kalau kita berhujah berdasarkan Al-Quran, Hadith sahih, fakta dan sejarah kita adalah orang yang menang.

Biarlah orang nak kata apa.

Tun dah lebih dulu rasa garam dari mereka dan orang luar sana tak perasan atau buat-buat tak perasan yang Tun dah banyak sangat jumpa pemimpin-pemimpin dan ulamak-ulamak dari negara Islam yang lain, bertukar-tukar padangan dan pendapat semasa memegang jawatan PM dulu.

Orang kita ni kadang-kadang ego. Baru baca/mengaji lebih sikit dah act.

Manusia Biasa

By khairulrijal Author Profile Page on November 11, 2009 7:59 PM

<http://khairulrijal.wordpress.com/>

Dear Tun / all readers

1. Maaf mengganggu. Sebenarnya JAIS yang pelik dan perlu dipersoalkan.
2. Sebenarnya ramai lagi ustaz khusus mereka yang tidak sehaluan dengan pemerintah dahulu dan kini (dahulu jauh lebih ramai) yang menghadapi masalah yang sama.
3. Cuma baru ini ia meletus.
4. Mungkin sebenarnya soal pentauliahan ini perlu dibuang sama sekali.
5. Cuma tidak dapat dipastikan, siapa yang mempunyai kuasa ke atas JAIS ini, Duli Tuanku Sultan Selangor, Menteri Besar Selngor sekarang atau boleh jadi juga Perdana Menteri (seperti kes JAIP yang dicampur tangan oleh kerajaan pusat). So? Perlukah ia dipertahankan (pentauliahan ini)?

By hazry chot Author Profile Page on November 11, 2009 6:11 PM

Assalamualaikum Tun,

Akhir zaman...dimana umat Islam umpama buih-buih di lautan...tetapi berpecah dilambung ombak...dah nampak dah kat Malaysia. Yang M..... kata kat M....., si C... dengan I.... dok tengok dalam diam...tup tup...nak jadi macam Singapura..Singapore Singaporean.  
Kita hidup sebagai khalifah nie mensejahterakan dunia...patutnya bangsa-bangsa lain kat Malaysia ni dah jelas dengan Islam...kita nie pun Islam sebab keturunan kita je Islam...tu pun dah ada yang nama ja Islam...akhlak lebih teruk dari kafir...kalau nak tengok anak bangsa kita masa depan...jom pakat tengok kat pub-pub Bukit Bintang, Klcc dan sekitarnya...dah tak nampak macam Melayu...jauh sekali muslim...renungkan. Maafkan saya Tun, ini yang dapat saya luahkan...siapalah yang nak dengar pendapat saya...Contoh Allah dah tunjukkan kat kita seperti berlaku di Iraq...yang tu pun kita semua takmau ambik tauladan. Allah tidak akan mengubah

nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu yang mengubahnya...maaf dari saya sekali lagi yang jahil bab-bab nie.

By jeghui Author Profile Page on November 11, 2009 5:33 PM

Tun,

Saya pun terkejut bagaimana Ustaz Asri pun hendak diberkas.

Namun, saya sebenarnya dah lama agak suatu hari nanti beliau akan ditangkap juga kerana kononnya membawa ajaran 'wahabi' kepada orang Malaysia.

Ini adalah pendapat saya. Jika fikirkan secara ilmiah dan aqli, adakah Allah S.W.T melarang manusia beribadat kepada-Nya dan selalu mengingati-Nya?

Sebagai contoh, jika kita lakukan wirid dan doa selepas solat, adakah ia berdosa? Adakah jika diadakan tahlil, mengajak anak-anak soleh dan solehah mendoakan kesejahteraan si mati suatu DOSA?

Benar ada suatu hadith menyatakan bahawa hendaklah beribadat mengikut cara Nabi Muhammad tetapi ia dikatakan bukan secara rigid, pada pendapat saya. Yang penting sekali kita sentiasa mengingati Allah S.W.T. dengan zikir-zikir.

Sebagai contoh, dahulunya pada zaman Nabi, tidak pula ada kelengkapan radio atau cd. Tetapi kini, jika seseorang Muslim itu mahu berzikir ketika memandu kereta dengan alunan cd zikir dan wirid serta ayat-ayat suci Al-Quraan, maka adakah itu salah pada mata 'wahabi'?

Saya berkata begini bukanlah saya menuduh Dr. Asri ini pembawa ajaran 'wahabi' yang saya lihat begitu rigid atau tegas dalam ibadat.

Saya lebih suka jika Islam ini dibawakan dengan niat memartabatkan Islam dan mengaplikasikan ajarannya demi kesejahteraan dan kejayaan semua manusia.

Apa yang berlaku di antara Sunni dan Syiah hanyalah politik semata-mata. Bagi saya, Islam hanyalah satu. Tiada Sunni, tiada Syiah, tiada Hadhari, tiada Islam PAS dan lain-lain.

Sebagai pembetulan, Islam Hadhari bukanlah ajaran baru tetapi kempen yang Pak Lah mahu rakyat terima-pakai supaya Islam ini tidak nampak ekstrem sepertimana kini.

Janganlah kerana benci kepada seseorang itu, kita putar-belitkan pandangannya.

Wallahualam.

By Mohd Naim Author Profile Page on November 11, 2009 5:27 PM

Yg. DiKasihi Tun,

Berbalahlah yang kita suka mengenai ibadat didalam ugama tetapi ingatlah ianya hanya laku didunia ini sahaja. Soalnya bukan Dr. Asri, JAIS, JAKIM, MAIS dan sewaktu dengannya atau pun Alim dan Ulama Islam tersohor.

Isunya adalah Allah Ta'ala, Rasulnya Muhammad s.a.w. dan kita diakhirat nanti. Yang nak bising-bising pasal Islam sekarang ini mungkin niat mereka baik akan tetapi tidak dapat menolong kita disana nanti. Yang pasti dapat menolong adalah Allah Ta'ala dan Rasulnya Muhammad s.a.w.

Yang tinggi dan dalam ilmunya itu kebanyakan terhibab mereka kepada kebenaran oleh ilmu yang dimiliki itu apabila merasakan hebat diri mereka olehnya. Mereka lupa hanya Allah Ta'ala yang memberi pertunjuk dan ianya adalah melalui Rasulnya Muhammad s.a.w. dan setelah wafatnya baginda, Al Quran dan Sunnah baginda.

Since its my skin which will be in jeopardy by the Hell fire, I say let me be the judge as to what I need to follow after listening to the Islamic Authorities concerning Al Quran and Sunnah Rasulullah s.a.w.

Freedom to preach within the perimeters of Sunnah Wal Jamaah should be uphold and Khilaf or differences substantiated by authorities from Al Quran and Hadith sahih should be welcome, as the wider interpretation leaves more suitability option to the practitioners.

Tun, I believe progressiveness in Islam had been there from day one. Some of the known religious elites have been trying to corner the religion for reasons best known to them. These elites will have their day in the Day of Judgement for making Islam backward and misleading us from the sunnah. Having knowledge is superior but using it irresponsibly makes one similar to Iblis and Iblis is always looking out for these big catch to accompany him in Hell.

Simpleton like me, I'll hold on to my Syahadah and determine my own fate by sticking to the Al Quran and Sunnah Rasulullah s.a.w. and I do feel cheated from listening and following to some of the guidances by some of the so called Alim Ulamaks. Check out Surah Nisaa (4:59). Allah Hum magh firli.

By msiAuthor Profile Page on November 11, 2009 4:57 PM

Dari Jasa.  
Salam semua,

Bezanya Tun Dr Mahathir dengan MEREKA itu adalah Tun sentiasa meletakkan dirinya sebagai seorang yang tidak tahu segala-galanya sebaliknya MEREKA itu bercakap dan bertindak seolah-olah MEREKA tahu dan betul segala-galanya.

Hanya Tuhan Maha Mengetahui

-saya setuju dgn saudara/ri.

By checkerAuthor Profile Page on November 11, 2009 4:56 PM

Salam Tun,

Saya dah submit pendapat saya pada 3.00 pagi tadi 11/11/09 dengan panjang lebar atas perkara yang berbangkit tapi belum lagi disiarkan di laman web ini.

1. Sebenarnya apa yang berlaku itu ada hikmahnya. Kepada Dr Asri dan orang2 macam beliau itu adalah ujian Allah keatasnya untuk menyebarkan kebenaran.

2. Islam berpecah2 kerana masing2 taksud dengan konsep kemazhaban. Maka sanggup berperang, bunuh membunuh atas nama mazhab. Kalau berdasar pesanan Nabi SAW, " Aku tinggalkan kepada kamu 2 perkara, Quran & Sunnah ku. Jika kamu rujuk kepada kedua2nya, kamu akan selamat selama2nya di dunia dan akhirat". Semua orang tahu hadith tu tapi kenapa tak rujuk kepadanya?

3. Tak payahlah bincang tentang amalan2 di negara2 Islam lain, di Malaysia pun dah ada 11 negeri yang membuat tafsiran dan undang2 Islam masing2. Mufti2 disetiap negeri tak mahu bersatu kerana masing2 percaya mereka lah yang betul. Kenapa tak dilantik seorang sebagai Ketua Mufti Malaysia yang dilantik bergilih2 macam perlantikan Agung supaya Islam di Malaysia ni sekurang2nya mempunyai satu sumber jurucakap untuk perkara berkaitan dengan Islam di Malaysia khasnya dan dunia Islam amnya.

4. Islam itu senang kalau kita tahu ilmunya tetapi atas sebab2 faktor di atas, ianya telah menjadi susah, merumitkan dan mengelirukan yang akhirnya menyesatkan. Pihak tertentu yang diamanahkan, Jabatan Ugama seperti JAIS, JAKIM dan lain2 perlu berbuat sesuatu. Janganlah menggunakan konsep "kalau banyak bertanya kurangnya keimanan" tetapi konsep " banyaklah bertanya supaya lebih mendapat dan meningkatkan kefahaman".

5. Ulama yang mempunyai Ilmu ugama sepatutnya mencari jalan untuk menyebarkan sebanyak2nya ilmu ugama itu supaya masyarakat Melayu dapat mendalami ilmu untuk melakukan amalan ibadahnya yang benar (Haq) kepada Allah, ( tidak ada tokok tambah kepada apa2 yang di tunjukkan atau dilakukan oleh Nabi SAW ) sebagaimana yang dipesan oleh Nabi SAW supaya berpandukan Quran & Hadith.

6. Allah telah berfirman " Aku menjadikan Manusia & Jin semata2 untuk beribadah kepada Ku " Dan juga firmannya memerintahkan setiap orang yang beriman supaya " Jagalah dirimu dan ahli2 mu dari api neraka". Jadi semua orang yang beriman mesti tahu Ilmu macam mana nak beribadah kepada Allah AW sebagaimana yang dituntut oleh Allah. Juga kita diingatkan supaya "jangan mengamalkan/melakukan sesuatu yang kamu tiada ilmunya". Oleh itu kita wajib ngaji Quran & hadith untuk mendapat kefahaman , jangan ikut2 saja apa yang di kata oleh "uztaz2". Ingat! kita akan dihukum kelak mengikut amalan kita sendiri. Jika ikut "uztaz" yang mengajar salah nanti berkata dia " Aku pun tak tahu, yang engkau aku kenapa?" Awas jangan menyesal di akhirat. Sekarang tepuk dada tanya selera. Carilah kebenaran.

Sekian wallahu'alam

PS Kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut hubungi -  
orbee007@hotmail.com

By malique74 Author Profile Page on November 11, 2009 4:55 PM

a,kum buat semua dan juga buat tun,

saya bukanlah orang yang paling layak berbicara tentang soal agama apatah lg isu-isu sensitif yg melibat kan agama islam,sebagai manusia yang kerdil lg jahil ini kita tidak lari dari membuat kesalahan, apa yg saya ingin katakan disini apa yg dikatakan oleh tun dan yang lain-lain ade juga kenbenaran dan ade juga kesilapan kecil nya.sebagai org islam saya juga terpanggil untuk meluahkan apa yang saya rasa betul difikiran saya . saya masih ingat lg di waktu kecil saya pernah di tanya kenapa saya beragama islam dari seorang yg bukan beragama islam,saya tergamam masa itu, tidak tahu apa yang hendak di jawab, dia memberi tahu kepada saya kenalilah diri kamu dahulu sebelum kamu mengenali tuhan kamu dan agama kamu, sehingga kini masih teringat lg akan pertanyaan itu, bila di pikirkan kembali ade kebenaran nya itu. apa yg saya lihat sekarang terlalu banyak perbalahan tentang soal agama islam, ada sesetengah pihak sanggup berbunuhan, berperang di sebab kan soal agama dan fahaman masing2.kadang2 saya binggung kenapa umat islam menjadi sedemikian sedang kan apa yang ada di sekeliling kita perlu di ambil lebih perhatian. sebagai contoh telalu ramai anak2 muda sekarang ini tidak lg mementing kan harga diri, meminum arak di khalayak ramai, berjudi dan juga maksiat yang terang-terang terjadi di hadapan kita. sepatut nya itu yang menjadi keutamaan kita untuk memperbetulkan keadaan sekarang, sepatut nya kita yg sudah berumur ni menjadi contoh kepada mereka bukan nya menjadi teladan yang tidak baik kepada mereka,apa yang berlaku sekarang ni sedikit sebanyak menjadi bahan tontonan buat mereka, kita sendiri yang bertelagah dan menunjukan benda yang tak sepatut nya menjadi tontonan mereka. mereka sekarang sudah bijak untuk menilai semua itu. jgn lah di satu hari kita dipandang rendah oleh mereka akibat kelakuan kita ini, apa yang ingin saya kata kan disini mari lah kita kembali kepada islam yg murni dan suci, jdkan lah al quran itu sebagai pedoman dan juga panduan kehidupan kita seharian.sesungguhnya allah itu maha mengetahui dan juga maha mengasihani.marilah kita sama berdoa akan kesejahteraan akan semua umat islam di bumi yang bertuah ini. saya mendoakan agar allah memberi pertunjuk buat semua akan kebenarannya. maaf kan saya jika kata2 saya ini menyinggung perasaan sesetengah pihak, apa yang saya perkatakan ini adalah tulus ikhlas dari hati saya. saya doakan semoga tun dan juga umat islam yang lain akan sentiasa hidup dalam keharmonian dan tanpa pra sangka antara satu sama lain. maaf kan saya jika ter silap tutur kata saya ini. saya berharap tun jaga diri dan saya doa kan buat tun agar sihat selalu dan dirahmati oleh allah akan kebesarannya. amin

By chicco Author Profile Page on November 11, 2009 4:43 PM

me macam rakyat malaysia yang muak juga, tidak pernah mendengar ceramah agama, terutamanya FORUM PERDANA... . satu hari tertekan RTM 1, Dr Asri dan Johan Johari sedang berbicara.

WOW... this ISLAM i want to know.

Not air mustakmal lagi dan lagi. than cari dalam youtube Dr Asri.

Than ISLAM is simple.

Bukan macam ustaz lain cakap islam ini tak boleh itu tak boleh. apa yang boleh.. . For me ISLAM macam DR Asri teach aku follow, for other than me, keep to yourself. mcm Tun Mahathir cakap. chow.

By cargo express Author Profile Page on November 11, 2009 4:40 PM

Assalamualaikum Tun & bloggers sekalian,

Semoga Tun sentiasa sihat & sejahtera dalam menjalani tugas-tugas seharian.

Tun aktif sana-sini ni sekarang, tak penat ke Tun ? hehe..gitu la, kalau dilakukan dengan keikhlasan sepenuh hati, memang tak akan rasa penat. Tambah pulak, seluruh kehidupan ini adalah ibadah. Jadi segala kebaikan yang dilakukan sepanjang kita hidup ini disertai dengan keikhlasan, semuanya jadi ibadah. Kan seronok jadi seorang Muslim!!

Tun,

saya sendiri pun ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju dengan hasil tulisan Dr Asri & pandangannya. Yang mana baik kita ambik, yang mana tidak tak payah.

Imam As-Shafie sendiri pun ada menjelaskan : sekiranya ada pendapat yang lebih baik daripada dia, silakan. Jangan jadikan pendapatnya sebagai hukum yang mutlak.

Begitulah, kalau kita berbicara tentang soal hukum-hakam yang melibatkan feqah ni, memang la macam ni. 1000 satu macam pendapat, belum campur khilaf ulamak lagi. Tapi Nabi ada bersabda : Khilaf Ulamak ini rahmat kepada umat ( maksud lebih kurang hadis ). Jadi kita kena la ikut, jadikan rahmat kepada umat & bukannya punca perselisihan.

Cuma mungkin dia ni ( Dr Asri ) ni pendakwah muda, jadi 'tone' die lain skit. Ada juga saya baca tulisannya menghentam pelbagai pihak termasuklah golongan tasawuf ( Masih ada dijual dalam pasaran ).

Biase la tu. Tasawuf tu betul, tapi tak semua org tasawuf tu betul-betul pada jalan tasawuf sebenar. Begitu juga Islam. Islam itu mulia, tinggi & terpuji tapi tak semua org Islam itu begitu. Ini kerana pada zaman sekarang ini, banyak hanya pada nama sahaja orang Islam. Amalannya tidak bahkan jauh menyimpang.

Baik orang Syariat atau Tasawuf ( Semua kaum Muslimin ), sumbernya tetap sama iaitu Al-Quran & Hadis ( termasuk Hadis Qudsi ). Apa yang takde dalam Quran ? Semuanya ada !! Memang Al-Quran itu sesuai untuk sepanjang zaman. Cuma cari tak jumpa aje. Nak jumpe macammane ? Nak kaji pun malas!! Itu antara kelemahan kita orang Islam pada hari ini.

Jadi di sini, saya menyeru diri saya dan tuan-tuan di sini, agar kita lebih rajin lagi mengkaji dan meneliti maksud-maksud yang terkandung di dalam Al-Quran dan Hadis Nabi ( termasuklah Hadis Qudsi ). Al Quran merupakan mukjizat paling agung, jauh dibandingkan dengan tongkat Nabi Allah Musa & yang lain-lainnya, manfaatkanlah ia sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.

Sekian Tun, terima kasih.

Selamat Berjuang!!

By Adil dan SaksamaAuthor Profile Page on November 11, 2009 4:34 PM

Salam alaik Tun,

Syukur Tun juga diberikan akal dan hati untuk melihat semua ini dari sudut seorang yang sepatutnya. Sepertimana Tun, saya juga jelas menentang apa yang dilakukan oleh BADAN tersebut atas penahanan Dr Asri tempohari kerana saya juga pengikut sunni. Sedih turut menyylubungi apabila melihatkan umat Islam di negara lain sedang bergadai nyawa untuk menghidupkan Islam, kita di sini ditentang kerana menghidupkan Islam oleh orang yang mengaku dirinya Islam sendiri. Hal ini adalah jelas demi menjaga kepentingan ADAT ISLAM yang diciptakan beberapa dekad dahulu oleh golongan mereka sendiri hinggakan tajdid (Perubahan) sudah tidak ada tempat di Malaysia. Lebih kesal apabila ada yang mengambil kesempatan untuk memujuk beliau bersama parti tertentu selepas melihat aura yang beliau kendung bersama ini. Ini amat memalukan kerana ini bukan pendekatan yang sepatutnya terhadap seorang ulama.

By OumonoAuthor Profile Page on November 11, 2009 3:57 PM

Islam itu mudah! Dan jangan kita terlalu terikut-ikut kata-kata yang kononnya alim ulama' kerana Nabi dah pernah berpesan akan ada golongan yang mengaku alim ulama' dan cuba merumitkan agama. Pegang pada ayat al-Quran dan sunnah dan bukan semata-mata hanya mengikut ajaran turun-temurun.

Hazman Abu Bakar

By jawaricansAuthor Profile Page on November 11, 2009 3:54 PM

Salam semua,

Saya berpendapat, Dr Asri ini lebih kepada banyak mencari jawapan. Saya berpendapat beliau sedang mencari cari bukan nya memberi beri. Saya harap semua faham. Saya harap tuan tuan alim ulamak dapat memberi jawapan kepada persoalan Dr Asri, jangan menangkap saja yang kita tahu. Jangan tahu menyalahkan saja. Jika Dr Asri inginkan jawapan pada persoalan atau kemusykilan, sila lah yang bijak pandai beri jawapan nya. Bermuzakarahlah dan bermuzakarahlah dengan berhemah. Bawa berbincang, ajarlah Dr Asri apa yang dia tidak tahu, dan belajar lah dari Dr Asri apa yang dia tahu. Kita orang Islam (dan juga setengah orang bukan Islam) selalu mengatakan Islam itu yang terbaik, jadi tunjukkan lah contoh yang terbaik.

Sekian wassalam.

By inthemiddleAuthor Profile Page on November 11, 2009 3:41 PM

senang citer, ade sekumpulan ulama' yakni majlis fatwa yg tidak senang dgn sikap Dr Asri yg slalu mengeluarkan fatwa sendiri, tanpa merujuk kepada majlis fatwa..

tindakan unilateral Dr Asri ini tidak disenangi hingga ade situasi bahawa fatwa Dr Asri bertentangan dgn majlis fatwa. Majlis fatwa melalui musyawarah cukup berhati2 dalam mengeluarkan fatwa supaya jurang perbezaan pendapat dapat dikecilkan..sekiranya sesuatu fatwa

itu tidak mendapat persetujuan sebulat suara, jelas terdapat perbezaan pendapat, jd ia perlu diteliti lagi..

manakala Dr Asri, dilihat spt "memandai2" or mengikut tafsiran sendiri (based on his knowledge) memberi fatwa tanpa dirujuk kpd majlis fatwa yg dikhuatiri boleh menimbulkan keraguan dan keresahan. kite telah byk mendengar segelintir org yg dianggap tokoh agama mengeluarkan pandangan sendiri spt "umno itu kafir, so berimamkan org UMNO adalah haram" kesan kpd kenyataan tersebut ialah smyg jumaat dua imam, sbg contoh..

Kalu ini tindakan Dr Asri ini benar atau tidak benar sekalipun, penangkapan secara yg telah dibuat dianggap keterlaluan..

ia perlu la dibuat dgn secara teguran tanpa kekerasan hingga terpaksa menggunakan pihak polis. Jika tangkapan diperlukan, ia hendaklah pada mase yg sesuai supaya dpt mengelakkan sebarang kejadian yg diingini..

By student\_iptAuthor Profile Page on November 11, 2009 3:05 PM

Salam kepada semua.

Saya berasa amat musykil berkenaan dengan isu penangkapan Dr Asri atas alasan tidak bertauliah. Ditambah pula dengan komen dan pandangan yang berbaur negatif terhadap beliau. Saya bukan pakar dalam bidang agama, tetapi saya masih boleh menilai dengan baik situasi semasa dalam hal yang berkaitan dengan Islam. Saya tertanya-tanya, apakah sebenarnya kelayakan yang diperlukan untuk bergelar ilmuan atau pakar dalam sesuatu bidang? pada pendapat saya, yang paling penting adalah academic qualification. adakah semua mufti atau pihak berwajib agama mempunyai kelayakan ini? saya rasa satu-satunya mufti yang ada kelayakan dari segi akademik adalah Dr Asri. saya juga ingin berkongsi pengalaman menghadiri ceramah timbalan mufti di selangor baru-baru ini berkenaan wahabi. Ceramah beliau dilihat sangat kabur dan tidak meyakinkan. Kebanyakan hujahnya adalah berdasarkan logik akal semata. Ada yang bertanyakan soalan, namun tidak dapat dijawab dengan dalil yang jelas. Lagi memalukan bila seorang syekh arab bertanyakan soalan tetapi tidak dijawab, mungkin sebab tak faham bahasa arab. saya bukan nak merendahkan beliau, tetapi bila timbul situasi sebegini, orang ramai akan menilai beginikah seorang yang bergelar timbalan mufti atau ahli agama menjawab soalan. sebab itu sepatutnya mereka yang benar-benar berkelayakan sahaja menjawat jawatan penting seperti mufti dan timbalan mufti. selain itu saya melihat kita perlu menerima pandangan yang bernas berdasarkan hujah yang kukuh bukan sekadar bertaklid buta terutamanya perkara yang berkaitan ibadah.

By khairi aliAuthor Profile Page on November 11, 2009 2:57 PM

Assalamualaikum Tun,

Sabar ya Tun! Semacam Tun sebut, in due process. Berilah peluang kepada JAIS untuk perjelaskan dan selesaikan.

Banyak khabar mengenai tangkapan ni. Kononnya bawa M-16 pun ada!

By wajaperakAuthor Profile Page on November 11, 2009 2:56 PM

Dengan Izin Tun..Terima kasih..

afifi

[[Sebagai contoh, isu niat pada sembahyang, ada ulamak yang membicarakannya secara panjang lebar, sehingga sehari-hari.. Sedangkan benda niat itu adalah sangat mudah dan senang.. Jika difikir secara logik, masakan seseorang itu sudah berada di sejadah dan sudah mengambil wudhu belum berniat untuk solat? Ramai yang kurang faham dan mereka terpaksa berulang kali mengangkat takbir]]

Harap anda berhati-hati dalam permasalahan ini.Ambil contoh ini.Ramai di maklumkan di masjid bahawa pengantin lelaki dah 5 kali gagal mengucap lafaz nikah.Alfafa saudara pengantin lelaki naik ke masjid dan terus memaki tok kadi..

Apa ni tok kadi?..Kan dia dah berniat nak kahwin tu? Sahkan je lah..!!

Boleh kah begitu?..Jika pengantin lelaki tidak dapat melafazkan dengan memuaskan hati Tok Kadi dan saksi maka selagi itu nikah itu tidak sah kerana ianya berkaitan..

Rukun Nikah..

Apakah solah itu sebenarnya?..Imam Syafei meriwayatkan dengan mudah sahaja..

Beberapa bacaan dan perbuatan yang di dahului dengan niat,tertib dan di akhiri dengan salam.

Mereka yang tidak dapat mewujudkan di dalam hati ketika bertakbiratul ikhram ( bukan semestinya angkat tangan ) perasaan zan,maka niatnya tidak masuk ke dalam hati sebagai rukun solah.Kekuatan ini tidak sama di antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Apa yang mudah bagi anda iaitu hafiz Al Quran, mungkin tidak mudah bagi saya..memasukkan Rukun Solah ke dalam hati saya..

Terima kasih Tun..

By khalilmatdomAuthor Profile Page on November 11, 2009 2:52 PM

Salam Tun & All,

To me, person like Dr Asri is a gift from our Mighty God to the nation ... just like our Tun and perhaps an open minded and respected ulamak like Nik Aziz.

We need a leader and a person that has brain, respected by many (not only by own supporter but across race, religion etc) and a person that can lead us to a greater height.

Our nation is blessed to have a person like him .... To find other people's fault and weakness is such an easy thing but why can't we just look things at bigger picture. Be united or at least keep quiet and move forward to be strong muslim country.

Kalau kita nak argue tentang petikan2 yg Dr Asri telah tersilap petik or deeply arguing through the details of Islamic studies and all the kitab-kitab we can do it. Where r we going to and apa yg cuba kita nak dapatkan at the end of the day? We r all Muslim after all and pray to the same God, benar atau salah pendapat kecil kita adalah subjektif. Bagi yg saya yg penting adalah seseorang tidak terpesong sehingga mendua dan menidakkan Tuhan.

Syiah, sunnah al jamaah, wahabi or whatever mazhab sesorang tu mereka masih Islam, percaya pada Allah dan bersama-sama berkiblatkan Kaabah. Kita tidak disisihkan atau diasing2kan ketika ke Mekah.

Fikirkan lah untuk kebaikan kita Muslim semua.

khalilmatdom

By wajaperak Author Profile Page on November 11, 2009 2:41 PM

Dengan Izin Tun..Terima kasih..

RadziSi

Saya rasa anda memetik contoh dari cerita di zaman Saidina Ali r.a tentang seorang yang memekik terlolong di pasar yang mengatakan :

- 1) Aku tidak sukakan kebenaran..
- 2) Aku bersetuju dengan Yahudi dan Nasrani dan
- 3) Aku mempunyai di bumi apa yang Allah tiada di langit.

Setelah di tangkap dan di minta penjelasan, beliau memberitahu :

"Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui yang gaib dan yang nyata, lalu Dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan". (QS al-Jumu'ah, 62:8)

Dia takut kepada mati..Kebenaran..

2) Dan orang-orang Yahudi berkata: "Orang-orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)" dan orang-orang Nasrani pula berkata: "Orang-orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)" padahal mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil). Demikian juga orang-orang (musyrik daripada kaum Jahiliah) yang tidak berilmu pengetahuan, mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu. Maka

Allah akan menghukum (mengadili) di antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisihan padanya. (Al-Baqarah: 113)

Iaitu kedua-duanya berkata benar dalam tuduhan masing-masing. Aku setuju dan kedua-duanya adalah tersesat. Islam itu penyelamat.

3. Aku ini ada anak dan isteri di bumi ini. Maha suci Allah yang tiada beranak dan di peranakan.

[[Dibawah ini saya harap pembaca berfikir]]

1. Dah tahu sembahyang tak payah buat.

2. Babi mati kita makan

3. Orang mati hidup balik.....

kah, kah, kah..... jangan marah ..dah mengarutlah tu...tapi kita dibagi kal supaya berfikir...jika tidak jadi macam JAislah...tangkap dr asri]]

Pada saya, saudara ini hanya mengarut dan cuba buat lawak bodoh..Harapan saya, carilah perkara yang lain untuk di persendakan..Kerana jika anda buat lawak bodoh..akan adalah yang mengotori blog Tun ini dengan pelbagai pandangan yang karut marut lagi..

Terima kasih Tun..

By Ataturk Author Profile Page on November 11, 2009 2:22 PM

Dear Tun,

I am one of your greatest admirers and make no apologies for it.

Some postings back I did mention that I had only one axe to grind with you i.e not preserving the secular nature of the country.

I saw this coming and worse things to come if these monsters -- the religious departments and syariah courts -- are not checked.

Unfortunately, you had a hand in creating them and for me, this was one of the biggest blemish in your illustrious leadership.

I thought you would have known better to put power in the hands of idiots and imbeciles.

Ask anyone, the people managing these institutions are those who could not cut it in the mainstream. Otherwise, they would have been doctors, lawyers (real lawyers not the morons in the syariah courts) and other professionals or even entrepreneurs.

Now the rest of Malaysians are being held to ransom by these people, who in my opinion are the real enemies of the state.

Now, no thanks to you, they are running riot.

Anyway, thanks for allowing me to make this comment.

I also want you to know my love for you and Kak Hasmah is no less diminished because of this.

God Bless You and Kak Hasmah and all others in the family.

Ataturk

By lanpjoy Author Profile Page on November 11, 2009 2:17 PM

suka mengambil sedutan SANGTAWAL(10 NOV 401pm) tentang pengecualian permit pada Mufti2 negeri.. JAIS boleh mempertahankan tindakan mereka kerana Dr Asri adalah Mantan Mufti(apakah mantan mufti dikecualikan jua?.. itu persoalannya)

salam Tun,

Saya amat tertarik dengan isu yang di utarakan oleh Tun ini..

Sebenarnya rakyat bawahan keliru dengan tindakan JAIS ini. Baik muslim or non muslim.. semua tertanya tanya kenapa cerdik pandai agama seperti Dr Asri ditahan ketika memberi ceramah agama seolah olah mengempur penjenayah yang paling dikehendaki oleh pihak berkuasa atas tuduhan jenayah yang berat.

Sepatutnya JAIS boleh :-

- 1- Memanggil Dr Asri ke pejabat untuk di soal jawab bukan nya ditangkap di tempat itu.
- 2- Memberi pekeliling kepada setiap jabatan agama seluruh negara tentang larangan memberi ceramah agama even di tempat/rumah peribadi.(bukan setakat tempat umum contohnya surau atau mesjid)
- 3- Hanya menghantar 2-3 orang pegawai tertinggi JAIS ke tempat ceramah malam itu,bukannya segerombolan.

Tertarik juga komen TUN tentang kelirunya kita atas dasar berbeza hukum di setiap negeri yang berbeza. Kenapa? Apakah hukum ini dibuat semata2 untuk menjaga segelintir kuasa. Tertarik pada komen dari orang kuat Majlis Agama Islam Melaka dalam berita TV3 yang berkata jika Dr Asri nak berceramah di Melaka Dr Asri mesti datang ke pejabat mereka dan akan diberitahu perkara Do's and Dont's kat Melaka.,,, kerana Islam di Melaka adalah baik dan takut Dr Asri menyeleweng lantas merosakkan akidah orang islam di Melaka dan Dr Asri boleh diizinkan selepas Mufti Melaka bersetuju untuk meluluskannya.

Sebagai orang Islam saya malu dengan kawan kawan bukan Islam saya bertanya pada saya kenapa permit mengajar Islam tidak boleh dikeluarkan pada orang yang pernah melakukan jenayah @ masuk penjara di negeri Selangor. Bukankah Islam itu indah dan Allah SWT itu pemaaf.. apakah jika umat Islam yang melakukan jenayah tidak boleh dimaafkan di dunia ini.

Apakah tertutup pintu umat Islam yang pernah terpesong dengan jenayah menjadi insaf dan belajar agama lantas cuba menghulurkan ilmu agama pada orang Islam yang lain.

SALAHKAH??????

Kawan Kristian saya bertanya "Kenapa Islam di Selangor macam ni?".

Saya percaya Dr Asri akan berkecuali dalam politik.. tapi berapa lama beliau boleh bertahan dengan prinsip itu.? Beliau adalah kawan baik TGNA dan Shahidan Kassim...

Saya tertanya tanya jika Dr Asri condong kearah UMNO apakah akan ada sekatan pada waktu ceramah beliau? Apakah perlu permit untuk berceramah di semua tempat? dan jika beliau condong pada PAS apakah akan ada lagi tangan tangan ajaib menekan beliau? PASTI ADA.....

Diharap JAIS dan pihak berkuasa agama negeri lain... berfikirilah secara professional dalam mengatasi masalah permit .. jangan disamaratakan ajaran sesat dan ahli ugama. mereka berbeza.  
By Idea StrategicAuthor Profile Page on November 11, 2009 1:41 PM

As'kum Semua,

Disini saya ingin berkongsi pengalaman apa yang saya pernah lalui beberapa bulan yang lepas. Ketika bersolat disalah sebuah masjid di Seremban - sebelum sembahyang, imam tersebut telah membaca Surah An Nas dan kami pun melakukan solat seperti biasa. Setelah selesai solat tersebut, ada seorang bersolat disebelah saya menegur dan memberitahu supaya saya melakukan solat semula. Saya bertanyakan kepada beliau.... kenapa? Imam tadi salah katanya. Mengikut apa yang difahamkan dari jemaah yang diikuti (Wahabi) bahawa Nabi Muhammad S.A. W. tidak membaca surah tersebut sebelum solat & lebih baik kita baca Surah Yassin aje sebelum solat kalau inginkan pahala yang lebih. Kenapa kita buat perkara tersebut katanya. Setelah itu, beliau melakukan semula solat tersebut. Akibat berasa curiga dari apa yang diperkatakan, saya menunggu setelah beliau selesai bersolat semula dan bertanyakan apa maksud sebenarnya tujuan beliau berbuat demikian. Beliau mengajak saya mengikuti kelas & ceramah yang dianjurkan dan Tuan Gurunya adalah bekas Mufti Perlis.

Menurut beliau lagi, apa yang kita amalkan selama ini adalah salah oleh kerana Nabi tidak pernah berbuat perkara tersebut seperti kenduri (tahlil) arwah, menziarahi kubur (membaca Surah Yassin dikubur) & beberapa lagi perkara yang saya tidak ingat. Begitu juga apa yang dilakukan oleh mufti negeri kerana tidak melakukan sesuatu bagi mengatasi perkara ini (membetulkan perkara yang tidak dibuat oleh nabi) kepada umum dan mereka sebenarnya menanggung dosa.

Saya juga ada bertanyakan kepada beberapa orang ustaz dan orang yang pandai didalam ilmu keagamaan. Apa yang dilakukan oleh imam tersebut iaitu membaca Surah An Nas adalah memohon ditetapkan perdiriannya atas sebab kita ini adalah insan yang lemah kerana maksud ayat akhir dalam surah tersebut adalah bagi menghindari daripada godaan dari kalangan jin & manusia oleh kerana kita ini adalah dari kalangan orang biasa yang banyak melakukan kesilapan. Tidak salah membaca surah itu sebelum solat.

Apa yang menjadi persoalan saya adalah kenapa fahaman Wahabi ini menjadi gerakan senyap. Ceramah pun diadakan dirumah, kalau betul hendak menegakkan syiar & membetulkan apa yang salah didalam pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri boleh dibuat perbincangan terus & tak perlu senyap-senyap. Ini menjadikan umat islam dinegara kita berpecah. Yang tabligh lain, ahli sunnah lain, tarekat lain & wahabi pun lain. Yang mana satu ni.....

Terima kasih,

Wassalam.

By ShaneAuthor Profile Page on November 11, 2009 1:39 PM

Y.A.Bhg Tun,

Saya setuju 100% dengan pandangan Tun.Badan badan Ugama Kerajaan dari dulu lagi lebih selesa menangkap, mengintai orang dari menumpukan perhatian kepada "educational programme" dengan tujuan memperbaiki akhlak umat islam.Mereka ini mengabiskan masa dan tax payers money!!

Kalau lah Dr Asri boleh ditangkap kerana tidak ada tauliah!! Bagaimana pula dengan sessi majlis tahlil serta kuliah ugama dirumah rumah yang diadakan orang umat islam tiap masa seluruh Malaysia????? Perlu pohon tauliah juga nampak nya.Susah lah macam ni!!!

By AdamAuthor Profile Page on November 11, 2009 1:24 PM

He is trying to create uproar among moslem, and the gullible is defending him without knowing the truth.

His ideology is nothing new, there was once someone in Perak years ago, who tried to do the same thing as Dr. Asri, and the mufti of penang went on to argue with him and proved he was wrong.

His major is not in Syariah (Laws), it was in Language. Language and Law are two different things, mind you.

By egalitarianAuthor Profile Page on November 11, 2009 1:16 PM

Assalamualaikum Tun,

Sebagai umat islam, kita nak tunggu dan lihat kesudahannya. Jangan takda maklumat atau tindakan selanjutnya.

Kena sebat ke...,kena pecat ke... sangat sangat nak tahu. Akan bawa dari dunia ke akhirat orang yang dipertanggungjawabkannya.

Take good care of your health, wassalam.

By SyedAuthor Profile Page on November 11, 2009 12:33 PM

Assalamualaikum,

Bagaimana caranya untuk mendalami Islam, kandungan Islam, selok belok ajaran, bagaimana terjadinya khilaf, bagaimana hendak menafsir hadis & Al-Quran, rukun iman dan islam dan pelbagai lagi ilmu-ilmu yang telah diturunkan oleh Rasulullah s.a.w.

Jawapannya - Pergi belajar dan jangan menafsir mengikut logik akal. Ramai ulama yang boleh mengajar FOR FREE dimana - mana kuliah masjid dan surau. Selagi kita berdebat mengikut logik akal kita tidak akan memahami isi kandungan islam. Nabi kita pun belajar membaca sebelum bergelar Rasul, hayati ayat 1-5 surah Al-'Alaq.

By smithAuthor Profile Page on November 11, 2009 12:30 PM

assalamualaikum..sukar untuk mentafsirkan apa yang berlaku.....

By RyahayaAuthor Profile Page on November 11, 2009 12:25 PM

Tun,

Assalamualaikum WBT,

Dari bacaan saya, kita yang bukan alim ulama atau pakar agama pun bolih menilai mana yang sah dan mana yang berniat jahat, masakan ahli dan pakar dalam agama tak nampak semua ini. Persoalannya ialah nawaitu seseorang, adakah ini bertujuan untuk mempertahankan agama atau ada agenda untuk menahan sesuatu yang benar diperkatakan. Tun, your assesment is near perfect. These are the views and comments that should be coming from our Ulamak. Then only can we respect them and support their teachings. Kalau term of referance Al-Quran and Al-Hadith menjadi pilihan kedua dan ketiga dan ijma ulama ahli Sunnah wal jamaah menjadi pilihan pertama, saya tak tau apa lagi nak cakap. Perbezaan antara Dr Asri dengan mereka adalah, ajaran Dr Asri berlandaskan kepada AlQuran and AlHadith dan mereka mendahului ijma ulama ahli Sunnah wal jamaah. Bottom line - kita kena tanya nawaitu mereka? akhirnya semuanya akan terjawab. Cakap dan bincang panjang2 pun tak guna. Wallahualam

By Aku PeningAuthor Profile Page on November 11, 2009 11:34 AM

Salam Tun,

Isu fahaman wahabi ini bukanlah serious. Cuma perbezaan pendapat.

Selagi seseorang itu masih mengucap kalimat syahadat, kita tidak boleh mengangap ia seorang kafir.

Fahaman wahabi cume mengambil apa yang wajib didalam Islam seperti yang termaktub didalam Quran dan Hadis. Contoh: Kita biasa mengamalkan membaca yasin atau quran di kubur, tetapi amalan ini tidak pernah disebut didalam Quran atau hadis. Adakah ia salah membaca quran atau yasin di kubur? Ternyata salah kerana kubur bukan tempat beribadat tetapi bukan haram.

Saya rasa fahaman wahabi ini cuma mahu memberitahu bahawa Islam ini mudah.

Tidak mengira samada seseorang itu mengikut fahaman wahabi atau mazhab lain, perkara wajib didalam islam masih dilakukan. Pekara sunat ialah kepada individu untuk melaksanakan. Siapa nak pahala lebih, buat banyak pekara sunat.

Jangan kita senang-senang nak kata orang itu salah dan ini salah tanpa ilmu yang cukup.  
By rudy kassim Author Profile Page on November 11, 2009 11:19 AM

Salam ayahanda tun,  
ni sebenarnya tanda tanda kiamat dah menjelma. ahli ahli tinggi agama pun boleh bertelangkah. kot kot macammana lah anak anak kita nanti. Nak harap depa ni nak rotan orang pun susah. kalau suruh tangkap cepat je. Banyak lagi benda lain yang boleh tangkap. Isu rasuah, salah guna kuasa, maksiat, bunuh, tak termaktub dalam ajaran islam ke? Ajaq budak biar sembahyang lima waktu dulu la. Tu kan tiang agama. tok sah dok sibuk benda besag lain la buat hok basiq ni dulu. Sorry ayahanda a bit emotional about this issue. Thanks, take care and salam to ibunda  
By akee Author Profile Page on November 11, 2009 11:13 AM

seseorang yang tidak sama pendapat/tafsiran dengan pihak berkuasa Tuhan di Malaysia di panggil wahhabi? wahabi atau tidak, saya tak beberapa erti istilah tepat wahhabi.

Ciptaan (formula Tuhan) adalah tertakluk kepada KEBENARAN. Semua yang ada sangkut dengan Tuhan boleh dibukti dengan fakta KEBENARANnya. Hanya lah dengan yang 'TRUTH' kamu dapat faham Tuhan yang 'Truth' juga.

Kalau lah sesuatu agama itu telah menuju ke arah Kepalsuan, maka cacing-cacing fikiran yang BENAR akan automatik di lahir dari pengikut yang masih BENAR, untuk menebuk lubang supaya KEBENARAN pada Kepalsuan itu akan dibuktikan KEBENARANnya.

Saya rasa ada sesuatu yang tak betul pada system agama kita. Untuk menghalang umat manusia dari membuat dosa tak kira besar kecil, kita telah melahirkan Ruang untuk syaitan bermain di situ. Kita telah mencipta peluang & ruang untuk manusia haluan syaitan yang pandai bertopeng alim untuk berkuat kuasa di situ, sambil menggotorkan systemnya. Tuhan dah ada formula semula jadi nya. Formula Tuhan adalah automatik & kalau benda itu tidak BENAR, macam mana, lambat launnya, cacing KEBENARAN akan tembusinya walaupun is bermula dari setitik. Boleh jadi juga Wahhabi itu adalah hantaran Tuhan. bukan semestinya semua 100 wahhabi ada itu adalah mengikut ajaran BENAR Tuhan, tapi mestinya ada 1 daripada mereka itu sedang cakap yang BENAR.

Kata perpatih, kalau tak ada angin, daun pokok tak akan bergoyang. kalau sesuatu system itu tidak ada Kesilapan atau adalah system yang amat ADIL, tak kan ramai yang nak bising & rasa terniaya. kalau kelahiran ruang syaitan dah menjadi dewasa (stabil/powerful), nak bendung pun dah amat susah.

Pilih lah kamu yang bijak2 sekalian, yang mana lebih bijak?

1. Cipta/Lahirkan ruang syaitan untuk manusia jahat (siapa berani jamin SEMUA 'penolong Tuhan' yang ada hari ini 100% TULEN, kalau terdapat 1 orang pun yang kotor, tempat itu dah

jadi ruang permulaan syaitan bermaharajalela) yang berkuasa supaya beralasan untuk menghalang umat manusia dari buat dosa dosa walaupun yang kecil.

atau

2. Jangan lahirkan Ruang syaitan bermaharajalela, & jangan paksa umat supaya tidak berdosa, biarlah diri mereka sendiri yang tak nak buat dosa dengan rela hati tanpa paksaan, itu lah patut ajaran Tuhan yang benar, bukannya dengan paksaan. manalah pernah kita dengar riwayat nabi memaksa orang untuk ikut dia, semua ikut dengan rela hati mereka.

kalau nak buat kerja Tuhan, jangan sekali-kali tangkapan itu silap atau terniaya orang. Niaya itu bukan kerja Tuhan. Agaknya selama ini tak ada 1 pun kes tangkapan berdosa tersilap. Kalau silap maknanya seluruh system itu dah buat dosa terhadap orang yang di niyai. bukankah ajaran Tuhan ada pesan jangan niaya orang. Tuhan lah satu satunya yang tak pernah niaya manusia. Jais pernah?

siapa tak tahu membunuh, menggedar dadah itu boleh di hukum gantung sampai MATI, tapi masih ada orang buat juga. begitu juga dengan agama. denda2 yang dikenakan kepada mereka yang tertangkap berdosa di denda dengan nilai wang (agak tinggi juga dendanya)hanya akan lebih menyusahkan mereka (sebelum itu pun dah lah cukup miskin) & buat mereka tak puas hati. ini akan mengundang lebih keburukan dari kebaikan.

By zaki\_77 Author Profile Page on November 11, 2009 10:23 AM

Another aspect I would like to point out is the evil of 'asabiyyah (nationalism, tribalism, racism, patriotism and blind part political loyalty)... This is the type of attitude PAS is promoting Malaysians to accept.

On the Subject of Asabiyyah, it is narrated by Abu Dawud that the Prophet (pbuh) said: "He is not one of us who calls for 'Asabiyyah, or who fights for 'Asabiyyah or who dies for 'Asabiyyah." [Abu Da'wud]

And in another Hadith, the Prophet (pbuh) said, referring to 'Asabiyyah: "Leave it, it is rotten" [Bukhari, Muslim]

'Asabiyyah is a concept that includes nationalism, tribalism or patriotism. Racism is also a by-product of 'Asabiyyah, which rises when people begin to group themselves on tribal, racial, ethnic, school of themselves in their ethnicities or nationalities and political partisanships. They support their particular parties and give loyalty and preference to them over anything else. This is the type of unjust and blind support for anything a party does whether it goes against Islam or not. They should fearing Allah's punishment.

By pisang tanduk Author Profile Page on November 11, 2009 10:13 AM

Saya nampak Dr Asri akan menjadi pendamai antara semua pihak yang berselisih pendapat nanti.  
By musato Author Profile Page on November 11, 2009 9:59 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya telah beri beberapa komen berkaitan agama (bukan tentang akidah) termasuk dalam 'Hukum Allah' kerana berterima kasih pada 'secret admirer'. Lama dah takde secret admirer sejak lepas sekolah dulu...ustazah pulak tu.

Saya fikir ada orang kuat agama juga mengikuti komen saya sejak berbulan yang lepas. Sekarang pun ada. Adakala terluang saya membaca tulisan beliau. Memberikan saya motivasi.

Lagipun, Rasul Melayu pun dah kena tangkap.

Terima kasih Tun.

By darwisAuthor Profile Page on November 11, 2009 9:59 AM

salam tun,

mungkin mudah bagi tun untuk memahami artikel ni, dan rasionalnya kenapa dr asri ditangkap

Pendahuluan:

Saban waktu dan masa, umat Islam sering dilanda perselisihan dan perpecahan, dalam pelbagai bidang. Namun, isu yang lebih penting ialah, berkenaan dengan perselisihan yang melibatkan perkara-perkara pokok seperti masalah aqidah dan sebagainya, kerana perselisihan dalam masalah-masalah furu' (cabang) tidak membawa kepada kesesatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa, dalam kalangan umat Islam, sejak zaman salafus sholeh lagi, berlaku perselisihan sehingga melahirkan beberapa kelompok dan golongan yang tersesat daripada dasar aqidah Islam yang murni. Mereka terfitnah dek keketatan ilmu mereka, dalam berinteraksi dengan nash-nash al-Qur'an dan as-Sunnah.

Sejarah menunjukkan tentang kelahiran golongan khawarij, muktazilah, syi'ah, jabbariyah, qadariyah, mujassimah dan sebagainya, yang mana kelompok tersebut sudah keluar daripada kefahaman aqidah Islam yang murni. Sebahagian daripada golongan tersebut sudah lenyap dan sebahagian golongan masih terus wujud dalam pelbagai nama dan imej yang berbeza, namun masih mewarisi kejumudan paradigma golongan-golongan yang sesat tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Allah سبحانه وتعالى menjanjikan kepada Rasulullah صلى الله عليه وسلم, bahawa, Dia akan menjaga umat Islam daripada kesesatan, dengan memelihara majoriti umat Islam daripada terjerumus ke dalam kesesatan, takkala munculnya golongan-golongan yang sesat dalam umat Islam tersebut.

Bahkan, para ulama' dari kalangan majoriti umat Islam inilah yang terus mempertahankan umat Islam daripada kesesatan golongan-golongan yang sesat, dengan menolak kesesatan mereka samada dengan hujah dan sebagainya. Hal ini sentiasa berlaku sehinggalah berlakunya hari Kiamat, di mana, Allah سبحانه وتعالى akan sentiasa memelihara majoriti umat Islam daripada kesesatan, yang mana, mereka (majoriti umat Islam) ini dipelihara oleh para ulama mereka sendiri, yang merupakan majoriti ulama' Islam.

Dalil daripada as-Sunnah tentang Perpecahan Umat Islam

Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya sebelum kamu, iaitu sebahagian daripada ahlul kitab telahpun berpecah kepada tujuh puluh dua golongan. Sesungguhnya, umat ini (umat Rasulullah ﷺ) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan..." (Hadits riwayat Imam Ahmad dan Imam Abu Daud)

Sesungguhnya, terdapat lebih kurang sepuluh buah hadits yang menceritakan tentang perpecahan umat Rasulullah ﷺ kepada lebih tujuh puluh golongan. Peristiwa tentang perpecahan umat Rasulullah ﷺ ini sememangnya sudahpun diramalkan oleh Rasulullah ﷺ.

Namun, para ulama' berselisih pendapat tentang perpecahan tersebut. Kebanyakan ulama' berpendapat bahawa, perpecahan itu berlaku dalam kalangan umat Islam itu sendiri (ummah ijabah). Sebahagian ulama' pula berpendapat bahawa, perpecahan tersebut berlaku antara umat Islam dengan orang-orang kafir yang lain, yang mana, kesemua mereka adalah umat Rasulullah ﷺ dari sudut ummah dakwah (iaitu umat manusia yang menjadi sasaran dakwah Rasulullah ﷺ).

Pendapat yang kuat dalam kalangan para ulama' adalah, pendapat yang mengatakan bahawa, perpecahan tersebut berlaku dalam kalangan umat Islam sendiri. Antara para ulama' yang berpegang dengan pendapat ini adalah: Imam Al-Asy'ari (maqalat al-Islamiyin), Imam Abu Mansur (al-Milal wa an-Nihal dan al-Farq bainal Firaq), Imam Abu al-Fath as-Syahrastani (al-Milal wa an-Nihal), Imam Ibn Hazm (al-Fashlu fi al-Milal), Imam Ibn Jauzi (Talbis Iblis), Imam asy-Sya'rani (al-Mizan al-Kubro) dan ramai lagi.

Hal ini berdasarkan hadits Nabi ﷺ yang lain yang berbunyi:

"...Sesungguhnya, orang yang hidup selepasku akan melihat perselisihan yang besar..." (Hadits Shahih). Hadits ini menceritakan perihal umat Islam yang berselisihan sesama mereka, kerana kalau yang dimaksudkan adalah perselisihan antara umat Islam dengan umat-umat dari agama yang lain, maka sejak zaman Baginda ﷺ lagi, telah berlaku perselisihan antara mereka, sedangkan hadits ini mengisyaratkan tentang keadaan setelah kewafatan Baginda ﷺ.

Bahkan, hadits setelah ini yang menjadi pokok perbincangan di sini, turut menjadi dalil yang menunjukkan tentang berlakunya perselisihan dalam umat Islam itu sendiri. Bahkan, realiti sendiri menunjukkan berlakunya perselisihan besar dalam masalah aqidah, dalam kalangan umat Islam, menerusi catatan sejarah sehinggalah realiti hari ini.

Umat Islam Tetap Terpelihara

Walaupun berlaku perselisihan dalam kalangan umat Islam, namun Allah سبحانه وتعالى tetap memelihara keutuhan umat Islam, dengan memberi jaminan, akan terus menjaga umat Islam daripada terjerumus ke dalam kesesatan secara menyeluruh.

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya umat aku (umat Islam) tidak akan berhimpun dalam kesesatan. Jika kamu melihat perselisihan (dalam kalangan mereka), maka hendaklah kamu mengikuti sawadul a'zhom (majoriti umat Islam). Sesungguhnya, sesiapa yang terasing, maka dia akan terasing dalam neraka" (Hadits riwayat Ibn Majah)

Daripada Ibn Umar رضي الله عنهما, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda lagi: "Sesungguhnya Allah سبحانه وتعالى tidak akan menghimpunkan umat ini (umat Islam) dalam kesesatan selama-lamanya. Yadd (tangan: bantuan) Allah itu bersama-sama jama'ah. Maka, hendaklah kamu mengikuti sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam)" (Hadits riwayat al-Hakim daripada jalan ad-Dhiya' al-Maqdisi)

Dalam dua hadits tersebut menjelaskan beberapa nota penting iaitu:

Pertama: Rasulullah صلى الله عليه وسلم memberitahu kita bahawa, akan berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam. Perpecahan yang dimaksudkan ini, pasti berkaitan dengan masalah aqidah kerana perselisihan dalam masalah furu' (cabang) seperti perbezaan mazhab dalam fiqh, tidak membawa kepada perpecahan.

Kedua: Apabila berlaku perpecahan, maka setiap muslim hendaklah bersama dengan "sawadhul a'zhom" (majoriti umat Islam), yang turut dinamakan oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم sebagai jamaah.

Ketiga: Jelaslah bahawasanya, majoriti umat Islam inilah yang benar, kerana mereka tidak akan berhimpun dalam kesesatan. Manakala, golongan yang tersesat atau tersalah dalam masalah aqidah, dari kalangan umat Islam hanyalah golongan minoriti sahaja. Kerana itulah, Rasulullah صلى الله عليه وسلم menganjurkan umat Islam mengikut majoriti umat Islam (sawadhul a'zhom) ketika berlaku perselisihan dan perpecahan dalam umat Islam.

Keempat: Allah سبحانه وتعالى sentiasa membantu golongan majoriti umat Islam ini, dalam menangkis kesesatan yang cuba dibawa masuk oleh golongan-golongan yang tersesat (syaz: terasing atau terpinggir) daripada aqidah sebenar Islam.

Perintah Agar Menyertai Majoriti Umat Islam (Sawadhul A'zhom) atau Jamaah

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda yang bermaksud: "...Hendaklah kamu menyertai jamaah (majoriti umat Islam) dan janganlah kamu berpecah (mengikut golongan yang tersesat)...Sesiapa yang mahu menghuni taman syurga, maka hendaklah dia mengikut jamaah" (Hadits riwayat Ahmad, at-Tirmidhi, dan al-Hakim).

Telah berkata Rasulullah ﷺ yang bermaksud: "...Dan sesungguhnya pada jamaah itu ada rahmat, dan pada perpecahan itu ada azab." Maka berkatalah Abu Umamah al-Bahili: "Hendaklah kamu bersama dengan sawadhul a'zhom"...(Hadits riwayat Imam Ahmad, al-Bazzar dan ath-Thabrani).

Rasulullah ﷺ bersabda lagi yang bermaksud: "...Aku tidak menyembunyikan sesuatupun (daripada kebenaran). Hendaklah kamu semua bertaqwa dan bersama-sama dengan jamaah. Janganlah kamu berpecah (mengikuti golongan yang terkeluar daripada jamaah). Sesungguhnya (dengan keluar dari jamaah) itulah kesesatan. Sesungguhnya Allah سبحانه وتعالى tidak akan menghimpun umat Muhammad dalam kesesatan" (Hadits riwayat ath-Thabrani)

Antara pengajaran-pengajarannya:

Pertama: Hendaklah setiap individu muslim, bersama-sama dengan jamaah (kumpulan orang-orang Islam). Ia merupakan suatu seruan daripada Rasulullah ﷺ sendiri.

Kedua: Jamaah (kumpulan orang-orang Islam) ini adalah sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) seperti yang dimaksudkan oleh Abu Umamah dalam hadits kedua tersebut. Maksudnya, apabila berlaku perselisihan dan perpecahan dalam umat Islam, maka sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam)-lah yang merupakan jamaah Islam (kumpulan umat Islam) yang dimaksudkan oleh Rasulullah ﷺ.

Ketiga: Sesungguhnya, dengan bersikap menyalahi majoriti umat Islam khususnya berkenaan dengan kefahaman-kefahaman dalam aqidah Islam, pada hakikatnya, merupakan suatu kesesatan yang nyata.

Ancaman Bagi Mereka Yang Menyertai Kesesatan Golongan Yang Menyalahi Sawadhul A'zhom

Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya umat aku (umat Islam) tidak akan berhimpun dalam kesesatan. Jika kamu melihat perselisihan (dalam kalangan mereka), maka hendaklah kamu mengikuti sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam). Sesungguhnya, sesiapa yang terasing, maka dia akan terasing dalam neraka" (Hadits riwayat Ibn Majah)

Rasulullah ﷺ bersabda lagi yang bermaksud: "...Barangsiapa yang keluar daripada jamaah walaupun sejengkal, maka dia sudahpun meminggalkan agama Islam..." (Hadits riwayat Imam Ahmad)

Dalam hadits-hadits ini, Rasulullah ﷺ melarang setiap individu muslim daripada keluar daripada kelompok umat Islam, dengan menyalahi aqidah kelompok umat Islam.

Bahkan, Rasulullah ﷺ juga menegaskan bahawa, orang yang bercanggah dengan jamaah atau menyalahi majoriti umat Islam (sawadhul a'zhom) dalam masalah usul

(pokok iaitu masalah aqidah), maka dia dianggap sebagai syaz, iaitu: orang yang terasing ataupun terpinggir daripada kelompok umat Islam.

Adapun orang yang terpinggir (syaz) ataupun kelompok-kelompok yang terpinggir (syawaz kata ramai bagi syaz) yang bercanggah dengan kefahaman murni aqidah sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam), akan terpinggir ke dalam neraka juga, na'uzubillah.

Rasulullah ﷺ juga memberi ancaman keras kepada mereka yang keluar daripada jamaah ataupun keluar daripada manhaj sawadhul a'zhom dalam masalah aqidah terutamanya, dengan memanggil orang yang keluar tersebut sebagai orang yang memenggal agama Islam itu sendiri. Hal ini menunjukkan, betapa beratnya fitnah yang dibawa oleh seseorang itu keluar daripada kelompok sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) kepada agama Islam itu sendiri.

Siapakah Jamaah, Sawadhul A'zhom dan Syaz itu?

Di awal zaman Rasulullah ﷺ, jamaah atau jemaah umat Islam itu jelas, iaitu orang-orang yang memeluk Islam dan berjuang bersama Rasulullah ﷺ. Namun, setelah kemuncak kecemerlangan Islam di zaman Rasulullah ﷺ, terbit musuh-musuh Islam dari dalam, samada golongan munafiq mahupun golongan yang mendakwa sebagai nabi-nabi palsu seperti Musailamah al-Kazzab.

Walaupun bagaimanapun, Rasulullah ﷺ dan umat Islam berjaya mematahkan musuh-musuh Islam tersebut. Namun, golongan munafiq masih bersembunyi di tengah-tengah umat Islam.

Setelah kewafatan Rasulullah ﷺ, umat Islam semakin berkembang. Dalam perkembangan yang sama, timbul bibit-bibit awal yang membawa kepada perpecahan dalam umat Islam. Perselisihan dalam umat Islam mula terasa bahangnya pada zaman Saidina Uthman كرم الله وجهه dan semakin memuncak pada zaman Saidina Ali رضي الله عنه

Namun, pada permulaannya, perselisihan hanya berlaku di sekitar aspek politik, yang tidak melibatkan masalah aqidah. Sehingga kemuncak kegemilangan para tabi'in, muncul golongan-golongan yang tersalah dalam memahami nash-nash al-Qur'an dan as-Sunnah, sehingga membentuk beberapa golongan bid'ah dalam masalah aqidah iaitu golongan Muktazilah, Jabbariyah, Qadariyah, Mujassimah, Syi'ah dan sebagainya. Mereka inilah golongan-golongan yang terpinggir (syaz) daripada kelompok umat Islam (majoriti umat Islam).

Namun, Allah ﷻ masih memelihara umat Islam dengan menyelamatkan aqidah majoriti umat Islam (sawadhul a'zhom), dengan peranan yang dimainkan oleh majoriti ulama' Islam (golongan al-Asya'irah dan al-Maturidiyah), dalam membenters fahaman-fahaman sesat golongan-golongan tersebut.

Para ulama' majoriti umat Islam dari kalangan al-Asya'irah dan al-Maturidiyah inilah yang akhirnya berjuang atas nama, ahlu sunnah wal jamaah, kerana mereka mewakili majoriti umat

Islam itu sendiri, yang berdiri di atas kebenaran, sesuai dengan jaminan Rasulullah ﷺ. [Tersebut didalam kitab Ithaf as-Saadah al-Muttaqin bi Syarhi Ihya' 'Ulumiddin oleh Sayyid Murthada az-Zabidi:

إذا أطلق أهل السنة فالمراد بهم الأشاعرة و الماتريدية

Maksudnya: Apabila diithlaqkan ahlus sunnah wal jamaah maka yang dimaksudkan adalah al-Asya'irah dan al-Maturidiah]

Para ulama' ahlus sunnah wal jamaah menentang fahaman muktazilah yang terlalu bebas dalam menggunakan akal sehingga mencemari kesucian wahyu, dan turut menentang fahaman mujassimah dan musyabbihah yang terlalu jumud dalam berinteraksi dengan nash-nash mutasyabihat (kesamaran maknanya) sehingga mencemarkan keagungan sifat-sifat Allah سبحانه وتعالى, takkala mereka menyamakan Allah تعالى سبحانه dengan makhluk atau mereka menjisimkan Allah تعالى سبحانه.

Para ulama ahlus sunnah wal jamaah turut menentang fahaman-fahaman lain seperti fahaman syi'ah, jabbariah, qadariyah dan sebagainya yang tidak jauh berbeza dengan golongan-golongan syaz yang lain.

Sebahagian daripada golongan-golongan terpinggir (syaz) tersebut berjaya dihapuskan namun sebahagian golongan yang lain, terus bersembunyi dan menyebarkan fahaman mereka secara tersembunyi, memang bagaikan kelompok yang terasing seperti yang dimaksudkan oleh Rasulullah ﷺ.

Sebahagian fahaman muktazilah menyelinap masuk ke dalam sebahagian ahli-ahli falsafah Islam sehingga memaksa ulama' ahlus sunnah wal jamaah membasmi fahaman mereka, seperti yang dilakukan oleh Imam Al-Ghazali رحمه الله..

Bahkan, setelah itu, fahaman golongan mujassimah dan musyabbihah mula diketengahkan semula dalam masyarakat Islam, atas nama yang berbeza yang lebih dikenali dengan golongan hasyawiyah. Ulama'-ulama' Islam ahlus sunnah wal jamaah yang mewakili golongan sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) turut bertungkus-lumus membendung fahaman ini.

#### Kekeliruan yang Mengelirukan

Namun, setelah itu, muncul seorang pendakwah yang bernama Sheikh Ibn Taimiyah, yang secara tidak langsung, cuba mempelopori semula fahaman hasyawiyah dan mujassimah ini dalam bentuk yang lebih berhati-hati dan teliti. Beliau membuka semula kaedah-kaedah untuk menjisimkan Allah سبحانه وتعالى, melalui nash-nash mutasyabihat (kesamaran maknanya) daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Antara kaedah-kaedah tersebut adalah, beliau menetapkan makna zahir bagi nash-nash mutasyabihat yang membawa kepada makna kejisiman Allah سبحانه وتعالى, sedangkan para salafus sholeh tidak pernah menetapkan sebarang makna bagi nash-nash mutasyabihat tersebut.

Beliau juga menolak konsep ta'wil dan kiasan bagi nash-nash mutasyabihat lalu menuduh golongan majoriti ulama' Islam sebagai golongan yang menafikan sifat Allah سبحانه وتعالى, padahal tidak sedemikian.

Bahkan, bukan setakat itu sahaja, beliau malah, menyandarkan fahamannya kepada salafus sholeh, dek kerana salah mentafsirkan sebahagian daripada kata-kata para ulama' salaf, padahal para ulama' salafus sholeh berlepas tangan daripada fahaman neo-mujassimah beliau.

Beliau turut menolak para ulama' ahlus sunnah wal jamaah seperti Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali yang diterima oleh majoriti ulama' Islam dan majoriti umat Islam, dan Imam Ar-Razi kerana mereka menolak tajsim bagi Allah سبحانه وتعالى. Ibn Taimiyah dalam banyak karangan beliau seperti dalam buku-buku At-Ta'sis, Risalah Tadmuriyah, Al-Arasy' dan Fatawa beliau, di mana beliau cuba menetapkan kejisiman bagi Allah سبحانه وتعالى secara tidak langsung. Bahkan, beliau turut mengkritik para ulama' Al-Asya'irah yang mewakili majoriti ulama Islam dan majoriti umat Islam, sejak 400 tahun sebelum kemunculan beliau, (yang dijamin kebenaran mereka oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم sendiri, berdasarkan hadits "tidak berhimpun umat atas kesesatan...").

Namun, beliau ditentang hebat oleh para ulama' ahlus sunnah wal jamaah, dari kalangan al-Asya'irah khususnya, kerana cuba menghidupkan fahaman mujassimah semula, secara tidak langsung.

Setelah itu, sepertimana kebiasaan bagi golongan syaz (terpinggir), fahaman Ibn Taimiyah dan beberapa anak muridnya lenyap seketika ditelan zaman. Golongan al-Hasyawiyah kembali bersembunyi di sebalik golongan athariyah atau para ahli hadits. Namun, golongan athariyah (ahli hadits) ini berbeza dengan muhaddithiin (ulama' hadits) dari kalangan ahlus sunnah wal jamaah.

Sehinggalah, setelah kemunculan seorang pemuda yang ghairah menghukum, iaitu Muhammad bin Abdul Wahab, beliau cuba menghidupkan semula fahaman Ibn Taimiyah dan turut mengkritik sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) dan menuduh majoriti ulama' Islam iaitu al-Asya'irah sebagai golongan yang tidak mengikut aqidah salafus sholeh. Beliau cuba memutarbelitkan fakta bagi menipu masyarakat awam Islam, terhadap aqidah salafus sholeh.

Sekali lagi, golongan ahlus sunnah wal jamaah bangkit untuk menangkis fahaman neo-mujassimah yang cuba diketengahkan oleh kebanyakan para pengikut Muhammad bin Abdul Wahab [atau lebih dikenali dengan golongan Wahabi].

Para pengikut Muhammad bin Abdul Wahab mula menyusun dan mengetengahkan semula kaedah-kaedah yang membawa kepada kejisiman Allah سبحانه وتعالى ketika berinteraksi dengan nash-nash mutasyabihat, yang pernah diketengahkan oleh Sheikh Ibn Taimiyah suatu ketika dahulu.

Antara kaedah-kaedah tersebut adalah, menetapkan makna zahir bagi nash-nash mutasyabihat, menolak ta'wil bagi nash-nash mutasyabihat, menetapkan tempat bagi Allah سبحانه وتعالى dan

sebagainya, yang mana mereka membuka pintu kesesatan yang lebih besar, daripada pintu yang dibuka oleh Sheikh Ibn Taimiyah.

Malangnya, mereka berdusta ke atas para salafus sholeh, dengan menisbahkan fahaman tajsim (menjisimkan Allah سبحانه وتعالى) mereka kepada para salafus sholeh, sedangkan para salafus sholeh tidak sedemikian kefahaman mereka.

Lebih malang lagi, sebahagian orang-orang awam yang tidak pandai dalam kaedah bahasa Arab, mula terpengaruh dengan fahaman golongan mujassimah moden ini, sehingga sanggup menetapkan kejisiman bagi Allah سبحانه وتعالى, sanggup menetapkan tempat bagi Allah سبحانه وتعالى, sedangkan aqidah sawadhul a'zhom yang dijamin kebenaran mereka oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم itu sendiri, menafikan jisim dan tempat bagi Allah سبحانه وتعالى. Bahkan, aqidah sawadhul a'zhom tidak menetapkan makna-makna zahir nash-nash mutasyabihat tersebut.

Kembalilah Kepada Salafus Sholeh, Neracanya Adalah Sawadhul A'zhom.

Wahai orang-orang awam. Janganlah tertipu dengan sesetengah golongan yang menyeru kepada manhaj salafi, padahal mereka bercanggah dengan sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam). Janganlah tertipu dengan olahan dan kefahaman salah mereka terhadap perkataan-perkataan salafus sholeh dan janganlah turut mengikut bid'ah mereka dalam masalah aqidah takkala mereka tersalah dalam memahami nash-nash al-Qur'an terutamanya nash-nash mutasyabihat.

Jauhilah golongan yang terpinggir daripada majoriti umat Islam ini, yang berfahaman tajsim, atas nama salafi padahal salafus sholeh berlepas tangan daripada fahaman mereka. Ukurannya adalah majoriti umat Islam itu sendiri. Sejak sebelum kemunculan Sheikh Ibn Taimiyah dan Muhammad bin Abdul Wahab, sehingga hari ini, sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) adalah golongan ahlu sunnah wal jamaah yang terdiri daripada golongan al-Asya'irah dan al-Maturidiyah dalam masalah aqidah, dan terdiri daripada golongan yang bermazhab Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam asy-Syafi'e dan Imam Ahmad bin Hanbal dalam masalah fiqh.

Sesungguhnya, aqidah sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) iaitu golongan al-Asya'irah dan al-Maturidiyah yang menolak kejisiman Allah سبحانه وتعالى, yang menolak tempat bagi Allah سبحانه وتعالى dan sebagainya, merupakan aqidah yang dijamin oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Ini janji Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Mustahil golongan al-Asya'irah tersesat sedangkan merekalah golongan majoriti umat Islam, sejak sebelum kelahiran Ibn Taimiyah dan Ibn Abdul Wahab lagi.

Nasihah Kepada Golongan Yang Terpinggir (Keluar dari Sawadhul A'zhom)

Janganlah ingkar dengan saranan Rasulullah صلى الله عليه وسلم agar kembali kepada sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam). Kembalilah kepada aqidah sawadhul a'zhom dari kalangan salafus sholeh, al-Asya'irah dan al-Maturidiyah. Janganlah kalian keluar daripada kelompok ini, kerana sesiapa yang terpinggir, maka dia akan terpinggir ke dalam neraka, na'uzubillah.

Janganlah bersikap sombong dengan terus membid'ahkan amalan-amalan yang diamalkan oleh sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam) seperti amalan menyambut Maulid Nabi ﷺ, amalan berzikir secara berjemaah, bertawassul kepada orang mati dan sebagainya, apatah lagi, ianya masalah yang khilafiyah bahkan diamalkan oleh kebanyakan umat Islam. Sesungguhnya, umat Islam tidak akan berhimpun dalam kesesatan. Orang yang perasan bahawa majoriti umat Islam telah tersesat ataupun telah melakukan bid'ah, sebenarnya dialah yang telah pun sesat kerana tidak meyakini hadith-hadith Nabi ﷺ dalam bab ini.

Bertaubatlah kepada Allah ﷻ, kerana sesungguhnya Allah ﷻ itu Maha Pengampun. Kembalilah ke pangkal jalan, kerana sesungguhnya jalan kebenaran masih terbentang luas, selagi nafas masih di rongga. Rasulullah ﷺ seorang yang amanah lagi jujur. Jaminan kebenaran bersama dengan sawadhul a'zhom, sesuai dengan janji Baginda ﷺ. Sesungguhnya, mati dalam bersama dengan sawadhul a'zhom itu suatu ketenangan kerana bersama dengan janji kebenaran daripada Rasulullah ﷺ. Adapun hidup walau dengan bergunung emas sekalipun, tidak akan memberi ketenangan jika memusuhi dan keluar daripada sawadhul a'zhom (majoriti umat Islam).

Wallahu a'lam...

Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin ar-Razi  
By HajarAuthor Profile Page on November 11, 2009 9:54 AM

Salam YAB dan Di Kasihi Tun,

1. Memang tidak patut polis dan pegawai-pegawai JAIS melakukan tangkapan sebegitu. Mereka betul-betul MENGAIBKAN seorang tokoh agama yang pernah bergelar MUFTI negeri. Dr. Asri tidak sepatutnya diperlakukan seperti seorang penjenayah. Beliau seorang ILMUAN. Lagi satu, cepat sangat nak tangkap orang, tapi tak tahu NAK DAKWA mengenai apa. Memang BINGUNG betul-tetapi pegawai-pegawai JAIS ni.

2. Memang akan ada yang kata bahawa Tun "jahil berkenaan agama Islam dan tidak berhak bercakap berkenaan dengannya." Bila Tun bercakap tentang ekonomi atau kewangan, ada yang dengan SINIS MENYINDIR Tun. Kesudahannya, mereka kena "jilat balik air ludahan sendiri." Ada tu, "TIN MILO" dengan "MILO" pun beliau tak dapat bezakan, tapi ada hati nak berdebat dengan Tun tentang PROTON SAGA. Saya cuma boleh tepuk dahi bila lihat gelagat sebegini. Ilmu tak seberapa, nak tunjuk pandai.

\*\* Semoga Tun sekeluarga dirahmati Allah SWT \*\*  
By ezaniAuthor Profile Page on November 11, 2009 9:38 AM

Salam Tun

I'm back on your blog after a long time resting. First I want to say thanks to Astro Oasis for arranging to broadcast the program The Case To Criminalise War this coming Saturday at 4pm. I hope to watch this program on Astro Oasis Insyallah especially I want to hear the live testimony of the Iraqi detainee and what he went through under American interrogation at Guantanamo

especially his claims about a psychologist being employed to find the best 'torture tactic' to be carried out on each prisoner after studying their profile.

For me the live testimony of this one man is the most important of the Case to Criminalise War event held recently so I hope it is broadcast in full by Astro Oasis.

On hukum Ahli Sunnah Wal Jamaah and the issue in your blog article, saya sudah lali dan tebal telinga dan tebal kulit tentang isu-isu Islam yg dipolitikkan tanpa sebab dan berlebih-lebihan di Malaysia ini. Dari dulu sudah ada peristiwa dua imam, pergelutan menguasai AJK surau atau masjid berdasarkan parti politik dan pengamalan Islam yang "kurang tepat" di Malaysia.

Saya bagitau terus terang..straight from the heart..saya sangat sedih bahawa Islam tidak diberi tempat wajarnya di negara ini. Namun demikian, I cannot deny that Islam, as it is currently implemented in Malaysia, does play an important and central role in influencing the nation and the lives of the rakyat.

For me the most important issues are (and do take note):-

1. When UMNO became a one-race party way back in the 1950's when Onn Jaafar lost, it has broken a fundamental principle of Islam (not to differentiate between race)
2. The proliferation of massage parlours and alcohol production in many major Malaysian towns and cities
3. The continued business of Genting Highlands Casino, Magnum 4D, Sports Toto in Malaysia.
4. The continued business of Guinness and Carlsberg in Malaysia.
5. The constant bombardment of corrupt western material on our youths in the form of Akademi Fantasia, Sure Heboh and Gang Starz and all the rubbish that is being shown on TV3 and Astro.
6. Continued squabbling in the mosques and suraus that "I am a PAS man, you are UMNO man".
7. People who do not have knowledge on Islam speaking as if they do (this is a big form of fitnah) - see Sisters in Islam and many "leaders" who talk on TV as if they know Islam very well

To cut long story short, Islam does not promote asobiah or party politics. Islam does not asks you to trade or have constant close relationship with the West or to ape the West. So let us stop quarelling among ourselves and get rid of all this I am UMNO, you are PAS rubbish. Bubarkan UMNO and bubarkan PAS. Stop trading and depending on the West. Then only will there be peace...

By musatoAuthor Profile Page on November 11, 2009 9:28 AM

Assalamualaikum Tun.

Setiap hari dan setiap zaman senantiasa ramai orang bisa bercakap tentang Islam yang sebenar-benarnya. Sepertimana yang diperkatakan tentang kedengaran azan di angkasa lepas. Setiap masa dan setiap saat umat manusia melaungkan azan dan berzikir di atas muka bumi ini.

Tetapi amat jarang sekali orang Islam diberi peluang untuk berdampingan dan menyelami gaya pemikiran Ahli Bait. Iaitu ahli bait yang tulen, yang telah dirakamkan dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Bagaimana mungkin kita berdampingan dengannya kan?

Hanya dengan kebenaran Allah kita-kita ini akan bertemu dan berjumpa. Apakah Tun/orang ramai boleh nyatakan satu kesilapan asli pada pemikiran ahli bait tentang Islam yang telah dapat dikesan sepanjang sejarah?

Tentulah saya tidak ingin membicarakan tentang kesalahan alim-ulama kerana mereka juga adalah manusia biasa yang bisa melakukan kesilapan seperti orang lain. (ahli bait juga manusia biasa).

Untuk membaca kisah selanjutnya tentang pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang ahli Bait seperti yang telah disiarkan di Utusan Malaysia 02 Nov 2009 oleh Yayasan Sofa Negeri Sembilan :

[www.musato-blog.blogspot.com](http://www.musato-blog.blogspot.com)

Terima kasih Tun.

By arikAuthor Profile Page on November 11, 2009 9:20 AM

Apa khabar Tok det....semoga sihat selalu

Saya hanya boleh beri gambaran sahaja bukan pendapat....he he  
Saya terasa pelik dengan sikap ahli-ahli agama kita kenapa kita mesti berbeza pandangan dalam agama islam . Adakah Al-quran yg menyebabkan mereka-mereka ini berbeza pandangan atau hadis ataupun Mazhab-mazhab yg kita ikuti .

Kalau dahulu kaum yahudi mengatakan kaum nasrani punya kitab dusta apabila Injil diturunkan dan kaum yahudi mengatakan pula Kitab Taurat kaum nasrani yang diberikan kepada nabi Musa A.S dah tak boleh diikuti tetapi apabila Al-Quran diberikan kepada bangsa Arab mereka kaum Yahudi dan Nasrani pula berkata Nabi Muhammad S.A.W tak boleh diikuti walaupun ayat-ayat yang terdapat didalam kitab Taurat dan juga Kitab Injil semuanya ada didalam Kitab Al-Quran

Golongan Ahli-ahli kitab mereka tidak dapat menerima kerana Nabi yang tuhan jadikan bukan dari bangsa mereka sendiri , sedangkan apabila tuhan memberikan mereka pengajaran mereka telah megubahnya mengikut kehendak citarasa mereka sendiri yang boleh menguntungkan golongan ahli ugama mereka semua....dan kalau Tuhan melahirkan Nabi dikalangan bangsa mereka sekali lagi pun agaknya mereka tetap tidak mahu mengikutinya kerana mereka kaum yang suka pada benda yang dusta dan suka bercakap dusta .

Kali ini berlaku kepada penganut agama islam pula , mereka-mereka berbeza pendapat kerana masing-masing ada agenda tersendiri . Kalau orang-orang melayu terdahulu mereka bukanlah memahami sangat ayat-ayat yang terdapat didalam Al-Quran tetapi mereka kaum yang taat kepada suruhan tuhan , berbeza dengan sekarang kita semua ada pandangan tersendiri dalam suruhan tuhan sampai orang yang mati pun tak payah bacakan yassin , doa qunut tak baca pun takpa sebab mazhab lain tak buat pun dan ada diantara kita sanggup berjuang kerana hendak manusia berfikir secara islam , apa selama ini kalau kita besembahyang , kalau kita berpuasa , kalau kita baca doa qunut , kalau kita bayar zakat , kalau kita bacakan yassin untuk orang-orang yang meninggal adakah kita ini tidak mempunyai pemikiran islam . Dan adakah salah apa yang kita buat selama ini dan adakah ianya tidak mendatangkan kebaikan sehingga sebahagian dari kita menjadi keliru dalam mengerjakan suruhan tuhan .

Sudah-sudah lah tu....banyak benda lagi yang perlu kita fikirkan dari melayan benda-benda yang tak sepatutnya sedangkan anak-anak kita semakin hari semakin membesar mereka semua perlukan didikan kita untuk masa depan negara kita ,bila mereka membesar mereka semua perlukan ayat yang sama kita pelajari selama ini ialah tentang sembahyangnya , tentang puasanya , tentang kepercayaan terhadap tuhan nya , tentang dosa yang tak sepatut mereka lakukan seperti arak , zina , berjudi bahkan bukan kah itu semua perlu diberikan pemahaman terhadap mereka .

Untuk apa kita jadi mufti , untuk apa kita jadi ustaz kalau kita tidak memperbaiki cara-cara pembelajaran kita bagaimana kita hendak memberi penghayatan kepada anak-anak kita satu hari nanti.....ini tidak sibuk dengan syok sendiri macamlah tuhan suruh lakukan benda-benda ini semua atau kita nak popular maklumlah ahli-ahli ugama sekarang nak berdiri setanding Artis agaknya . Sepatutnya kita cuba berdakwah sehingga mereka lebih sukakan ilmu ugama dari memuja artis bukankah itu satu cabaran dalam dunia sekarang . Kenapa kita tidak sahut cabaran itu , dan jadikan orang islam boleh bersaing ke peringkat global itu lebih elok sekurang-kurangnya mereka tidaklah melayan benda-benda tahyul ini sampai lukisan pun tak dibenarkan melukis .

By akuterfikirAuthor Profile Page on November 11, 2009 9:18 AM

Salam Tun

Saya tek reti nak menulis dengan baik jadi saya terus bgtau pendapat saya je la..

Saya terfikir,bila dr.asri di tangkap mungkin ada sebabnya dan mungkin ada rasionalnya pada masa yang sama saya juga terkejut kerana saya adalah pengikut setia artikel-artikel dr.asri.. Cuma yang bermain di fikiran saya..adakah Dr.Asri ini pernah meyekutkan Allah atau melakukan syirik? sekiranya tidak kenapa dia perlu ditangkap..

seperti contoh yang diberikan oleh seorang yang berilmu.Beribadat kepada Allah diandaikan sebagai satu perjalanan ke Kuala Lumpur dari Melaka.Kita boleh memilih untuk jalan melalui highway , jalan kampung ,atau berpatah balik melalui johor ,pahang,terengganu dan akhirnya sampai ke Kuala Lumpur.

Tapi yang penting kita sampai..

begitu juga dengan ibadat kita ada pelbagai kaedah yang digunakan berbeza tetapi tujuan kita iaitu mendapat kerediaan Allah. Tetapi perlu diingat untuk sampai ke sesuatu destinasi kita perlu dikukuhkan dengan ilmu supaya kita tidak sesat.

Kita juga tidak berhak menyatakan sesuatu tindakan seseorang/kumpulan itu salah atau bidaah kerana kita sudah berilmu tinggi. sebagai contoh seseorang sedang mengucapkan selamat hari raya kepada orang lain (iaitu ucapan atau pujian yang baik-baik), patutkah kita tumbuk dia atau memukul dia? tidak kerana selagi dia tidak melakukan perkara2 yang buruk kenapa dia perlu dipukul atau ditangkap?..

(satu lagi contoh yang terjadi Perak di mana, poster-poster ucapan hari-raya maaf zahir batin oleh Zambry diconteng dengan perkataan yang hina.. perlu ke jadi benda mcm tu? walaupun siapa pun dia, parti apa pun dia, ucapan selamat hari raya, maaf zahir batin itu adalah ungkapan yang indah kenapa perlu dicarut-carutkan. Kita bukan saja nampak tidak bijak tetapi memalukan agama kita sendiri.)

Bagi saya 'Agama bukan perkara yang sensitif'  
Kenapa?

sesuatu yang sensitif perlu di sorokkan  
mcm rahsia atau "organ-organ sensitif" ..

jadi bila agama jadi sensitif maka kita menyorokkan Agama Islam..

mcm mana kita nak memperkembangkan agama Islam kalau kita malu dengan agama kita?

maaf dan terima kasih

hanya pandangan dari seorang pelukis..

terima kasih

dan jaga diri tun.

By akuterfikir Author Profile Page on November 11, 2009 9:16 AM

Salam Tun

Saya tek reti nak menulis dengan baik jadi saya terus bgtau pendapat saya je la..

Saya terfikir, bila dr. asri di tangkap mungkin ada sebabnya dan mungkin ada rasionalnya pada masa yang sama saya juga terkejut kerana saya adalah pengikut setia artikel-artikel dr. asri..

Cuma yang bermain di fikiran saya.. adakah Dr. Asri ini pernah meyekutkan Allah atau melakukan syirik?

sekiranya tidak kenapa dia perlu ditangkap..

seperti contoh yang diberikan oleh seorang yang berilmu. Beribadat kepada Allah diandaikan sebagai satu perjalanan ke Kuala Lumpur dari Melaka. Kita boleh memilih untuk jalan melalui highway, jalan kampung, atau berpatah balik melalui Johor, Pahang, Terengganu dan akhirnya sampai ke Kuala Lumpur.

Tapi yang penting kita sampai..

begitu juga dengan ibadat kita ada pelbagai kaedah yang digunakan berbeza tetapi tujuan kita iaitu mendapat keretaan Allah. Tetapi perlu diingat untuk sampai ke sesuatu destinasi kita perlu dikukuhkan dengan ilmu supaya kita tidak sesat.

Kita juga tidak berhak menyatakan sesuatu tindakan seseorang/kumpulan itu salah atau bidaah kerana kita sudah berilmu tinggi. sebagai contoh seseorang sedang mengucapkan selamat hari raya kepada orang lain (iaitu ucapan atau pujian yang baik-baik), patutkah kita tumbuk dia atau memukul dia? tidak kerana selagi dia tidak melakukan perkara2 yang buruk kenapa dia perlu dipukul atau ditangkap?..

(satu lagi contoh yang terjadi Perak di mana, poster-poster ucapan hari-raya maaf zahir batin oleh Zambray diconteng dengan perkataan yang hina.. perlu ke jadi benda mcm tu? walaupun siapa pun dia, parti apa pun dia, ucapan selamat hari raya, maaf zahir batin itu adalah ungkapan yang indah kenapa perlu dicarut-carutkan. Kita bukan saja nampak tidak bijak tetapi memalukan agama kita sendiri.)

Bagi saya 'Agama bukan perkara yang sensitif'

Kenapa?

sesuatu yang sensitif perlu di sorokkan

mcm rahsia atau "organ-organ sensitif"..

jadi bila agama jadi sensitif maka kita menyorokkan Agama Islam..

mcm mana kita nak memperkembangkan agama Islam kalau kita malu dengan agama kita?

maaf dan terima kasih

hanya pandangan dari seorang pelukis..

terima kasih

dan jaga diri tun.

By yeop kidai Author Profile Page on November 11, 2009 9:13 AM

Salam Tun

Terasa nak komen.... tapi takut.

By rahim Author Profile Page on November 11, 2009 9:09 AM

Y.A. Bhg Tun,

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana Tun menulis isu yang sangat sensitif ini kepada masyarakat Melayu beragama Islam dinegara Malayia tercinta. Semenjak dari kecil kita diajar tidak boleh memberi pandangan yang berbeda dengan apa yang diajar oleh orang alim terutama ustaz-ustaz yang bertanggung jawab serta berjasa menjadikan kita orang islam yang taat kepada Allah SWT. Pertentangan pendapat dan konflik hanya mula berlaku apabila segelintir ulama mulai menggunakan ugama untuk tujuan poltik mereka samaada dipihak kerajaan atau pun pembangkang.

2. Tafsiran mengenai sesuatu isue kadang-kadang berubah mengikut masa dan juga bagi memenehui keperluan politik sesuatu puak. Kerajaan telah membelanja berpuluh billion ringgit untuk kemajuan islam dinegara ini termasuk memberi pendidikan ugama islam kepada pelajar-pelajar disekolah sehingga sampai ramai yang berjaya keperingkat PHD . Amat malang sekali kepada orang islam dan Melayu di negara malaysia ini yang masih lagi berdebat diantara ulama mengenai soal-soal pokok berkaitan amalan ugama. Terdapat juga perdebatan dikalangan ulama yang dah belajar sampai keperingkat PHD mengenai perkara asas bagaimana nak sembahyang, mengambil air sembahyang dsb. Kita orang Islam di Malaysia dah menmgamalkan hukom Allah SWT semenjak pendakwah Arab membawa islam semasa kaerajaan Melayu Melaka lagi. Kalau sampai sekarang para ulama masih berdebat mengenai kaidah-kaidah asas maka saya percaya ada sesuatu yang tidak berapa betul dikalangan ulama tersebut. Kalau mereka nak berdebat pun biarlah secara tertib dan tidak sampai keperingkat memburok atau mencemuh antara satu sama lain sehingga sampai keperingkat pengetahuan orang awam. Kita senantiasa patuh kepada fatwa yang dikeluarkan oleh ulama Kerajaan. Bincang secara baik sesama ulama dalam Majlis fatwa Kebangsaan.

3. Dr Asri, bekas Mufti Perlis juga seorang ulama yang berpendidikan tinggi sampai ada PHD. Tindakan JAIS mungkin kurang tepat kerana dia adalah bekas Mufti dah sudah tentu boleh memalukan Kerajaan negeri Perlis. Tak kan orang yang pernah jadi Mufti tak boleh bagi ceramah di Selangor walaupun dia mungkin mempunyai pendekatan yang berbeda. Ini menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai dan tidak baik dilihat oleh orang bukan islam. Lagi pun Dr Asri adalah pensyarah universiti. Dia tertaalok kepada Perintah Am Mengenai Tata Tertib sebagai pegawai awam. Dia mesti faham peraturanya. Tidak mungkin dia boleh lakukan sesuatu sehingga boleh dipecat oleh Universiti kerana melanggar Peraturan Tata Tertib. Disinilah tidak bagitu sempurna tindakan pegawai-pegawai JAIS dalam menangkap Dr Asri. JAIS sepatutnya rujuk kepada pihak USM sekiranya terdapat peraturan yang dilanggar oleh Dr Asri.

4. Dipihak Dr Asri juga mungkin ada kelemahan yang mungkin tidak diterima oleh pihak lain. Gerakan untuk membawa perubahan mungkin boleh dibuat secara sederhana. Perkara yang dah jadi amalan beratus tahun orang islam sekiranya tidak bertentangan dengan akidah mungkin tak perlu disentuh. Sudah jadi budaya dan amalan semenjak beratus tahun. Contohnya baca Qunut dalam sembahyang subuh atau baca talkin untuk orang mati, kenduri arwah dah jadi amalan sebahagian besar orang islam di negara ini. Amalan-amalan adalah juga diterima oleh kebanyakan ulama dinegara ini. Perkara ini sensitif maka tak payah disentuh.

5. Kita boleh bertentangan pendapat tetapi jangan sampai kita berpecah sehingga kita dipandang hina oleh orang bukan Islam. Orang Islam di Malaysia bukan lah ramai sangat sampai kita nak bepecah belah kerana ada ulama yang mempunyai pendapat yang berbeda. Medan untuk pertentangan pendapat patut dikecilkan supaya tidak berlaku perbalahan. Orang politik jangan masuk campur mengenai soal-soal yang didebatkan oleh para ulama dan ulama pula jangan menyimpan cita-cita untuk menjadi orang politik. Pengasingan kuasa ini penting dan Majlis Fatwa Kebangsaan mesti diletakkan ditempat yang tinggi supaya fatwa yang dikeluarkan dihormati oleh semua pihak.

iklas Dari,

Abd Rahim.

By wabiAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:52 AM

assalamualaikum TUN

Islam itu siapa punya? dan untuk siapa?

Nabi Muhammad s.a.w sudah meninggal, pada siapa kita nak rujuk.

Ilmuan Islam sekarang sangatlah ramai,

tetapi yang dicari ialah orang yang beragama yang sangat tinggi budipekertinya.

By Mujahid D' JannahAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:44 AM

Siapa,Apa itu Wahabi?

Oleh : MUJAHID D' JANNAH

Isu ini bukanlah satu isu baru yang hendak diperkatakan.Isu telah lama dan hangat diperkatakan kembali kerana terkena tempias kes tangkapan bekas mufti Perlis, Dr. Mohd Asri yang didakwa mengajartanpa tauliah.Walupun JAIS menegaskan bahawa tangkapan itu dibuat bukan kerana ajaran dan fahaman yang di bawa Dr.Asri yang dikatakan mengamalkan Wahabi.Bagi saya,bagi merungkai masalah Wahabi ini adalah sangat mudah dan jelas.Apa yang perlu dilakukan adalah,pihak berwajib seperti Majlis Fatwa dan JAKIM adalah menerang dan menjelaskan isu isu besar seperti berikut :-

1) Adakah Wahabi ini adalah salah satu ajaran sesat yang mungkin memesongkan akidah umat Islam??

2) Adakah nas nas dan dalil yang dugunakan oleh Pendakwah yang dikatakn Wahabi ini adalah salah dan palsu??

3) Adakah Wahabi ini terpesong dari ajaran Al-Quran dan Hadis??

Sekiranya Wahabi ini jelas bukan ajaran sesat atau boleh memesongkan aqidah umat Islam, tidak adil kita memandang serong terhadap mereka seolah olah apa yang mereka amalkan adalah salah dan sesat.Bagi saya mudah,sekiranya seseorang yang beritiqad bahawa membaca yasin pada malam jumaat adalah bidaah dan tidak mahu melakukan nya,dia juga tidak perlu mengkritik atau mencerca amalan tersebut selagi amalan tersebut tidak mendatangkan dosa dan memesongkan aqidah umat Islam.Begitu juga sebaliknya,bagi golongan yang melakukan amalan tersebut,janganlah memandang serong terhadap golongan yang tidak melakukannya.Begitu mudah,tidak timbul bahawa Wahabi ini akan memecahbelahkan umat Islam melainkan ada pihak tertentu yang cuba menghangatkan isu ini bagi mencapai maksud tertentu seperti ingin menjatuh seseorang.

By LadyGAAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:37 AM

BAR COUNCIL ???

Where are you ??? We expect some sort of condemnation from BAR COUNCIL for this Dr. Asri issue but since JAIS is under Selangor State or Keadilan State you have nothing to say la???

Double standard and Bar Pakatan Rakyat Council should be the new name now.

Glaring...Ceh...Ceh...

By paklanAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:06 AM

Salam Tun ,

Sememangnya di negara kita golongan yang mendakwa diri mereka alim ulamak berlagak seperti agama Islam ini hak mereka sahaja.Orang lain tidak berhak membuat sebarang hujah.

Saya mengajar di sebuah kolej.Berhujah tentang ilmu adalah tugas kami.Kami dari berlainan bidang boleh berhujah dan berkongsi maklumat tentang segala bidang dari rakan-rakan bidang lain.Kami belajar dari kepakaran masing-masing.Segala perbincangan dan hujah adalah secara intelektual.

Namun ini tidak berlaku apabila isu agama timbul.Sesetengah ustaz akan segera mengacu ancaman murtad sekiranya kami menyatakan isu agama yang tidak mereka setuju.Bila isu ilmu lain semua orang boleh beri pendapat.Kalau isu agama cuma ustaz boleh bersuara.Bila ditanya asas pendapat mereka jawapan ilmiah tidak diberi .Malah , biasanya jawapan tidak diberi langsung.

Ini lah jumudnya pemikiran golongan yang mendakwa mereka ilmuan agama.Malang lah nasib para pelajar yang mereka didik.

Adanya orang seperti Dr Asri amat dinanti-nantikan.Hujah beliau berasaskan ilmu.Jarang kita jumpa seorang mufti yang mengajar dan menyebarkan ilmu yang mudah difahami orang orang Islam sebegini.Malah , ada bekas mufti di sebuah negeri itu kalau dia bercakap kita langsung tak faham.Itu pun jadi mufti jugak!

By md.LutfilAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:04 AM

Salam Tun dan semua..

Terima kasih kepada JAIS kerana telah mengelirukan rakyat seperti saya dengan penangkapan Dr. Asri. Saya yakin ada juga rakyat lain yang mengalami kekeliruan yang hampir sama dengan saya. JAIS telah menyebabkan saya tersalah anggap mengenai Dr. Asri dan dakwah beliau.

Mujurlah dengan sedikit sebanyak kajian hasil dari pelbagai rujukan membuatkan hati saya lebih terbuka mengenai kesilapan yang dilakukan oleh sebuah jabatan agama.

Pada pendapat saya, JAIS dan beberapa institusi keagamaan semacam takut dengan seorang pendakwah seperti Dr. Asri. Manakan tidak, kebanyakan pendapat/kenyataan yang dikeluarkan oleh Dr. Asri selalu bertentangan dengan apa yang telah di keluarkan oleh JAIS dan institusi agama yang lain padahal pada hakikatnya pendapat/kenyataan Dr. Asri adalah lebih tepat dan relevan dengan situasi semasa dunia Islam sekarang.

Kalau diikutkan terdapat ratusan pendakwah yang tidak mendapat sijil pentauliahan (walhal layak)mengajar dan memberi syarahan agama di setiap negeri, kenapa tidak ditangkap semuanya?

JAIS telah mempalit arang ke muka sendiri dengan mengelirukan rakyat memfitnah seorang bekas mufti (kononnya membawa ajaran wahhabi) yang dilantik oleh kerajaan sendiri. Saya berasa malu dengan tidakan JAIS seolah olah tindakan seorang pengecut dan seperti ingin menyembunyikan sesuatu dan menutup pekung sendiri dengan menangkap seorang ilmuwan seperti Dr. Asri.

Petikan daripada Blog dr. Asri bertajuk :

Misteri Wahhabi Di Malaysia;

Di Malaysia pula, perkataan ‘wahhabi’ adalah perkataan misteri. Apa tidaknya, ramai yang menyebutnya atau memfitnah orang lain dengan menggunakan perkataan itu, padahal mereka pun tidak faham. Bagi mereka, itu adalah senjata untuk mempertahankan diri ketika dikritik. Saya masih ingat, di satu tempat di sebelah Utara, apabila ada imam yang mengenakan bayaran untuk solat dan zikirnya, lalu dia dikritik atas sikap salahguna agama untuk kepentingan diri, dengan mudah dia menjawab: “siapa tak setuju dengan saya dia wahhabi”. Pemberi nasihat yang barangkali tidak terdedah kepada banyak maklumat dan kali pertama mendengar perkataan itu, terpinga-pinga bertanya: “apa itu wahhabi?”. Jawab tok imam: “Siapa yang mengkritik ustaz dia wahhabi”. Maka tidaklah berani lagi ‘penasihat’ itu berbeza pandangan dengan ‘tok imam’ dan mempertikaikan ‘infallibility’ ustaz, takut jadi wahhabi

disiarkan pada 09 November 2009, kategori Akidah

Kalau gusar dan takut dicemuh, jangan jadikan kuasa lebih hebat dari agama. Perbaiki kelemahan yang ada. Allah sentiasa di pihak yang benar. Sekian.

Terima kasih Tun dan semua.

By SentraAuthor Profile Page on November 11, 2009 8:03 AM

SALAM, TUN.

1. SAYA AMAT BERSETUJU DENGAN PANDANGAN TUN DAN RAMAI ORANG AKAN DIKATAKAN JAHIL DALAM MEMBINCANGKAN PERKARA INI.
2. SAYA PERCAYA PEMIMPIN NAJIB AKAN BOLEH SELESAIKAN PERKARA INI, MUNGKIN GAGASAN 1MALAYSIA AKAN DAPAT MEMBENDUNG PERKARA INI.

3. IKTIBAR DARI ISU INI IALAH, KITA HARUS BERBINCANG DAN BERMUSYAWARAH DAN JANGAN MUDAH SANGAT CAP ORANG ATAU PUN SUKA MENGHINA ORANG KEPADA ORANG YANG KITA TIDAK SUKA.

4. INGATLAH WAHAI KAWAN-KAWAN TUHAN AKAN DAN SEDANG MEMBALAS ORANG ISLAM ATAS KEJAHILANNYA, SALING FITNAH DAN MENGULINGKAN ORANG YANG KITA TIDAK SUKA.

5. ISU SEKARANG ADALAH BUKAN ISU JAIS ATAUPUN ISU KERAJAAN PUSAT....YANG LEBIH PENTING BAGAIMANA KITA MENYELESAIKAN MASALAH INI. NAMPAK KEPADA ORANG BUKAN ISLAM, KITA SERING TIDAK BERSEPENDAPAT DALAM HAL AGAMA.

6. SAYA YAKIN KERAJAAN NAJIB AKAN BOLEH SELESAIKAN MASALAH INI , TAMBAHAN PULA KITA SEMUA BOLEH MEMBANTU.

SEKIAN.

By sitinurAuthor Profile Page on November 11, 2009 7:45 AM

Asalamualaikum....terimakasih kerana meluahkan aper yg bapak rasa sbb itu gak lah yg saya rasa...bukan nak bodek tak dapat paper pun...walo ilmu saya cuma 0.0001% dari ilmu yg bapak tapi pada n05 13 14 itu gak yg saya rasa sejak dua menjak ni....dulu masa pak lah dia gunakan isa sampai org nak batalkan isa la ni depa duk guna jais lak.....yg sah2 menyimpang depa duk kata takder bukti...

ntalahhhhhhh...leeetih...peeeenat.....

By kamal ahmadAuthor Profile Page on November 11, 2009 7:38 AM

Salam kasih dan salam hormat Ayahanda Tun.

Saya tak pandai tentang topic sebegini. Ini sebabnya dari kecil hingga tamat pembelajaran tinggi dan setelah bekerja saya telah bermastautin di luar Negara. Sewaktu pertama kali saya ke masjid Pakistan di Amerika pada masa umur saya 12 tahun, arwah emak saya lepas saya depan masjid untuk solat Jumaat. Beliau tunggu diluar dalam kereta. Semasa dalam masjid saya tengok macam-macam fesyen sembahyang. Ada yang angkat takbir Allahuakbar dan kemudian tangan turun semula ke tepi macam biasa selamba. Ada yang sembahyang letak batu atas lantai. Ada yang langsung tak hormat orang tengah sembahyang, pak hitam ini akan langkah kariah lain yang tengah sujud untuk kedepan lagi. Apabila ada ruang didepan dan kita lambat bergerak, kena tolak - macam-macam fesyen. Jadi saya pun agak keliru. Maka dengan sebab itu arwah mak saya berikan saya satu naskhah alQuran alih bahasa Haji Yusuf Ali dan juga senaskhah cetakan Hadith Nabi SAW. Ini saya pegang sampai hari ini.

Isteri saya fahaman beliau lebih menjurus kepada Timur Tengah sesuai dengan keluarga beliau. Dan untuk pengetahuan Tun, cara mereka sebenarnya sangat mudah dan "practical". Saya rasa mereka adalah lebih dekat dengan ajaran sebenar jika dibandingkan dengan sesetengah (kebanyakkan) jemaah di Malaysia yang sebenarnya sedang menjurus kepada "Pakistani/India Islam" ekstrimis dan militant. Saya pernah membawa seorang rakan; Pegawai Kedutaan Iran

yang bertugas di New Zealand bersembahyang di Masjid Jamek KL dekat stesen LRT. Mula-mula kawan saya ini "reluctant" nak masuk dalam masjid dan jemaah. Dia kata bagi mereka sembahyang dulu kita masuk kemudian. Saya ajak masuk juga berjemaah. Cara kawan saya solat sedikit berlainan. Di letakkan batu diatas lantai supaya sentuh kepalanya ketika sujud dan juga apabila memberi salam beliau akan tepuk dua belah tangan sekali. Saya cara saya, dia cara dia. Selesai solat beliau amat hairan dengan cara dan sikap orang Malaysia yang terima seadanya cara beliau bersembahyang, bersalaman dan berpeluk dengan beliau. Tapi ini masa Tun dulu.

Sekarang ini saya rasa keadaan sudah berubah. Apa yang sedang berlaku adalah orang Melayu kini sedang berpecah lagi. Kali ini isu agama digunakan oleh pihak luar. Suatu hari kelak tidak mustahil kita akan jadi macam Iraq, India dan Pakistan yang bom sana sini sebab mazhab tak sama. Jika dilihat, fahaman Erdogan dan Pluralisma bawakkan Anwar Ibrahim sudah mula masuk ke Malaysia. Pluralisma adalah fahaman dimana semua ugama adalah universal. Satu tuhan. Mulakan dengan sebutan, apa tuhan anda nama sama sahaja. Tak hairan ada sesetengah pihak pembangkang yang sedang mengapiakan hak sesetengah pihak untuk menyebut tuhan mereka sebagai Allah. Kawan saya di Amerika ada yang Islam tapi Isteri Kristian/Jehovah. Dia kata tak kisah sebab Ahli Kitab. Saya lagi keliru. Saya rasa ini tak boleh terima. Banyak terpesong sebab dipesongkan musuh Islam.

Jika mereka berkata ini adalah apa yang penjajah dahulu izinkan (guna nama Allah secara universal) , ini adalah disebabkan dari zaman Kesultanan Melaka lagi penjajah sudah cuba menghancurkan Islam. Sini sahaja mereka berkata sebegitu. Cuba kita pergi ke Gereja Presbyterian di New York kemudian kata: Your God is Allah. Tengok apa jadi kepada bilangan gigi kita selepas itu. Itu adalah pengalaman dan pandangan saya. Saya tak pandai berhujah lebih dalam hal ini. Cukuplah saya pegang alQuran dan Hadith Nabi SAW. Itu pun ada banyak yang tertinggal juga sana sini dah.

Tentang fahaman Islam Hadhari tajaan Bedawi, itu adalah "Islam by profession". Maksudnya Tun, macam mamak nasi kandar Penang sorang tu. Laris kedai dia, laris gila. Saya panggil dia Yaa (Aayah), ada panggil dia mamak "A". Dia gantung ayat alQuran didinding. Pakai ketayap. Pekerja juga. Tapi apa yang mengejutkan saya apabila seorang kenalan India saya "R" tegur mengatakan si mamak Ali sebenarnya seorang Hindu. Saya tak percaya. Tapi setelah dibuktikan dengan bukti kelas pertama, maka saya pun akur dan tak makan lagi dah di kedai dia. Ini dinamakan "Muslim by profession". Macam Anwar Ibrahim, macam Barrack Obama, macam juga Abdullah Badawi. Eloklah Tun sebut Islam Had hari Bedawi. Ada spacing sikit.

Sekurang-kurangnya Ustadz Asri tak lari masa kena tahan (sebab Ustadz Asri tak salah).

Tak macam masa Anwar polis cari dia nak tanya hal kes dakwaan seks luar tabiat terkini beliau. Dia lari ke kedutaan Turkey, sebuah Negara yang terkenal dengan Islam  $\frac{3}{4}$  dan pluralism Islam, dah la tu, lari masuk kut belakang pulak. Jadinya Tun, boleh dilihat disini bahawa musuh-musuh Negara sedang menggunakan Islam untuk memecahkan Melayu pula. Final nail adalah Anwar dengan fahaman pluralisma. Islamic Pluralism sedang giat berkembang di serata dunia kini; di Albania sangat kuat, di Germany, di Amerika di Australia - rata-rata. Ini cabang terbaru "moderate Islam". Jika Tun tengok laman web moderate Islam "Pluralism Islam" lembaga pengarah nya adalah Kristian dan Yahudi dengan hanya segelintir sahaja Islam. Itu pun jenis

Islam yang membenarkan Wanita mengimamkan solat dan lelaki ikut serta juga anjing boleh dibawa ke Masjid diikat diluar pintu semasa tuannya sedang solat. Bukan anjing tujuan bantuan orang buta, tapi anjing fesyen statement "toy poodle" yang dibawa oleh wanita Islam moden bertudung di Paris dan Washington kini. Dunia Islam sedang dipecahkan dengan fahaman "Islamic Pluralism" pula kini.

Akhirnya akan jadi Pakistan dengan Iraq juga kita. Bom sana sini sewaktu tengah solat Jumaat. Sungguh sedih sekali. Untuk pengetahuan Tun, Ustadz Asri ni pengikut intelektual beliau sangat ramai di UK & Scotland. Selama ini kawan saya yang kuat PAS di London pun dah asyik email saya artikel Dr. Asri saja. Saya pun minat juga cara beliau berhujah. Logik dan intelektual. Tak macam Tuan Guru PAS dengan YB Ngoh Kar Meng DAP dengan surah "Au Ra" mereka. Surah tu PAS dengan DAP saja faham dan penulis adalah PKR dengan kerjasama Yahudi Washington dan PAP Singapura. PAS pun dah rapat sangat dengan PKR dan kroni Yahudi serta PAP. Maka mereka pun dah mula melatah sana-sini dengan pendedahan fahaman fanatik mereka. Untuk menutup ini semua, mereka genggam lagi kuat pengikut mereka. Lagi fanatik jadinya. Itu sahaja formula mereka tahu. Lagi dipertikaikan mereka, lagi kuat digenggam mereka. Akhirnya akan ada fanatik militan. Tengok saja perlawanan bola bau-baru ini Tun? Saya tak minat bola sepak. Tak tahu main pun sebenarnya. Tak minat langsung. Tapi saya sangat gembira bila Kelantan tewas ditangan Negeri Sembilan. Tengok cara pengikut/peminat Kelantan "handle" kekalahan? Itu tak namanya ego? Ego ini adalah ciptaan jahat hanya untuk menjahanamkan segala kebaikan. Tekalah sendiri siapa tuannya.

By irasydAuthor Profile Page on November 11, 2009 7:18 AM

Tuan Haji Tun (THT) yang bijaksana dan baik hati,  
Saya sebenarnya menanti-nantikan tajuk sistem penyampaian kerajaan dan isu dalam sektor awam. Kerana ia akan memberikan peluang bagi masyarakat untuk memberikan pandangan kenapa sistem penyampaian kerajaan tidak puas-puas di perkatakan, dan kenapa ada yang sukar naik pangkat walaupun lulus ptk, kenapa ada yang naik pangkat macam jet, dan yang penting bagaimana sistem penyampaian dan isu dalam perkhidmatan awam boleh menyumbang kepada peningkatan dan kemerosotan sokongan rakyat kepada sesebuah parti politik.

Isu agama ini Ybhg THT sesetengah orang melihatnya sensitif sesetengah orang tidak sensitif dan amat terbuka jika di tegur. Seperti THT juga, saya juga banyak kekurangan dalam soal agama ini, tetapi tidak salah saya rasa kita berikan pandangan, kalau ada yang melenting biarlah dia melenting itu hak dia dan hak kita pula THT untuk berikan pandangan.

Bila Dr Asri-mantan mufti itu di tangkap saya dan rakan-rakan lain juga turut bertanya-tanya kenapa dan mengapa, dan akhirnya terjawab seperti yang Ybhg THT katakan. Saya tidak mahu ulas tentang kes Dr Asri ini tetapi saya sependapat dengan Ybhg THT.

Bila Islam Hadari di ketengahkan saya teringat yang antara faktor orang Islam berpecah adalah kerana kekurangan fahaman tentang 4 mazhab, faham sunnah wal jamaah dan sunni. Di Iraq hari ini dan sesetengah negara timur tengah bergaduh, berperang sesama sendiri kerana fahaman masing2 di samping ideology politik berbeza di tambah lagi kipasan dan tiupan kuat negara-negara barat yang sememangnya juga mahukan negara-negara timur tengah ini bergaduh. Apabila

Islam Hadari mula di perkenalkan saya tanya kawan yang kuat menyokong islam hadari ini, bagai mana kita dapat pastikan Islam hadari ini tidak akan memecahkan belakan umat islam khususnya di Malaysia satu hari nanti. Katanya Islam hadari akan menyentuh soal-soal ekonomi, kewangan dan sebagainya dan sesuai hari ini. Saya kata kenapa tidak gunakan sahaja umpamanya: Ekonomi Dalam Islam, Kewangan Dalam Islam, Pentadbiran dalam Islam dan tak perlu lagi di masukan Hadari itu. Sebab saya kata kita kuatirkan jika kita gagal memberikan kefahaman tentang islam hadari ini kepada masyarakat di seluruh dunia khususnya di Malaysia, kita kuatirkan ia di anggap lagi sebagai satu fahaman islam atau satu fahaman mazhab lagi. Kesanya seratus atau ribuan tahun akan datang. Sunnah dan Suni ratusan tahun yang lalu wujud, sekarang apa yang berlaku di Iraq.

Semua kalaupun tidak, majoriti orang islam maklum tentang pesanan nabi (bpuh) kepada ummatnya yang kurang lebih maksudnya " Berpegang teguhlah kamu kepada AlQuran dan Hadith sahih. pasti kamu tidak akan sesat di muka bumi ini ". Jadi kalau pendakwa itu berpegang kepada ini apa salahnya ia meneruskan dakwanya asalkan baik dan ikhlas.

Saya amat bersetuju dengan Ybhg THT, di Malaysia ini walaupun berpegang kepada ajaran ahli sunnah wal jamaah, masih lagi bergelut sana sini. Isu hukum sebat Karti, apa dah jadi, orang yang di hukum sentiasa menanti untuk di sebat, yang menyebat pula macam-macam lagi. Kalau karti ini dapat di hukum sedemikian sekurang-kurangnya ia akan membuka mata orang2 islam yang suka minum arak dan macam-macam. Kalau itulah hukuman dalam islam buat apa lagi peduli apa orang lain cakap, hukum sahaja kerana Allah akan sentiasa berpihak kepada yang benar.

Ybhg THT, walaupun nabi suruh kita berpegang dengan alquran dan hadith sahih supaya kita tidak sesat. Al quran okey sebab Allah menjamin yang ia tidak boleh di ubah dan sentiasa relevan sepanjang masa. Tetapi Hadith, seperti Ybhg THT katakan ia di tulis oleh manusia yang boleh buat silap. Saya berpendapat JAKIM dan pehak-pehak berkuasa agama perlu pertingkatkan usaha untuk mengenal pasti mana hadith2 yang sahih dan mana yang tidak sahih. Dedahkan kepada orang ramai sepanjang masa, melalui internet ( mungkin sudah ada, tapi tidak semua capai ), akbar-akbar, paparkan di masjid-masjid, dan sebagainya.

Ybhg THT, apakah orang Islam di Malaysia akan mampu menerajui kepimpinan negara jika orang islam terus berpecah belah. Yang saya kuatirkan bila orang islam hilang kuasa perkara yang dasyat yang kita tidak sangka-sangka berlaku akan berlaku.

Seperti yang saya katakan saya jahil dalam agama, kalau ada yang tersinggung mohon maaf banyak2, salah dan silap harap di betul. Orang Islam elakan sentuh benda2 yang boleh memecah belakan sesama sendiri, cari persamaan yang boleh menyatuhkan kita untuk jadi kuat. Ingatlah musuh Islam akan terus mencari peluang untuk memecah belakan kita.

Wassalam.

By Muawiyah90 Author Profile Page on November 11, 2009 6:52 AM

Assalamualaikum Tun...

kita orang melayu perlukan 'pembaharuan pemikiran' atau minda tajdid daripada pemikiran yang jumud dan suka menghukum kepada pemikiran yang lebih matang dan menilai sesuatu berdasarkan fakta dan bukti yang kukuh, apatah lagi bila bercakap soal agama yang perlukan pembuktian yang sahih daripada Al-Quran dan As-Sunnah.

kerajaan perlu bertindak melakukan rombakan kepada persatuan2 Islam yang dipelopori oleh golongan-golongan yang hanya professional di atas sijil, tetapi tidak professional dari segi pemikiran dan akhlak.

support mereka yang ingin perjuangankan 'manhaj rasulullah' atau 'sunnah'...

[www.muawiyah90.blogspot.com](http://www.muawiyah90.blogspot.com)

By SegaraAuthor Profile Page on November 11, 2009 6:25 AM

Salam Bahagia Tun,

Maka makin hanyutlah kita nampaknya. Begitu banyak peluang yang dapat kita manafaatkan untuk meningkatkan syiar Islam dilepaskan begitu sahaja. Adakah semua ahli agama ini melihat kepada skop yang lebih luas, umpamanya mengkaji faktor-faktor bagaimana nenek moyang kita dahulu yang bukan beragama Islam tertarik kepada Islam melalui pedagang-pedagang Arab dll.

Bukankah fokus kita hari ini adalah untuk menyerlahkan kembali agama yang maha suci ini agar menjadi penyuluh kepada jutaan muslim yg kian hanyut, bahkan akan menarik non-muslim kepada agama yang maha benar ini. Setentunya akan menyerikan lagi negara ini dan banyak masalah dapat diselesaikan. Jika dahulu hanya beberapa kerat pedagang Arab dapat menjayakan dakwah hingga keseluruh Tanah Melayu ini, mengapa sekarang beribu-ribu ulama yg kita ada masih tidak berupaya menaikkan seri agama maha suci ini? bersih kah hati mereka ini? dengan insiden penangkapan Dr Asri yang berlaku ini, ketelusan jiwa mereka-mereka ini boleh dipersoalkan.

Masyarakat begitu dahagakan peranan ulama dalam kehidupan moden ini, memberi panduan dalam segenap aspek. Menjadi role model kalau boleh ilmuan macam AlKhwarizmi, pegangan kita, agama kita, boleh memberikan kita kelebihan berbanding orang lain, umat untuk dicontohi, kenapa tidak nampak pun usaha ini dari para ulama kita? krisis yang bukan-bukan pulak yang dipertontonkan kini.

Kami bersedih bersama Tun.

By pisang tandukAuthor Profile Page on November 11, 2009 6:23 AM

Dalam mahzab syafii pun kita di boleh beza pendapat. Cuma orang Islam Malaysia sahaja yang mudah melatah dan cepat menuduh dan membuat hukum. Kalau kita bincang elok-elok dan jangan di besar isu, masalah akan dapat di selesaikan.

Paling saya hairan, ramai pengikut mahzab syafii, tetapi bila Dr Asri bentang apa hujah dalam kitab syafii, mereka marah Dr Asri pula. Sedang perkara itu Imam syafii pun tak buat, kemudian

pengikut syafii Malaysia yang buat amalan itu. Apabila Dr Asri tegur dan memberi pandangan, mereka marah balik dan kata kepada Dr Asri.

Apa makna semua ini. Ini masalah apabila ilmu agama belajar secara turun temurun, apabila kitab lain di kupas pula oleh orang lain dan berbeza pula pendapat, mereka susah terima.

lihat

<http://drmaza.com/home/?p=796>

By RDAuthor Profile Page on November 11, 2009 2:53 AM

Salam Hormat Tun & warga Chedet.

Sebagai orang Melayu, perbezaan pendapat dalam bidang agama mestilah kita terima. Bukan semua orang Melayu tahu bahasa Arab. Kalau kita orang Arab pun, tak mungkin kita 100% faham Quran. Oleh itu saya setuju dengan pendapat Tun no.7, Mungkin ada tafsiran yang tak betul.

Kemosotan Islam bermula, apabila umatnya terlampau menitik-beratkan akhirat daripada kehidupan dunia; Bermula drp wafatnya Nabi Muhammad SAW. Apabila kita terlebih beragama, sudah tentu 'Alim-ulama, Ustaz' dll., akan bercambah. Dan disebabkan kepentingan tertentu, muncul berbagai puak. Akhirnya, berbalah & bunuh-membunuh sesama kita. Itu, zaman dahulu.

Pada zaman sekarang, di mana ilmu sains, technology & berbagai ilmu lain, sentiasa bertambah maju dengan maklumat begitu pantas tersebar, kita akan lebih berbalahan (di akhir zaman?)& secara tidak langsung, lebih jauh ketinggalan. Adalah sukar, untuk belajar ilmu dunia dan di masa yang sama kita dipaksa belajar bahasa Arab. Janganlah kita terlalu tamak; nak rebut kedua-dua, akhirat & dunia bak kata pepatah; Yang di kejar tak dapat, yang di kendong berciciran.

Oleh itu saya cadangkan:-

1. Sistem persekolahan menengah di pisahkan antara ilmu akhirat & dunia. Lagi pun, kita masih ada, Sek. Men. Agama dan Agama masih di ajar di Sek. Rendah.

2. Pengajaran Agama di Sekolah mestilah secara 'betul & masuk-akal'. Cerita dongeng @ kartun, ditegah sama-sekali.

Contoh A:- Anak saya Form 2:

Satu hari apabila petir menyambar, dia berkata, 'Tuhan panah setan tu'. Bila saya tanya siapa ajar, dia kata Ustazah kat sekolah yang cakap. Saya terkejut & terpaksa terangkan, bagaimana petir (Kilat) & guruh terjadi.

Contoh B:- Untuk budak Sek. Rendah.

Kalau nak melarang budak2 mencuri, Jangan kata: "Esok, kat neraka, Tuhan potong tangan".

Budak2, kan suka tengok TV cerita kartun. Kepala putus pun boleh sambung. Adalah lebih baik

kita katakan pada budak2: "Tak baik ambil barang orang tanpa beritahu. Kalau orang ambil barang kita, apa kita rasa?"

Saya bersetuju lagi pendapat TUN no.11. 'Masa dan keadaan, merobah segalanya'. Pada zaman silam, apabila dunia Islam digeruni, adalah di anggap beroleh pahala jika kita memerangi musuh Islam. Katakan sekarang, kita anggap Amerika sebagai musuh & kita istihar perang. Tidak kah berdosa, bila kita sudah pasti akan kalah, dan akan hilang kedaulatan keatas negara Islam.

Kiamat pasti ada. Sebagai orang Islam, kita mesti percaya pada hari Kiamat. Dunia sangat luas. Kalau kita boleh pergi ke dunia halus, ia tak akan sampai penghujung. Dunia luas, alam semesta, lagi la.

Oleh demikian, tidak kah kita ingin tahu, apabila kiamat, dengan sekelip mata ka? Disebabkan apa: Bom Nuclear? Comet? Gunung Berapi? Cakerawala kita saja ka? Kalau kita ada technology, tak bolehkah kita cuba lari? Di mana bukan-Islam berlumba-lumba ke angkasa lepas, kita akan pupus jika Allah tidak tegah lari daripada kiamat.

By Capt.Jag2020Author Profile Page on November 11, 2009 2:17 AM

Assalamu'alaikum Dear Tun,

Well Sir, another interesting topic indeed. Actually this issue reminds of another group who even went further to call the other Muslim Brothers as 'Kufir'. Maybe the time has come for us to unite under very simple and yet powerful oath 'La Ilaha Illallah, Muhammadur Rasulullah'. Of course if we

were to elaborate what does those words really mean, we will for sure come across millions of interpretations. But, it reminds me one particular view of a Great Muslim Scholar/Sage regarding the

revelations in the Quran and it's interpretations. He mentioned that:- No matter what the

interpretations are, or how different the scholars might perceive the real meaning of the words in the

Quran, the literal meaning shall not be abandoned or overlooked, since those are what have actually

been revealed by Allah, and Allah would have never chosen a single particular word if what He really

means is something else. For example: In chapters Al-Fath (Victory) Verses 10: " Yadullah Hi Fauqa

Aidiihim" (The Hand of Allah is over their Hands). The interpretations for this kind of verses (There

are several others) could number to thousands and have actually created one of the biggest

intellectual/academic conflict throughout the the history of Islam. And yet do we want to allow this

verses to actually divide us and create the war among Muslims? Shall we blame the verses or the

people reading the verses? Or shall we just stick to the simple meaning, admit that it's opened for

new interpretations and carry on with our life? The problem is actually political, nothing to do with

the truth.....

Thank You Tun, May Allah Bless us, and grant us the great victory. Wassalam

By checkerAuthor Profile Page on November 11, 2009 2:04 AM

Salam Tun dan bloggers che det,

Terima kasih kepada Tun kerana membangkitkan perkara ini. Memang benar apa yang berlaku adalah perlawanan antara kuasa dan ilmu. Tapi sayang kuasa itu nafsu yang sentiasa mahu menang dan akan melakukan apacara pun asalkan dia mencapai matlamatnya.

Apa yang telah berlaku adalah satu kejadian yang memalukan dan mengecewakan kerana pegawai2 JAIS telah mengambil tindakan yang tidak berhemah, tiada menggunakan budi bicara yang bijak atas kuasa yang telah diamanahkan kepada mereka dan tidak professional langsung dalam menjalankan tugas mereka. Apataknnya, tangkap orang ( ada waran tangkap ke tak tahu pula ) dulu tanpa dapat menyatakan tuduhan. Ini undang2 mana yang dipakai? Dahlah tu, suruh Dr Asri datang melapur diri ke Balai Polis tapi tak ada pegawai JAIS pun datang untuk membuat pendakwaan. Polis pun bolih jadi pening kepala dibuatnya. Apakah hukum Islam jika mungkir janji? Nampak sangat yang mereka tak cukup atau tak berilmu lansung. ( Saya pun tak tahu apa kelulusan Ketua Pengarah JAIS tu?) Kata JAIS telah memantau aktiviti2 Dr Asri berbulan2 tapi tak dapat nak menangkapnya. Saya rasa nak ketawa pun ada bila mendengarnya. Berbulan2 tu yang yang dibuat hingga tak dapat menyatakan tuduhan bila mereka berjaya dapat " menangkap" Dr Asri. Sekarang mereka baru nak buat kajian untuk mereka satu tuduhan. Apa cerita ni? tangkap dulu lepas tu baru nak buat kajian?

Ada kata kerana Dr Asri penyebar pahaman Wahabi, ada kata kerana berceramah tanpa tauliah. Tak jadi pelik jika ramai yang mengulas perkara ini di akhbar2. Ada yang mempertahankan tindakan JAIS dengan mengatakan Dr Asri ni dah banyak kali diperingatkan tapi degil terus memberi ceramah tanpa tauliah - Bekas Presiden ABIM Sdr Yusri.

Kebanyakan kita masyarakat biasa tentu bertanya2 apakah syarat2 untuk mendapatkan tauliah hinggakan seorang bekas Mufti pun susah nak dapat atau tak diberi tauliah untuk mengajar atau menyampaikan ilmu ugama kepada masyarakat Islam Melayu yang memang sangat memerlukan Ilmu Allah yang Haq ini. ( Apatakn ya ada sampai sanggup mengaku Rasul Melayu, Pak Pin nabi untuk semua ugama dan ramai pula pengikut2nya ) Kalau beginilah cara jabatan2 ugama macam JAIS menjalankan tugasnya tak hairanlah terdapat keruntuhan akhlak yang ketara di kalangan masyarakat Melayu Islam pada masa ini; yang berkuasa, yang berpengaruh dan belia.

Ada kata kerana Dr Asri menyebarkan ajaran Wahabi yang tak selari atau tak sesuai dengan budaya masyarakat kita. Saya dan mungkin ramai lagi yang kurang paham tentang ajaran Wahabi. setahu saya insan yang bernama Wahab ni hanya menjaga kesucian ugama Islam di Mekah ( Masjidil Haram ) dari amalan bida'ah, yakni perkara2 yang ditokok-tambah kepada amalan2 ibadah yang dilakukan atau diajar oleh Nabi Muhamad SAW. Olih itu, Wahabi bukanlah satu mazhab malah ia hanya memastikan orang Islam bila melakukan ibadah yang ALLAH tuntutan tidak menyeleweng dari ilmu yang terdapat dalam Quran & hadith.

Saya pun nak bertanya siapakah yang memastikan yang hanya "Ahlu sunnah wal-jamaah" yang mengadungi 4 mazhab itu diterima oleh ALLAH atas hadith yang diriwayatkan bahawa nabi SAW bersabda " ketahuilah sesungguhnya orang2 ahli kitab ( yakni Yahudi dan Nasrani ) yang sebelum kamu ( yakni sebelum datangnya Islam ) telah berpecah kepada 72 firqah ( mazhab ) dan sesungguhnya umat ini ( yakni Islam ) akan berpecah kepada 73 firqah ( mazhab atau golongan ), 72 golongan ke dalam neraka dan satu golongan sahaja ke dalam syurga, mereka itulah yang mengikut jemaah - hadith Bukhari dan Al Tarmidzi. Pada pengetahuan saya yang cetek ini, ALLAH melarang umat Islam berfirqah2 tetapi sentiasa berpegang kepada kepada tali ALLAH yakni dengan mengikut ilmu yang terdapat dari 2 sumber itu Quran & Hadith sebagaimana Nabi SAW berpesan " Aku tinggalkan 2 perkara iatu Quran & Sunnah ku dan jika kamu ikutinya maka kamu akan selamat selama-lamanya , dunia & akhirat " Olih demikian adakah amalan Ahlu sunnah al -Jemaah yang diamalkan di Malaysia memenuhi syarat2 itu kalau ianya bercampur aduk dengan amalan2 bidaah? Olih itu untuk melakukan amalan ibadah hendaklah berilmu atas Firman Allah ( a.w ) " janganlah kamu membuat/mengerjakan sesuatu tanpa mengetahuinya ilmu mengenai apa yang hendak dibuat/dikerjakan terlebih dahulu" Surah al-Isra' ayat 36 dan Nabi SAW bersabda " Berilmulah dahulu sebelum membuat/mengerjakan sesuatu amalan" - hadith At-Tarmidzi. jadi mengajilah Quran & hadith untuk mencari kebenaran atau yang haq.

Olih itu JAIS ( dan juga jabatan2 yang lain atau NGO2 Islam ) perlu mempelajari dan mengambil ikhtibar dari peristiwa ini untuk mencari strategi baru cara2 macam mana nak meningkatkan ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islam supaya menjadikan mereka satu masyarakat Islam yang berilmu dan berjaya di dunia dan akhirat. Usaha ini memerlukan ramai tenaga ilmunan yang dapat mengajar ilmu yang haq, berpandukan Quran & Hadith dan bukan pula menghalang atau menyusahkan mereka2 dengan peraturan birokerasi yang dicipta oleh "musuh" Islam. Tidakkah anda semua tahu yang ALLAH telah memberi "tauliah" kepada semua semua umat yang berilmu wajib menyampaikan kepada sesiapa sungguh pun satu ayat? Semua pemimpin Islam mestilah menerima hakikat ini dan janganlah terus berbalah atas sebab nak mempertahankan perkara2 yang diada2kan semata2 untuk menjaga ego, kepentingan atau

megekalkan kuasa sesaorang. ( UMNO dan PAS juga perlu ambil perhatian - saya sungguh sedih dan kecewa apa yang sedang berlaku kerana ugama dipolitikkan )

Baru2 ini dalam ucapannya di forum ugama di Mesjid Negeri Shah Alam, Dato Hasan Ali menyatakan bahawa kerajaan Selangor sedang berusaha untuk meningkatkan ilmu masyarakat Melayu Islam di Selangor dengan mengada rancangan forum dan seminar ugama bersiri ( bulan atau minggu ) di seluruh pelusuk negari Selangor yang akan diadakan di semua majid2 dan surau2. Ini perlu untuk membendung kejatuhan akhlak yang sedang berlaku sekarang di kalangan belia terutamanya. Malangnya, rancangan ini tidak akan dapat di adakan sedemikian kerana terdapat 500+ masjid dan 1000+ surau di Selangor tapi terdapat hanya 200+ tenaga penceramah ( tentulah bertauliah ). Sudah nyata Selangor memerlukan ramai lagi tenaga Ilmuam Ugama. Jadi kami rasa hairan kerana nampaknya JAIS dan pihak pemerintah tidak duduk bersama dan berbincang kerjasama dalam usaha ini. Kerajaan nak cari ramai lagi tenaga Ilmuam ugama tapi JAIS sibok nak menghalang pula. Saya rasa "pelik lagi menhairankan". Bila peristiwa Dr Asri ini timbul, Dato Hasan Ali tak mahu masuk campur kerana dipahamkan JAIS bertanggung-jawab terus kepada Sultan yang akhirnya menegaskan supaya JAIS mesti tegas atas perkara "tauliah". Wah naik lagilah tocamg Ketua Pengarah JAIS dengan "mandat" baru dari Sultan untuk beliau menunjukkan kuasanya yang bolih mengenenpikan pendapat kerajaan jika dia mahu. Sebenarnya bukan isu tauliah yang hendak dipertikaikan sangat disini tapi menghayati tujuan sebenar tauliah itu dan budi-bicara pemberian tauliah itu yang menjadi isunya.

Apakah KPI JAIS dalam membuktikan kejayaannya? JAIS melapurkan terdapat lebih kurang 50+ ajaran sesat di Selangor ( tentulah kalau termasuk ajaran Wahabi atau kumpulan yang mengamalkan ilmu Quran & hadith tapi lain dari amalan Ahlu Sunnah al-Jemaah khususnya mazhab Shafie. Bukankah ini membuka pekong di dada sendiri? Kenapa ini berlaku di Selangor dan jarang dengar berlaku di negeri2 lain. Sekarang ada pihak yang berpengaruh menuntut supaya majlis fatwa mengadakan sidang tergepar untuk membincangkan pahaman Wahabi dan saya tak hairan jika fatwa akan di keluarkan untuk mengharamkan 'pahaman atau jaran Wahabi" ini. Bekas MB Perlis pula mencabar pihak tertentu supaya memberi bukti atas tuduhan bahawa Perlis mengamalkan ajaran Wahabi. Tengoklah apa yang akan jadi. Di harapkan mereka yang diamanahkan berhujah dengan ilmu dan bukan kuasa atau fitnah.

Banyak lagi saya nak ceritakan kerana saya berasa insaf kepada apa yang berlaku kepada bangsa Melayu kerana saya takutkan kepada seksaan ALLAH aw dan saya akan terus meneruskan mematuhi perintah ALLAH untuk melakukan "amal makruf, nahi mungkar" setakat mana kemampuan yang ALLAH telah berikan kepada saya, sungguh pun saya tidaklah mendalam sangat ilmu ugamanya. Tapi saya akan dan seterusnya menyeru semua orang Melayu Islam supaya mengaji ilmu Quran & hadith hingga menghembuskan nafas yang terakhir. Ini wajib kepada semua. Walau bagaimana pun kita hanya bolih berusaha tapi ALLAH dengan hidayahnya yang akan menentukannya. Olih itu, marilah kita berdoa, memohon supaya kita semua akan mendapat hidayah nikmat ALLAH menunjukan kita ke jalan yang benar yang ALLAH redhai. Isya'allah, ameen

PS: sesiapa yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut dan mahu berkongsi pendapat, bolihlah berhubung kami di email: orbee07@hotmail.com atau dwarj07@gmail.com

By thequantumtheorist Author Profile Page on November 11, 2009 1:48 AM

Assalamualaikum tun,

Subject ini amat menarik sebab subject yang selalu yang di salah tafsir oleh orang. Saya tertarik dengan satu temu ramah tun dahulu yang menyatakan Islam adalah cara hidup bukan sekadar agama sahaja. seperti kisah pisau cukur Gillete yang Tun di kecam oleh ramai orang yang lebih berminat kepada orang arab dan bukannya pada Islam itu sendiri, saya lihat bahawa ramai orang tidak berfikir mendalam terhadap apa yang tun cakap. Mungkin kekurangan tun sebab lebih terus terang terhadap idea menyebabkan orang yang cetet pemikiran (bukan pengetahuan) hanya memahami pada permukaan ayat tun dan bukan intipati pendapat itu. Saya amat sependapat dengan tun yang mana pendapat sesuatu hukum adalah subjective dan orang akan cari yang setepat mungkin. Mungkin ada yang ekstrem dan menyebabkan sesuatu hukum itu tidak relevan untuk digunakan. Tetapi sekiranya kita mengikut intipati pada hukum itu mungkin kita berada jalan yang benar Insyallah. Tapi pendapat hanya pendapat, pemikiran itu yang penting. Sebab itu Allah turun Iqra` menunjukkan ilmu itu amat penting bukan sahaja untuk mengingati sesuatu pengetahuan tetapi juga untuk berfikir.

By shafinazh Author Profile Page on November 11, 2009 1:48 AM

Tun,

Itu pasal kes jenayah seperti samun, pecah rumah semakin menjadi-jadi dan meningkatkan sejak akhir-akhir ini, sebab anggota polis lebih sibuk menangkap kes-kes remeh-temeh seperti kes khalwat dan terbaru kes remeh Dr. Asri.

Cuba bayangkan pembaziran tenaga 30 anggota polis ini yang boleh digunakan bukan sahaja untuk mencegah kejadian pecah rumah malah menyelamatkan nyawa penghuni rumah yang mungkin terancam oleh penjenayah.

Tun, saya sebenarnya sudah mula hilang keyakinan terhadap kemampuan PDRM untuk mencegah jenayah.

Saya juga hairan bagaimana disebalik pertambahan anggota polis, kes-kes jenayah semakin tinggi.

Kes-kes jenayah pada tahun 60-an dan 70-an tidak begitu ketara dan membimbangkan (walaupun ancaman komunis ketika itu begitu hebat) sehingga penghuni rumah tidak boleh tidur lena seperti yang berlaku sekarang.

Rupa-rupanya sekarang baru saya faham, selain terpaksa menjaga keadaan politik negara yang bercelaru kini, anggota-anggota polis juga digunakan untuk membuat tangkapan yang remeh seperti yang berlaku terhadap Dr. Asri.

Berbalik kepada Dr. Asri, apa salahnya jika apa yang beliau nyatakan sama ada dalam ucapan dan tulisan beliau itu ada kebenarannya?

Saya bukan arif dalam agama tetapi adakah menjejaskan akidah kita atau penyeleweng kah kita daripada ajaran Islam sehingga murtad hanya kerana kita menolak fahaman yang jumud yang tidak pun dituntut oleh agama kita?

Salah kah jika seseorang penganut agama islam itu menolak bidaah atau sesuatu yang menyusahkan umat Islam, yang tidak pun disuruh oleh agama Islam?

Saya bukan memperjuangkan fahaman Wahabi tetapi apa kah yang kita marah sungguh terhadap fahaman ini selagi ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam?

Begitu juga dengan fahaman Syiah, adakah ia menyeleweng daripada ajaran Islam?

Bagi saya Tun, saya akan lebih takut dihukum Allah kerana menuduh orang lain murtad tanpa sebarang sebab hanya kerana kita tidak mengikut atau bersetuju dengan fahaman yang dibawa oleh golongan-golongan tersebut.

Kalau tidak silap saya Tun, pernah seorang mufti juga memberitahu saya supaya kita jangan mudah menuduh atau membenci pengikut fahaman Syiah hanya kerana kita tidak mengikut fahaman mereka.

Salahkah jika fahaman Wahabi menganggap bahawa bacaan talkin itu sebagai bidaah?

Salahkah jika sesuatu fahaman itu yang menyusahkan masyarakat Islam seperti mengadakan kenduri arwah terutama bagi mereka yang kurang mampu dan miskin ditiadakan?

Di sinilah letaknya kelemahan masyarakat Islam kita di negara ini berbanding penganut agama lain kerana kita cepat melatah dan menghukum seseorang yang membuat pembaharuan dan pembetulan (selagi tidak bertentangan dengan akidah) walaupun ia menyusahkan masyarakat kita.

Apa yang berlaku kepada Dr. Asri itu akan menjauhkan lagi penganut agama lain yang cuba berjinak-jinak dengan agama Islam.

Salam Tun.

By BlackwarAuthor Profile Page on November 11, 2009 12:19 AM

Salam,

Dear Tun,

Thank you for your comments, advises and supports towards the young 'alim (Dr. Asri). I heard you have a good relation with him.

Dr. Asri's approach towards teaching Islam is like many other scholars and Islamic preachers that i have met in US when i used to live there for 4 years. They use direct revelations from Allah and His Rasul in order to bring people closer to Islam, sometimes using explanations from famous and reliable 'ulama like the 4 imams and others. This is the secret why despite Sept 11's tragedy, Islam continues to flourish in US and other parts of the west. In fact, I know more about Islam and its logic, justice and essence during my 4 years in US rather than my earlier 17 years in Malaysia.

This is because despite Malaysia having countless muftis, jabatan agama and Islamic NGOs, people in the position of religious power here in Malaysia are no longer making any efforts to study back the text of the Islamic revelations and its different interpretations and sadly, they are content with the same approach of Islam that is practiced not the Prophet and his sahabah, but their own forefathers. Any attempts to reform this are met with scorns, wild accusations, envies and sabotage by those in religious power, as happened not only to Dr. Asri, but other 'ulama and Malay reformers like Abdullah Yassin, Hussein Yee, Hamka, Za'ba, Syed Sheikh Al Hadi etc.

As a result, as the rate of people entering Islam is higher and higher in the West, we see a decline of people practicing Islam here in our country, let alone conversion to Islam.

I say it's time to do away with those backwards among our religious authority. Government (Federal and State) should ensure only qualified and dedicated religious scholars should hold the position of religious power in this country.

Justice to all 'ulama, warisatul anbiya, and down to all religious fakes that are 'bermaharaja-lela' di kerusi2 empuk mufti and jabatan agama. They have been using our tax money for their salaries, but their contributions to Islam and Muslims are very insignificant and minimal.

By RidzuanAuthor Profile Page on November 10, 2009 11:46 PM

Salam Tun,

I really admire you Tun. I really do. Allah gives you something that most of us could only dream of it, i.e. your critical thinking.

Your critical thinking in politics is a legend. Your critical thinking in economics is amazing although your academics background is in a medical field.

However, thinking alone will not gives harmony to human if not complemented by syariat Islamiah.

Therefore, as humble as I can, I would like to give my sincere reminder to Tun that please do not support any Islamic liberal teachings in Malaysia. I am afraid your critical thinking in this issue will not give you any good.

I really don't understand why you need to support to Dr. Asri which his Islamic point of view is clearly not suitable in Malaysia. I am not so sure whether you are aware that he is trying to tell to the public that some, if not most, of the practices of Ahli Sunnah Wal Jamaah are sesat and will go to the hell.

We as Ahli Sunnah Wal Jamaah which is a majority Muslim community in Malaysia are still in a silence mode. I am afraid, Dr Asri' teachings will create an unbalance and instability situation in Malaysia. I am worried, there will be a time when we as Ahli Sunnah Wal Jammah will no longer keep our mount, hands and legs in a hibernation mode anymore when our belief and practices in Islam are slammed by this so-called 'minda tajdid' movement.

You once said that ISA law is a preventive law that prevent anyone from making any actions which can cause instability situation in Malaysia.

In this sense, I BELIEVE that Dr Asri should be put under this ISA law.

I am really worried that you will be used by this so called 'minda tajdid' or 'minda pembaharuan' or 'kaum muda' for his/their agenda. I am afraid that most of us who support you for all this time will have a different perspective on you.

The Islamic teachings which practice by Ahli Sunnah Wal Jamaah have been in Malaysia for a quite long time and have bring to an harmony situation among Muslims in Malaysia.

The teachings which based on Syafie's ijthad in Syariat and ijthad of Imam Abu Hassan As-Sya'ari and Imam Abu Mansur Al-Maturidi in Tauhid have been well accepted in Malaysia.

If Dr. Asri want to teach his different teachings based on ijthad of other Imam, he can do so in other countries, like in India for an example, the country which he claims does has same Islamic practices point of view like him.

We REALLY DO NEED you Dr. Mahathir but we CLEARLY DO NOT NEED people like Dr. Asri or Rasul Dahari (Singapore) in Malaysia.

Please kindly and deeply consider my comments and suggestions.

Take care Tun.

Ridzuan,  
Ampang, Selangor  
Johor Bahru, Johor  
Nagoya, Japan (Current).

By FXSpecAuthor Profile Page on November 10, 2009 11:21 PM

Dear Tun

Who can we blame if the way the powers-that-be handle issues such as Dr Asri's becomes the butt of jokes and cynical comments from the public. Just the number of officers involved in his arrest boggles the mind....50 (???) when 2 or 3 is good enough! Have the rest of them (47 or 48) nothing better to do eg. read and really analyse what the good Dr has to say in his numerous writings (perhaps they have already done so, hence the conclusion that all 50 of them had to go arrest him, else it won't be successful....hahaha!).

Not saying that Dr Asri is always right - he is just like any other non-maksum people who are but much more knowledgeable in matters Islamic than most of us - nevertheless, he should be given the space to say his piece (which have always been backed by citations and whats not). Those other scholars who disagree should then rebut his arguments and put forward their own cases. That way, we the public can see whose arguments are the more plausible and meritorious, while learning about those contentious issues at deeper levels. Beneficial, no?

But please don't fall into the trap of saying that the public will be confused by all the debates/polemics that went on and on (at worst they will grow tired and turn their attention to something else). That condescending/patronising/belittling attitude is one of the (underrated) barrier towards the advancement of the Muslim world in general. By having such an attitude

aren't we no better than the "Big Brother Know Better" society as envisaged by Aldous Huxley in his classic (but outdated) "Brave New World" and/or George Orwell's "1984"?

Why underestimate the intelligence of the average Muslim? It is incumbent upon a Muslim to understand and practise the tenets of Islam, ritual or otherwise, up to the required level and it's not that difficult to do so. And better believe it, that it is within their grasp to learn, understand and internalise the more advanced knowledge and material provided that they try hard enough, without having to become a scholar in itself.

What we need is a healthy respect for other people's opinions, while politely pointing out what's wrong with their arguments and their understanding of certain issues. There's no need for bad-mouthings, fitnah, intimidations, personal attacks, threatening noises, power plays etc. Only when it's clear that they belittle Allah S.W.T and His Rasul (SAW) should the appropriate actions be taken against them, like what's been done to ayah pin and more recently, kahar.

If you treat the Muslims as a herd of goats, then you are nothing more than a 'goatherd' (did I see this somewhere before?), whatever your claims to scholarship and/or saintliness may be.

Now, perhaps I'd better quieten down real quick (before somebody "knowledgeable" tells me to shut up) if I know what's good for myself....?!

By antisekular Author Profile Page on November 10, 2009 11:17 PM

Salam TUN..

Alhamdulillah, saya masih diberi kesempatan utk memberi komen dlm blog TUN. Sesungguhnya isu yang dibincangkan ini adalah satu isu yang amat panas ketika ini. Ramai yang menyalahkan JAIS kerana tangkap DR Asri tanpa asas dan bukti yang kukuh. Seperti maksud kata2 TUN, mungkin oleh kerana Dr Asri tidak sependapat dengan kebanyakan tokoh agama di negara ini (termasuk mufti-mufti) dia ditangkap.

Namun, tahukah TUN mengapa sebenarnya JAIS menangkap Dr Asri, ataupun mengapa kebanyakan ilmuan Islam di Malaysia tidak menyukai beliau?

Ini kerana beliau bukan sahaja berbeza pendapat dengan para ilmuan Islam di negara kita, tetapi telah banyak membawa ajaran menurut fahamannya sendiri. Beliau memang membawa hujah-hujah al-Quran dan Sunnah akan tetapi beliau tidak mengeluarkan hukum daripada ke dua2 sumber hukum Islam tersebut mengikut kaedah usul fiqh dan istinbat hukum yang betul. Tambahan lagi dari sudut kriteria sebagai seorang pengeluar fatwa, beliau belum lagi layak utk menjadi seorang mujtahid. Beliau memperolok-olokkan guru2 agama di zaman dahulu sedangkan ilmu yang disampaikan oleh mereka yang terdahulu adalah berdasarkan waqi' ketika itu. Autoriti beliau pun bukanlah sebenarnya dibidang syariah. Mempunyai latar belakang pendidikan B. Arab dan hanya mengambil sebahagian subjek syariah dan berkelulusan PhD adakah sudah cukup layak untuk menjadi pengeluar fatwa. Kalau macam tu ramai lagi yang boleh dan lebih layak dari beliau. Adakah TUN rasa pengalaman beliau dibidang ilmu sudah cukup layak untuk bergelar seorang mujaddid? Kalau ya, atas dasar apa? Atas dasar beliau boleh mengeluarkan pendapat2 yang lain cikit dari org lain? begitu?....

Bukan itu sahaja, beliau mempertikaikan banyak amalan-amalan agama dinegara ini dengan logik akal beliau sahaja. Contohnya bacaan yasin bginya adalah tidak rasional kerana mana munasabah pahala yang kita baca dari yaasin itu sampai kepada org mati. Kalau begitu masuk syurgalah semua orang. Upah semua orang untuk baca Yaasin bagi pahala utk si mati.

Kemudian talqin itu mengarut jugak kerana katanya yang menentukan si mati blh menjawab mungkar nakir adalah iman, bukan talqin.

Sedarkah dia bahawa dia berhujah dengan logik akalnya semata-mata. Kalau Yaasin tidak sampai kepada orang mati, tak payahlah buat solat org mati. Kenapa dia tak cakap macam tu? Kita juga digalakkan berselawat untuk Nabi s.a.w. supaya dapat syafaat darinya diakhirat nanti. Nah, kalau pahala solawat tidak sampai kepada Nabi yang sudah wafat, buat apa kita baca solawat? Dia baca atau tidak kitab RUH karangan ibnu Qayyim al-Jauziyyah? Kalau orang yang dialam kubur (barzakh) tidak boleh mendengar suara kita yang masih hidup, buat apa kita solat memohon keampunan utknya, dan buat apa Nabi s.a.w memberi salam kepada ahli kubur? Sebab itu dibacakan talqin sebagai peringatan buat yang hidup dan yang mati.

Ulama2 memang khilaf dalam hal ini, tetapi dalam kekhilafan ini, tidak harus baginya untuk memperlekeh-lekehkan amalan kebanyakan umat Islam di Malaysia ini. Itu bukan satu disiplin yang baik untuk ahli akademik sepertinya.

Banyak lagi kekeliruan fahaman beliau yang tak dapat diluahkan disini. Harap Tun dapatlah membuat analisa tentang hal ini dan jangan membela sebelum mengetahui perkara yang sebenar.

Akhirnya, bolehlah dibuat kiasan begini :

JAIS tangkap DR Asri bagi membendung fahamannya yang boleh memecah belahkan umat Islam di Malaysia

sepertimana

ISA tangkap kumpulan2 yang membangkang kerajaan dengan kuat (suatu masa dahulu, ada juga sekarang) bagi membendung fahaman mereka yang boleh menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional

Kalau ISA pun boleh dihalalkan UMNO dengan alasan membendung, apakah JAIS tidak boleh menahan seseorang dengan alasan yang sama, tambahan lagi untuk membendung fahaman aqidah yang merbahaya kepada umat Islam???

Harap TUN dapat fikirkan.

Maaf jika TUN tersinggung.

Wallahua'lam bissowab..(Allah lebih Maha Mengetahui apa yang betul dan benar)

By intannuratiqah Author Profile Page on November 10, 2009 11:06 PM

salam Tun,

betul jugak cakap Tun tu... ade logiknya..

Take care tun..

By tukang\_dok\_peghati Author Profile Page on November 10, 2009 10:54 PM

ASSALAMUALAIKUM dan SALAM SEJAHTERA..

Ada 2 perkara yang PELIK dan jadi persoalan..

1) Jika Dr. Asri dikatakan membawa ajaran yang bertentangan dengan Islam, kenapakah dua orang YB dari Pakatan Rakyat sendiri menghadiri majlis ceramah beliau? Bukankah itu jugak satu bentuk 'PENGIKTIRAFAN' atau mereka berdua tu JAHIL?

<http://sensecredaccountability.blogspot.com/2009/11/jika-jais-kata-dr-asri-tidak-ada.html>

2) Dr. Asri dikaitkan dengan ajaran WAHABI tetapi Majlis Fatwa tidak pernah mengharamkan ajaran WAHABI? Malah, Arab Saudi dikatakan pendokong kuat ajaran WAHABI.. Nabi SAW sendiri tidak pernah meninggalkan banyak cabang atau aliran Islam kepada umatnya.. Hanya satu jenis sahaja Islam yang ditinggalkan oleh Nabi SAW.. Kenapa kita tidak cuba mempertahankan yang satu jenis itu sebaliknya SIBUK nak memecah-belahkan yang Islam yang satu ini kepada banyak jenis? Bukankah kita sendiri yang MEROSAKKAN Islam itu sendiri? Tidak MALUKah kita jika melihat Islam dipersendakan oleh bukan Islam kerana SIKAP kita yang suka 'MELABEL'kan sesama Islam?

<http://sensecredaccountability.blogspot.com/2009/11/selepas-berpecah-kepada-umno-pas.html>

Wallahualam..

By blitz Author Profile Page on November 10, 2009 10:45 PM

Salam ayahanda Tun;

1. Ini merupakan komen kali kedua saya di blog ini, sejak mendaftar. Biasanya saya membaca sahaja pelbagai artikel di sini untuk ambil maklum dan menambahkan pengetahuan tertentu. Kali ini saya terasa hendak komen dan memohon maaf kerana berbeza pandangan dengan Tun dalam soal ini.

2. Pada hemat saya, antara masalah yang berkaitan Dr Asri ini adalah disebabkan dia menggunakan petikan al-Quran dan Hadits sebagai hujah, tetapi sepanjang penelitian saya kerap juga menyelitkan fakta yang tidak betul untuk "mislead" sesuatu perkara. Misalnya, sila rujuk satu artikel yang dimuatkan di laman webnya (yang tak boleh beri komen)::

<http://drmaza.com/home/?p=314>

Dalam artikel itu beliau menyatakan::

" ... begitu juga Ibnu Hajar Al-Asqalani (penyusun kitab Bulughul Maram) pernah mencabar pendapat kesesatan ahli sufi Ibnu Arabi dengan mubahalalah apabila pertengkaran mereka melarat sampai ke pengetahuan Sultan. "Ketika itu, Ibnu Hajar dan Ibnu Arabi bermubahalalah di mana dia berkata kalau Ibnu Hajar berada di atas petunjuk Allah, Allah akan laknat aku dan begitu juga jika dia berada di atas kesesatan Allah."

3. Yang dia sentuh atau mungkin desak supaya Anwar bermubahalalah itu okaylah! Tapi dalam masa yang sama dia salah petik (atau mungkin sengaja salah petik, tetapi siapa yang boleh tahu akan isi hati dia yang sebenar) untuk menunjukkan buruknya akibat mubahalalah kepada golongan yang dia tak suka iaitu golongan sufi - lalu dengan itu mungkin hendak menunjukkan golongan sufi itu tak betul.

Walhal, Imam Ibnu Arabi sudah mati 135 tahun sebelum Imam Ibnu Hajar lahir, jadi bagaimanakah keduanya dapat bermubahalalah mengikut dakwaannya. Bagi saya, agak mustahil dia tak mengetahui perkara ini.

4. Bagi yang kurang nampak perkara seperti ini mungkin dapat terimalah sebab dia petik ayat Quran sebelumnya dan kemudiannya tunjukkan contoh kes apa yang jadi. Tapi bagi orang yang mengkaji atau tahu lebih sedikit dalam soal berkenaan, mereka tahulah dia salah petik, dan syak (saya ulang: SYAK) dia sebenarnya cuba memfitnah golongan yang dia tak suka juga.

5. Perkara yang saya nyatakan dalam (4) di atas berlaku banyak kali. Tugas para alim ulama' lah yang lebih faham dan pakar untuk menjelaskan kecelaruan-kecelaruan yang dibawa oleh Dr Asri ini yang saya tak faham sehingga kini apa tujuannya berbuat demikian.

6. Akhir sekali saya ingin bertanya: apakah agenda perubahan yang hendak dibawa oleh Dr Asri? Tak boleh baca talqin? Tak boleh buat kenduri? Tak boleh baca Ya Siin malam Jumaat, dan pelbagai perkara furu'/cabang yang sepatutnya tidak menjadi masalah tetapi merupakan suatu rahmat kerana ianya hanya soal khilafiyah.

Kalau demikianlah agenda perubahannya, baik tak payahlah. Sebabnya bukan agenda perubahan yang dibawa tetapi perbalahan antara sesama umat Islam dalam perkara yang berkenaan.

Adakah Tun lebih suka ataupun tak kisah jika umat Islam yang sedikit ini berkelahi dalam soal-soal furu' demikian.

7. Saya menyokong (mungkin lebih tepat lagi) lebih selesa dengan kaedah pembaharuan/pemikiran Tun yang dinamik dan progresif sejak sekian lama, sudah lebih 25 tahun. Akan tetapi dalam hal Dr Asri ini saya minta maaf kerana tidak sependapat dan langsung tidak bersetuju dengan Tun. Bagi saya, beliau tidak jujur sebagai seorang "scholar". Tun boleh rujuk pelbagai buku/kitab karangan Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim dan lain-lain, dan saya agak pasti Tun mungkin boleh jumpa pelbagai perkara yang menjadi "agenda perubahan" yang dikatakan oleh Dr Asri.

ps: Untuk makluman, di sini saya mengutarakan pendapat bukan dalam konteks seorang ilmuwan agama, kerana bidang formal saya pun bukanlah bidang agama. Pendapat seseorang dalam menilai sesuatu adalah sekadar pendapat seseorang itu sendiri.

Salam hormat!

Tok-Mudim.

By PositiveMindAuthor Profile Page on November 10, 2009 10:42 PM

Assalamualaikum buat Tun dan pembaca Chedet semua...

Sekitar kisah penahanan Dr. Asri:

1. Alasan bahawa perlunya tauliah dari JAIS atau pihak berkuasa agama untuk mengajar ilmu Islam kepada masyarakat demi memastikan kesucian Islam tidak dicemari adalah lemah dan dangkal sepertimana dangkalnya hujah Pengarah JAIS yang menyatakan bahawa orang bukan Islam tidak boleh memasuki masjid atau ruang solat kerana ditakrifkan sama seperti perempuan haid. Bukankah jelas dibuktikan sejarah bahawa Rasulullah didatangi oleh orang bukan Islam di dalam masjid untuk pelbagai hal. Makanya, tauliah dari siapakah yang membolehkan atau melayakkan Pengarah JAIS memandai-mandai mengeluarkan kenyataan yang menyanggahi perlakuan Rasulullah seperti itu? Dan kenapa tiada kenyataan membetulkan kesilapan itu dari tokoh-tokoh agama atau pihak berkuasa agama yang rancak mempersoalkan tauliahnya Dr Asri?
2. Sekalipun ingin membanteras ajaran sesat; adakah Rasul Melayu, Ayah Pin atau mana-mana Tok Guru ajaran sesat akan memohon tauliah untuk menyampaikan ajaran mereka? Tentu sekali mereka tidak akan memohon tauliah itu sepertinya penjenayah tentunya tidak mahu rekod mereka didaftar dan diserahkan kepada polis. Jika begitu, bagaimana ingin membanteras ajaran sesat? Tentunya bukan dengan mewajibkan tauliah JAIS. Tetapi melalui risikan, siasatan dan pengintipan terhadap penyampaian ajaran yang jelas menyimpang dari Al-Quran dan Sunnah. Adakah pihak JAIS atau pihak berkuasa agama tidak berkeupayaan melakukan risikan, siasatan dan pengintipan bagi membendung ajaran sesat? Tentunya mampu kerana bukannya mereka begitu pakar dan malah lebih bersemangat dalam mengintip kesalahan khalwat!
3. Ulasan dari beberapa tokoh yang cuba mengatakan Dr. Asri membawa ajaran atau fahaman yang berlawanan dengan kebiasaan masyarakat Islam Malaysia yang bermazhab Imam Shafie dan boleh menimbulkan kekeliruan umat juga amat lemah dan kosong hujah ilmu. Mana lebih utama diikuti? Al-Quran dan Sunnah kah? atau Ijmak, Ijtihad & Qias ulama'? Bukankah jelas untuk kita seandainya terang dan nyata ketentuan itu dari Al-Quran dan Sunnah maka dahulukanlah ia. Dan sekiranya ada kesamaran, maka Ijmak, Ijtihad dan Qias ulama' bolehlah digunapakai setelah disimpulkan mana yang terbaik penghujahan dan kesimpulannya. Maka sekiranya kebiasaan itu tersasar dari ketentuan Al-Quran dan Sunnah, perbetulkanlah ia walaupun ianya kebiasaan. Sekiranya kebiasaan itu samar ketentuan Al-Quran dan Sunnahnya, maka perbetulkanlah dengan hujahan Ijmak, Ijtihad dan Qias ulama' yang sempurna bagi merungkai kekeliruan.

4. Rata-rata komen tokoh-tokoh agama yang cuba mengaitkan Dr. Asri dengan fahaman Wahhabi hanya bersandarkan kepada berlawanannya pandangan Dr. Asri dari amalan kebiasaan Islam yang dipraktikkan di Malaysia. Mereka tidak pun cuba menangkis pandangan Dr. Asri itu dengan hujah dan pandangan ilmu yang lebih baik. Mengapa begitu? Jawapannya, kerana sepanjang pengamatan saya, hujah dan pandangan Dr. Asri sering dikuatkan dengan nas Al-Quran, Sunnah atau kedua-duanya. Atau juga dari perbandingan Ijmak, Ijtihad dan Qias ulama'-ulama' besar lalu dicadangkan mana yang terbaik. Manakala mereka (tokoh-tokoh agama itu) mungkin tidak mampu memberikan nas-nas atau pandangan-pandangan ulama' yang lebih baik dari itu lalu mereka hanya mampu mengaitkan Dr. Asri dengan Wahhabi. Bertauliahkah mereka ini andai begitu komennya?

5. Saya yakin dan percaya bahawa Dr. Asri sedia dihakimi Allah andai ajaran dan pandangan beliau menyanggahi agama-Nya. Bersediakah mereka yang menyanggahi Dr. Asri???

Wallahualam  
By naharAuthor Profile Page on November 10, 2009 10:37 PM

Tun,

Artikel ini sungguh sensitif, jika tersilap komen kita mungkin dituduh munafik, sesat dan yang lebih berat dituduh murtad dan kafir.

Penangkapan Dr. Asri dikatakan mengajar tanpa mendapat tauliah dan beliau pernah dilebel sebagai Wahabi.

Bagaimana pula dengan PAS yang sering melakukan ceramah di merata tempat tetapi tiada sesiapa atau dari mana-mana agensi Jabatan Agama Islam pun yang ambil kisah untuk menyoal sama ada bertauliah atau tidak.

Malahan ada di antara ceramah tersebut yang dengan lantangnye melebelkan kumpulan tertentu yang seagama dan sebangsa tetapi berlainan idealogi sebagai kafir.

Tokoh-tokoh seperti Hadi Awang, Nik Aziz dan banyak lagi ulama PAS yang bebas membuat ceramah di sana-sini tanpa ada pihak yang berani tampil memantau sama ada bertauliah atau tidak.

Mengeluarkan beberapa fatwa yang meragukan dengan sewenang-wenangnye; seperti fatwa Hadi Awang yang memfatwakan bahawa undi PAS masuk syurga dan undi UMNO kafir dan masuk neraka.

Amalan konsep bai'ah pula bagaimana..?. Adakah ini satu lagi fatwa??.

Berpeganglah kepada ajaran Al-Quraan sebenar dan Sunnah, tanpa selewengkan masudnye(bagi tujuan dan niat tertentu);INSYALLAH kita selamat dan tidak sesat.

End.

By nashAuthor Profile Page on November 10, 2009 10:34 PM

Assalamualaikum Tun.

Hebat sungguh JAIS macam gangsters. Nak tangkap Anwar pun tak sampai 50 orang. Kalau Dr Mohd Asri tu prempuan tentu dah minta rasuah sek. Orang macam inilah yang merosakkan nama Islam, tangkap orang sesuka hati aje. Maruah orang yang jadi mangsa tak kira. Apa kata kalau terkena kepada keluarga sendiri?

By ahmadbilamim Author Profile Page on November 10, 2009 10:34 PM

Sekarang ni, nak cakap sikit pun kena ada tauliah Tun... hahaha. Jaga diri Tun.

Assalamualaikum.

By editorsemasa.net Author Profile Page on November 10, 2009 10:21 PM

Salam Tun,

Kalau mengikut Al-Quran, umat Islam sepatutnya digeruni dan dihormati lawan dan kawan. Mereka sepatutnya menjadi pemimpin. Mereka sepatutnya lebih maju dan berjaya. Tapi hakikat yang ada di depan mata kita adalah sebaliknya. Umat Islam lemah, mengarut, tidak berakal, mundur dan menjadi ejekan. Kadar buta huruf di setengah-setengah negara-negara Islam hanya baik sedikit dari penduduk reban ayam.

Jadi tentulah ada yang tak kena dengan ajaran yang menjadi pegangan umat Islam hari ini. Mereka tidak menurut apa yang disuruh oleh Tuhan tetapi mereka hanya menuruti ideologi para imam tanpa soal. Mengapa ada sunni? Mengapa ada syiah? Mengapa ada iman Syafie. Mengapa ada imam Hambali dan sebagainya? Adakah Tuhan suruh kita ikut ideologi imam-imam ini atau Tuhan sebenarnya suruh kita ikut cara hidup yang selaras dengan sistem yang telah Dia ditetapkan ke atas seluruh makhluknya, termasuklah manusia?

Seluruh alam ini berfungsi mengikut sistem yang telah ditetapkan Tuhan. Pergerakan alam semesta, tumbuhan yang melata, haiwan yang pelbagai, elektromagnetisme, graviti dan apa saja semuanya tidak pernah melanggar hukum-hukum yang Tuhan telah tetapkan dalam sistem-Nya.

Manusia boleh belajar apa saja yang terhampar dalam alam ini kerana kepatuhan semua mahluk kepada hukum-hukum Tuhan itu. Dan dengan ilmu yang mereka perolehi mengenai pelbagai perkara, manusia mampu menjadi khalifah yang berjaya dalam usahanya memakmurkan bumi dan menikmati kehidupan harmoni (in peace, Islam) dengan alam dan Tuhan. Itulah yang Tuhan nak kita buat. Itulah yang Tuhan nak kita capai. Itulah maksud sebenar menjadi muslim.

Malangnya kita tidak menuruti pedoman yang Tuhan beri. Kita langsung tidak mengambil inisiatif untuk memahami apa yang Tuhan sampaikan kepada kita. Tuhan turunkan kitab kepada Yahudi, mereka ubah jadi kitab sendiri. Tuhan beri kitab pada penyembah berhala melalui Ibrahim, mereka pun ubah jadi kitab sendiri juga.

Tuhan beri kita Al-Quran, ya kita tak boleh ubah sebab Tuhan dah janji untuk memeliharanya. Tapi kita pakai kitab imam pulak. Di sinilah punca masalah kita, Tun. Kitab imam kita dokong sampai buat universiti, buat mahkamah dan macam-macam untuk merealisasikan. Malah kita

sanggup bunuh orang, bunuh anak sendiri sebab dokong kitab imam. Tapi kitab Al-Quran kita guna untuk mengaji berlagu-lagu saja. Sebab itulah kita selalu kecewa dengan hasilnya. Kita dokong kitab yang salah.

Percayalah umat Islam sekarang ni, doa banyak mana pun tak guna selagi mereka tidak mematuhi al-Quran, kitab yang Tuhan turunkan kepada kita supaya menjadi pedoman hidup. Apabila kita mengikut agama berasaskan ideologi perspektif kita terhadap kehidupan, alam dan Tuhan akan terkongkong kepada pengetahuan dan kepercayaan pencipta ideologi berkenaan saja, iaitu imam-imam yang mempeloporinya.

Maka ajaran yang ditonjolkan tidak lebih dari ajaran yang statik dan tidak mungkin mampu mengekalkan relevannya bersama alam atau zaman. Akhirnya pengikut agama ideologi tidak mempunyai pilihan selain mempertahankan agama ideologi imam mereka melalui pendekatan jumud dan menekan dalam usaha menghalang orang keluar dari kepompong kejahilan yang menjadi pilihan mereka.

<http://www.semasa.net>

By MyLuvMalaysiaAuthor Profile Page on November 10, 2009 10:03 PM

Assalamualaikum TUN,

Saya rasa pihak yang terlibat dalam membuat penangkapan tersebut tidak menyelidik dahulu sebelum membuat penangkapan. Ini adalah kecuaiannya agensi kerajaan yang sepatutnya bijak mengatur langkah. Kecuaiannya seperti ini perlu diatasi oleh semua agensi kerajaan supaya rakyat tidak menjadi mangsa keadaan. Terdapat juga beberapa perkara yang agak pelik bagi saya, kenapa perlu mengadakan ceramah dirumah sedangkan ceramah boleh diadakan disurau/masjid berdekatan dan kemungkinan lebih ramai yang akan datang. Mengadakan ceramah dirumah seperti menyorokkan sesuatu dari pandangan umum dan menimbulkan was-was.

By milshahAuthor Profile Page on November 10, 2009 9:59 PM

Assalamualaikum Tun,

Pendapat sayalah, ulama juga manusia biasa yang tak lepas dari melakukan kesilapan. Walaubagaimanapun, ulama-ulama begitu dihormati masyarakat kerana bertahun-tahun mereka belajar ilmu agama. Begitu jugalah doktor, peguam, akauntan, dan sebagainya dihormati kerana kepakaran dalam bidang masing-masing.

Walaupun mereka pakar dalam sesuatu bidang, tidak bermakna kata-kata mereka tu kena terima bulat-bulat dan tidak boleh dilawan. Cuma kita sendiri kena pakar dalam bidang tersebut barulah boleh lawan dengan mereka sekiranya mereka silap.

Walaupun mereka ini pakar dalam bidang masing-masing, tapi tidak bermakna mereka boleh berkata sesuka hati kerana mereka pakar. Mereka juga tertakluk pada piawai/standard masing-masing. Contohnya, kalau saya sebagai akauntan, saya tak boleh sesuka hati kata rumah adalah satu liabiliti kerana rumah ada asset sebab ada nilai dan manfaat darinya. Sudah ada standard perakaunan yang membezakan antara aset dan liabiliti. Demikian juga peguam, kata-kata mereka

harus berlandaskan undang-undang negara ketika berhujah. Demikian juga doktor, berdasarkan standard piawaian kedokteran. Dan ulama, mesti bersandarkan hadith dan Al Quran.

Untuk berhujah atau melawan mereka yang pakar dalam sesuatu bidang memang boleh tapi kita sendiri kena belajar juga ilmu mereka untuk lawan kata-kata mereka. Sebagai contoh, kalau doktor yang merawat saya kata saya demam biasa sahaja, adakah boleh saya melawan kata doktor dan kata ini bukan demam biasa ni, ini sakit denggi? Saya boleh lawan kata doktor tersebut, tapi saya kena belajar ilmu perubatan. Saya kena tau perbezaan simptom-simptom demam biasa apa, denggi apa. Saya tidak boleh sebagai orang luar tiba-tiba kata doktor salah. Saya kena belajar dulu ilmu perubatan baru boleh lawan hujah doktor tersebut.

Demikian juga peguam, hujah-hujah mereka tertakluk pada undang-undang dan perlembagaan negara. Kalau kita hendak lawan kata-kata peguam, kita sendiri kena belajar ilmu undang-undang.

Kita sudah biasa lihat, doktor-doktor berselisih pendapat, peguam-peguam berselesih pendapat, akauntan-akauntan berselisih pendapat, tapi mereka dapat berhujah menguatkan pendapat mereka kerana mereka ada ilmu kepakaran pada diri mereka.

Jadi prinsip yang sama juga boleh dipakai kalau kita hendak berhujah dengan ulama. Sesama ulama juga berselisih pendapat, tapi semua hujah mereka harus bersandarkan hadith dan Al Quran. Contohnya Ulama tidak boleh sesuka hati kata sembahyang jumaat hari sabtu pula. Kata-kata mereka mesti bersandarkan hadith dan Al Quran. Sebab tu kita dengar apabila ulama berhujah beliau akan susuli dengan sebutan hadith ataupun ayat-ayat Al Quran untuk menyokong hujahnya. Wallahualam.

By zooroopaAuthor Profile Page on November 10, 2009 9:44 PM

Assalamualaikum Tun,

Betul !! Saya setuju 100%. Ramai sebenarnya kawan2 Melayu di sekeliling saya, berpelajaran tinggi, yang bersifat sedemikian - pantang mendengar org menyoal tentang Islam.

Harapan supaya orang Melayu kita semakin terbuka mindanya dan tidak lekas menganggap seseorang itu jahil atau tak cukup didik apabila Islam dipersoalkan secara ikhlas dgn niat untuk menuntut ilmu.

\*I wish you the best of health. You're hands down, the best Prime Minister of Malaysia.

By Mohd FariedAuthor Profile Page on November 10, 2009 9:44 PM

Salam Tun dan Toh Puan

Saya tak nafkan perbezaan pendapat, pandangan dan fahaman memang dah terjadi dari zaman nabi lagi.

Cuma yang sy hairan kenapa ini perbezaan ini di perbesarkan dan tidak mencari jalan penyelesaian dgn cepat. Yang untung umat Islam jugak.

Apa yang terjadi di jadikan iktibar dan mencari jalan penyelesaian supaya ianya tidak berulang.

Saya amat sedih apa bila Jabatan Agama Islam bertindak, adakalanya kakitangan yang menguatkuasapun tidak lengkap ilmu agama dan kadang-kadang tidak tahu kenapa bertindak sedemikian. Dah heboh baru nak cari buku undang-undang Agama...mana satu anekmenye?

Saya harap perkara ini tidak berulang....kalau tidak malu Agama Islam kita.

Sekian.

Sayang Tun dan Toh Puan.

By danial the fox Author Profile Page on November 10, 2009 9:44 PM

saya terlalu la berharap agar ape yg disebut oleh bluegene itu tidak betul kerana bila org berilmu disenyap bisukn, itu merupakn prkara yg amat buruk. Apabila kuasa dipegang oleh org yg x berilmu, tiada prkara baik yg boleh diharapkn melainkan yg buruk shj.

By izzamil Author Profile Page on November 10, 2009 9:31 PM

Salam Tun,

Inilah dia yang dikatakan Dendam Kesumat Manusia. Yang Jahat dijadikan Tauladan dan Yang baik pula dijadikan Sempadan.. masyaallah,

Wassalam.

By ajnasution Author Profile Page on November 10, 2009 9:28 PM

Salam Dr M,

Saya sangat tidak faham , mengapa mereka begitu bencikan Dr M Asri semenjak beliau memegang jawatan mufti lagi.....

-aj nasution-

By Abu Muaz Author Profile Page on November 10, 2009 9:21 PM

Assalamualaikum Tun

Pertama saya ucapkan terima kasih kerana menyentuh persoalan Ahli Sunnah Wal Jamaah di ketika sama badan2 Agama mula mempergunakan kuasa yg ada tanpa memberi penjelasan secara ilmiah.

Di Malaysia kita berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafie. Sejak akhir-akhir ini perkataan tersebut menjadi senjata didalam menghalalkan tindakan dan menjadi pertaruhan agar masyarakat ditekan untuk menerima apa sahaja yg keluar dari mulut golongan berpengaruh didalam bidang keagamaan.

Persoalan yg timbul benarkah Fikh Imam Syafie yg diamalkan di Malaysia benar-benar mengikut Imam Syafie. Cukup memalukan diketika kita bekerja keras agar masyarakat Malaysia

menguasai Bahasa Ingeris seterusnya menjadi maju didalam arus kemodenan tetapi persoalan agama pula terkebelakang disebabkan bab berkenaan fikh tidak berdasarkan kitab Imam Syafie.

Disini saya lontarkan kepada pembaca beberapa perkara agar kita berfikir samada kita sudah benar-benar memahami fikh imam syafie.

- 1.Benarkah solat kita mengikut imam syafie
- 2.Benarkan Imam Syafie mengatakan zikir selepas solat perlu berjemaah dan menyaringkan suara ataupun berzikir secara sendiri-sendiri.
- 3.Benarkah Imam Syafie membenarkan zakat fitrah dikeluarkan menggunakan duit.
- 4.Benarkan tatacara haji yg diuruskan oleh tabung haji benar-benar mengikut apa yang Imam Syafie fatwakan.
- 5.Benarkah Imam Syafie membenarkan bacaan yasin setiap malam jumaat secara berjemaah.
- 6.Benarkah Imam syafie menyuruh sembahyang hajat seperti yang diamalkan di Malaysia.

Persoalan Aqidah.

- 1.Benarkah Imam Syafie tidak mempunyai buku aqidah sehingga Malaysia terpaksa bergantung kepada Imam Asy'ari.
  - 2Benarkah Imam Syafie menganut sifat 20 bukan aqidah tauhid rububiyah ,uluhiyyah dan Asma' wa sifat
  - 3.Benarkah Imam Syafie tidak mengajar bab Allah di mana?(persoalan ini menjadi rumit bila menjadi fitnah seolah2 golongan ini mengatakan Allah duduk.)
  - 4.Bagaimana pula persoalan kuburi yang menjadi polemik masyarakat.
  - 5.Benarkah Imam Syafie tidak menentang ajaran tarikat dan tasawuf.
- Amat malang bagi umat islam di Malaysia kerana kita kekurangan mereka yang pakar didalam Aqidah dan Fikh Imam Syafie.Kebanyakan ulamak2 yg pakar ini berada di luar negeri dan berbangsa Arab .Malah lebih memburukkan buku-buku rujukan Imam Syafie sukar didapati dipasaran didalam bahasa Melayu. Justeru itu saya yakin saudara-saudara yg membaca tulisan ini anda juga tidak mempunyai buku2 karangan imam syafie berkenaan Aqidah dan fikhnya.Saya sendiri terpaksa mendapatkan terjemahan di negara sahabat utk mendapat buku-buku tersebut.

Kepada Tun saya pernah menyuarakan agar Tun ke hadapan didalam menangani permasalahan ini.Sekiranya Tun bertindak dari dahulu saya yakin Imam Syafie yg menjadi iktan kita dapat menyatukan umat Islam di Malaysia terutamanya Aqidah.Ini adalah kerana Aqidah 4 Mazhab tidak pernah bertentangan yang menjadi khilafiah hanyalah masalah Fikh sahaja.Imam syafie adalah mujtahid dan mujadid tidak mungkin beliau tidak meninggalkan fatwa2 agar menjadi penyuluh kepada umat islam.Mungkinkah saya hanyalah rakyat biasa dan sekadar menghantar coretan yang tak seberapa ini dianggap tidak perlu dilayan.Bagi saya dan keluarga sekurang-kurangnya saya sudah bertindak dengan memastikan Aqidah dan ibadah mereka selari dengan perjuangan Imam Syafie r.h .

Semoga Allah memberkati Tun dan keluarga.

By Rimba EmasAuthor Profile Page on November 10, 2009 9:20 PM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T

1) RIMBA EMAS BILA TERLEKA DARI MENGINGATI ALLAH S.W.T DAN MALAIKAT KIRI KANAN KITA PASTI MELAKUKAN SEKECIL-KECIL PERBUATAN MAKSIAT SEHINGGALAH TERSEDAR KEMBALI BILA MENINGATKAN DOSA DAN AZAB OLEH ALLAH S.W.T.

2) WALAU PUN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH TETAPI KALAU TIDAK MENGINGATI ALLAH S.W.T DAN MALAIKAT YANG MENCATAT SEGALA PERBUATAN KITA PASTI SYAITAN AKAN MENDAHULUI NIAT JAHATNYA

3) PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD S.A.W GOLONGAN YANG BEBAL PENGAJARAN AGAMA ALLAH S.W.T INI IALAH KAUM YANG MENYEMBAH BERHALA IAITU SUSAH MENINGGALKAN AMALAN NENEK MOYANG MEREKA.

4) MANAKALA YANG ENKGAR PERINTAH ALLAH S.W.T IALAH MEREKA YANG SOMBONG SERTA BERSIFAT DENGKI YANG MENEHAL DALAM DIRI MEREKA DENGAN MENILAI KETUHANAN MENGIKUT KEHENDAK HATI DAN Pandangan MATA MEREKA SAHAJA.

5) TIDAK SEMESTINYA GOLONGAN INI TIADA PADA ZAMAN KITA SEKARANG. LEBIH-LEBIH LAGI SEPerti YANG DIGAMBARAKAN DALAM AL-QURAN BAHAWA GOLONGAN INI SUKA BERBANTAHAN, SUKA MENKKAJI SERTA MEMPERSOAL DARI MELAKSANAKAN APA YANG DIPERINTAH OLEH ALLAH S.W.T.

6) MENGAJAR HUKUM ALLAH S.W.T WAJIB MENGATAKAN APA YANG ALLAH S.W.T KATAKAN DALAM AL-QURAN. MENKKAJI DAN MENGELUARKAN PENDAPAT ADALAH KATA-KATA MANUSIA YANG SEPATUTNYA MENJALANKAN PERINTAH SEPerti YANG DIKEHENDAKI DALAM AL-QURAN.

7) ADALAH LEBIH TEPAT KITA ADALAH PELAKSANA SEGALA PERINTAH OLEH ALLAH S.W.T DARI BERPERASAAN PENGANTI NABI AKHIR ZAMAN MUHAMMAD RASULLULLAH.( S.A.W )

WALLAHUA'ALAM

By wongAuthor Profile Page on November 10, 2009 9:18 PM

Salam Sejahtera,

Komen saya luar topik.

Mengapa Tun terus menunjukkan keputusan undian pengunjung blog Tun berhubung dengan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris?

Saya menyokong penuh pengajaran dua mata pelajaran itu dalam Bahasa Inggeris. Apakah dengan `pengaruh` Tun, dasar yang dimulakan oleh Tun dapat dikembalikan semula? Tun lakukanlah sesuatu sebelum terlambat.

Sekiranya pihak berkuasa enggan mendengar kehendak rakyat, saya menyeru penyokong dasar PPSMI menggunakan kuasa kita melalui kertas undi di pilihanraya nanti.

Terima Kasih.

By JaneTIAuthor Profile Page on November 10, 2009 9:10 PM

Tun yang dihormati,

Komen pendek sahaja dari saya.

1. Alasan yang selalu digunakan agar perbincangan mengenai perbezaan pendapat tidak diadakan adalah supaya mengelakkan perbalahan yang mudharat sesama muslim.

2. Mazhab Syafiee sudah turun temurun di Malaysia, maka mereka tidak mahu mengeruhkan suasana.

3. Namun saya meminta perkara ini dikupas dan dikaji kerana anak2 zaman akan datang adalah anak2 global yang akan mengembara sepelusuk dunia. Mereka tidak duduk di Malaysia sahaja.

4. Sudah banyak negara saya kunjungi dan jelas ada banyak perbezaan pendapat yang kecil2.

5. Asasnya rukun iman dan rukun islam sama. Teringat saya kata2 seorang ustaz di Makkah, " Jangan persalahkan orang yang sembahyang... kerana yang salah adalah orang yang tidak sembahyang"

6. Tun, sedangkan orang yang ada ijazah tinggi agama pun mereka cemuh, inikan pula kita yang tak setaraf dengan mereka.

7. Kalau Dr Asri nak buat parti politik baru, nak juga saya join.

8. Salam hormat Tun berdua. May ALLah bless you always.

By MadudAuthor Profile Page on November 10, 2009 8:50 PM

Assalamualaikom, Tun dan sekalian yang membaca.

MAZA harus terus dengan usaha beliau.

Bagi "mereka2" itu, sentiasa berlaga dengan pendapat orang lain.

Contoh Astora Jabat dulu. Sudah hilang entah kemana.

Kenapa di kata isu ini sensitif pula?

Ini soal hidup mati kita semua.

Kalau salah jalan....?

Kita pun boleh fikir sendiri dan pilih sendiri jalan mana yang kita nampak terbaik buat kita.

By cleffairyAuthor Profile Page on November 10, 2009 8:40 PM

Dear Tun,

When I read about this news a while ago, I was speechless. As far as i am concern, I don't think Dr. Asri did anything wrong but stated his opinion about Islam. He was arrested like a terrorist while he did nothing to terrorize others. Is speaking or having different opinion about Islam a crime now? Isn't following the lead without knowing the real reason one is following the leader is like jumping into a cauldron of hot soup?

Many people read the Quran, but how many of them really understood what is it all about? I've always questioned this. Many people in Malaysia just read the Quran without understanding the real meaning of it, as most do not even know Arabic. I wonder... I really wonder. Wouldn't it be more meaningful to understand Islam fully rather than just follow?

By KIMURAAuthor Profile Page on November 10, 2009 8:32 PM

assalamualaikum tun..

bg saya ape yang penting adalah rujuk al quran dan hadith.

hadith pulak bukan smue hadith leh kite terime

al quran juga perlu betul menginpretasinye, bukan sebarang je

dan ape yang penting adalah tak semestinye org tu belajar agama orang tu boleh suke2 translate al quran ikut suke dia je. tak kire la al azhar ke, uia ke, al bagai r...

kene ingt 1 je, kite manusia, bukan maksum mem nabi k...

pasal mazhab yang berbagai tu bukan semua bende kite leh ambik membabi buta...mereka jugs manusia..zaman lain plak tu...bangse lain plak..so kene nilai r..

ade otak pikir k...

tgnk r contoh kt mesia ni, orng agama sama agama pun tangkap sana tangkap sini, tuduh sana tuduh sini, x puas ati sana sini..rebut jawatan lain plak..

yang x bleh handle tu pakai serban bagi ceramah hentam sana hentam sini...ntah bende pikir pun aku x tau...

kate diri ustad...

sape dieorg tu?

blaja sampai pandai ckp arab tu...

tapi name pun manusia

busuk ati ttp ade..

so kesimpulannye

bab agama jangn wat main....

jangn cpt mengaku diri dh sempurna..

jgn kolot sngt pemikiran...

ingat orang putih dah sampai bulan..

kite sibuk pikir bende remeh..

jangn jadikan agama macam tahyul k..

By AZAauthor Profile Page on November 10, 2009 8:11 PM

A'kum

Kita tidak boleh mempersoalkan apa2 mengenai pendapat ulama. Kita hanya boleh terima dan tidak boleh membangkang. Ya, ulama bagaikan pemerintah diktator, tiada ruang untuk memberi pendapat. Meraka sahaja yang betul. Adakah mereka dapat menjamin kita syurga. Belum tentu diri mereka terselamat, dan sudah tentu mereka tidak dapat menyelamatkan orang lain melainkan diri mereka sendiri.

Kita ada akal, jadi kita perlu gunakannya. Jika kita tidak bersetuju, kita tidak perlu dipaksa untuk menerima pendapat mereka seolah2 mereka tidak pernah salah.

Tidak membaca qunut di dalam subuh tidak menyebabkan seseorang terkeluar dari Islam. Semua orang tahu ini cuma sunat. Tidak membaca wirid selepas sembahyang tidak juga membuat seseorang itu terkeluar dari Islam. Ini perkara remeh. Kenapa perlu menyusahkan orang lain yang tidak sependapat dengan mereka seolah2 perkara ini menyebabkan seseorang menjadi kafir. Saya pun tidak faham perangai manusia ni. Mungkin mereka tidak ada isu lain nak difikirkan agaknya jadi perkara remeh dijadikan isu negara. Buang masa saja.

A'kum.

By HOT ZOOMAauthor Profile Page on November 10, 2009 8:02 PM

Apa dah jadi ni Tun?

Apakah yang sebenarnya berlaku disebalik penangkapan Ust.Asri?

Adakah ini petunjuk Maha Esa diatas ketidak betulan yang berlaku di negara ini?

Umpama Tsunami melanda begitulah jua penangkapan Ust.Asri,umpama petunjuk Allah.

Wallahu'lam

Hanya Allah Yg Mengetahui

<http://www.zoompanas2.com>

By hairi nawiAuthor Profile Page on November 10, 2009 8:00 PM

asalamualaikum Tun,

saya sntiasa mengikuti artikel ustz mohd asri, kbykannya dikuatkan dgn hujah dr petikn ayat al-quran dan hadis. kritikan pihak berkenaan yg mengatakan ustz asri tidak berpandukan ahli sunnah waljamaah juga memang mengelirukan saya. jika pihak tersebut pandai sgt buatlah blog sdiri dan buat artikel2 yg boleh menguatkan hujahnya pasal agama yg berpandukan ASWJ dr semasa ke semasa spy kita boleh baca sdiri utk buat penilaian. berkenaan wahhabi pula sbilm percaya kena dgr dulu penjelasan dr dua2 pihak. pengkritik berkenaan kata utk tidak dilabel sbgai wahabi ustz asri guna label lain yg lebih terbuka. sdgkan dlm blog ustz asri beliau sudah beri penjelasan pasal wahhabi dan aliran pemikiran pengikutnya yg kita boleh nilai sdiri. memang benarlah kata ustz asri, bila senjata hujah org lain tewas maka senjata fitnah pula digunakan utk menjatuhkn seseorg. mcm Tun juga, tiada siapa dpt menafikan sumbangan Tun slama 22thn memerintah walaupun sbilm ni byk fitnah2 terhadap Tun dan label2 yg buruk diberikan pada Tun oleh mereka yg dengki dan iri hati dgn Tun.

By Akif AtanAuthor Profile Page on November 10, 2009 7:47 PM

Selamat Hari Raya Aidiladha Tun

By hamazAuthor Profile Page on November 10, 2009 7:46 PM

Aslmkm Tun, smoga sihat sjahtera...

saya pn heran, Dr.Asri mempertikaikan CARA DIA DITAHAN, BKN KNAPA DIA DITAHAN. Saya amat bersetuju dgn Tun sbb setahu saya dan spanjang saya mmbaca hasil penulisan beliau, xdak pn bukti yg dia brfahaman wahabi @ bkn pngikut ahli sunnah wal jamaah. saya pn x penah dengaq beliau menolak ijmak n qias seperti yg didakwa sbg fahaman wahabi..Saya trbaca dlm 1 akhbar baru2 ini, Dr.Mashitah brstuju dgn penahanan Dr.Asri, pelik jgk,dia x phm statement Dr.Asri ka? Dr.Asri cuma tak brpuas hati dgn cara dia ditahan dan dilayan sprti pnjenayah,2 ja..Hal ini x spatutnya brlaku sbb cara ini hnya mnjatuhkn maruah org sbg ilmuwan islam..

By RoyAuthor Profile Page on November 10, 2009 7:43 PM

Salam Tun,

Saya juga hairan bagaimana umat Isalam sekarang begitu sempit dalam menilai sesuatu. Saya sering teringat kata-kata Tun di masa lalu dimana kemusnahan umat Islam sekarang adalah berpunca daripada pendirian mereka yang mahu menjadi Islam yang lebih dari umat Islam yang lain. Maka berlakulah pembunuhan antara umat, yang sebenarnya bukan ajaran Islam, perpecahan idealisma antara mereka dan pelbagai lagi.

Kini, mereka yang mempunyai pengetahuan agama tidak dibenarkan bersyarah kerana ideologi politik yang berbeza. Apa nak jadi, semuanya dipolitikkan di Malaysia. Segala sesuatu!

Jika berterusan, maka rosaklah Malaysia - agama, bangsa dan negara.

By Azhar85Author Profile Page on November 10, 2009 7:39 PM

Tun..

Kata-kata Tun ada benarnya...kita sebenarnya sudah lupa pada ajaran basic agama Islam...

rukun iman ada 6:

- 1.Percaya kepada Allah S.W.T
- 2.Percaya kepada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul
- 3.Percaya kepada Malaikat
- 4.Percaya kepada Kitab Al-Quran
- 5.Percaya kepada Hari Kiamat
- 6.Percaya kepada Qada' dan Qadar

Sepatutnya kita umat Islam perlu lebih percaya kepada kitab Al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad S.A.W..

Bukan lebih percaya kepada ulama'- ulama' masa kini yang lebih mementingkan politik dan diri sendiri daripada agama Islam..

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on November 10, 2009 7:32 PM

Salam ayahanda Tun...

Benar apa yang dipersoal oleh Tun.. agama Islam kini kelihatan hanya eksklusif kepada golongan tertentu yang mempunyai kepentingan sahaja... jadi semakin mengelirukan.... ulama politik tidak ditahan pula..

By Jie Author Profile Page on November 10, 2009 7:16 PM

Salam Tun,

Saya sangat mengikuti perkembangan JAIS & PGSM v Dr Asri ini melalui blog Dr.Asri. Pada pendapat saya yang kebanyakan ini, mereka tidak pernah ceramah Dr Asri atau mungkin mendengar tetapi separuh jalan.

Yang pelik, sang penentang menambah2 apa yg tidak ada atau mungkin tidak pernah disebut Dr Asri di dalam ceramahnya, bodoh sungguh orang yg mengata Dr Asri mengajar sesuatu yang sesat kerana boleh mendengar sendiri di dalam Internet semua siri ceramah, semua berdasarkan quran & sunnah, malah hadis yg ditolak Dr Asri adalah kerana ada disebut di dalam sunnah, jadi blh tanya diri sendiri.. mana lagi prevail.. hadis ulama' @ sunnah nabi?.. ntahla Tun, saya bukanlah pakar di dalam hukum agama namun pengetahuan yg saya perolehi dari ceramah Dr Asri banyak membantu saya membezakan mana adat dan mana hukum.

Saya pun tak faham kenapa JAIS perlu memberikan layanan seumpama penjenayah kepada Dr Asri sedangkan dia adalah ahli majlis fatwa, bekas mufti dan ilmuwan agama. Kalau benci sangat pun, layanlah dengan hormat sesama muslim, sebagai orang yg tinggi agama.. bukankah Islam menyuruh manusia berbaik2 antara mereka?

Semoga tuhan menolong orang2 yang benar.

Salam Tun, semoga dilimpahi rahmat & kesihatan berpanjangan..Amin.

By ibn radziah Author Profile Page on November 10, 2009 7:12 PM

assalamu-'alaikum wrh wbt.

Dear Tun,

Dalam hal ini saya rasa perlu ditekankan sikap kita. Dalam masalah cabang selagi mana boleh dibahas, hujah dibalas dengan hujah, maka kita perlu raikan. Jangan rasakan duani 'ana yang punya'.

Toleransi, Bertolak ansur, berlapang dada, tashammuh perlu ada. Mana commen sense kita sebagai golongan terpelajar..

Tepuk dada tanya Iman, akal.

Saya rasa artikel di laman blog saya sesuai untuk menjawab, atau penambahan bagi apa yang disebut oleh Tun. Jazakallahu khairan katheraa.

Asri: Dilema Orang Berjuang. <http://puteraazhari.blogspot.com/2009/11/asri-dilema-orang-berjuang.html>

By buntat Author Profile Page on November 10, 2009 7:04 PM

Salam ayahanda Tun, Abang2, kakak dan rakan2 sekalian  
semoga sentiasa dalam rahmatNYA.

Tun..

saya tidak boleh berbicara tentang hal ini, tentu saja bukan kerna terlalu jahil atau ilmu yg cetek, tapi apa yang lebih utama ialah tauliah

TAULIAH?

saya belajar agama semasa di sekolah dan bila da kerja mendengar ustaz memberi ceramah selepas subuh dan maghrib di surau, saya berdoa agar ustaz yg memberi ceramah itu mempunyai tauliah kerna isi ceramah beliau adalah tentang agama islam dan banyak memberi kesedaran pada saya.

kalau takda tauliah nanti kena tangkap..err..perlu ke saya pergi tanya ustaz tu ada tauliah ke tidak?

semalam ada adik saya tanya pasal hukum keluar antara lelaki dan perempuan bukan muslim...nak jawab..tapi saya takde tauliah...

Semoga kita berada di landasan yang benar

daripada 73 golongan..hanya 1 yg benar..

By Gaban-ZAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:48 PM

Tun dan pembaca2 blog che det,

1. Agama Islam di M'sia bukan tidak boleh dipersoalkan, tetapi perlu lah menurut adab dan kaedah yang betul.
2. Saya akui jumlah anggota polis dan pegawai JAIS agak keterlaluan. Tetapi memandangkan Dr Asri punya pengaruh dan jumlah pengikut yang besar, tidak salah bagi mereka untuk bersiap sedia sekiranya ada apa-apa kejadian yang tidak diingini terutamanya dari pengikut2.
3. Islam hadhari tidak menyentuh permasalahan aqidah atau fiqh. Please compare apple to apple!
4. Perbezaan pendapat bukan perkara baru dalam Islam. Sejak kewafatan baginda rasulullah S.A.W lagi. Cuma samaada berlebih-lebihan atau mengikut adab-adab berikhtilaf. Yang berlebih-lebih tu la yang duk buat bagi bergaduh sesama sendiri.
5. Masalah dengan Dr Asri ni, dia yang sebenarnya tidak meraikan perbezaan pendapat dalam agama. Dr Asri boleh mempunyai pendapat yang berbeza tetapi beliau perlu tahu adab-adab berikhtilaf. Jangan mudah membid'ah-kan orang. Membid'ah-kan orang sama la dengan orang PAS mengkafirkan orang UMNO.
5. Apa itu bida'ah? Bid'ah adalah sesat? dan apakah sesat? Sesat tu masuk neraka jahannam. Takkan kot sampai buat tahlil, baca yasin malam jumaat semua tu masuk neraka? Kalau mengikut pendapat Dr Asri, majoriti rakyat M'sia termasuk Tun pakat2 semua masuk neraka nanti.
6. Banyak buah fikiran Dr Asri yang bagus. Yang saya cukup setuju. Tapi kurang2kan lah membid'ah-kan orang. Itu saja permintaan saya. Harap Tun dapat menasihiti beliau.

By radhiahAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:47 PM

Assalamualaikum, Tun yang dikasihi

Saya tertarik dengan kenyataan Tun bahawa yang dirujuk sebagai sumber ialah Quran dan Hadis. Pandangan ulama walaupun mereka pewaris Nabi tidak semestinya 100% betul.

Saya terbaca ada orang membuat perumpamaan bahawa Quran dan Hadis ibarat Kaabah. Ulama pula diibarat bintang.

<http://abuamair1.wordpress.com/2009/02/27/mencari-kiblat-di-depan-kaabah/>

By jasaAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:39 PM

Salam semua,

Bezanya Tun Dr Mahathir dengan MEREKA itu adalah Tun sentiasa meletakkan dirinya sebagai seorang yang tidak tahu segala-galanya sebaliknya MEREKA itu bercakap dan bertindak seolah-olah MEREKA tahu dan betul segala-galanya.

Hanya Tuhan Maha Mengetahui

By yeop zarulAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:36 PM

urmmm,

askm Tun,

tertarik dengan perenggang ke 13.... teringat apabila berhujah dengan golongan 'TOK GURU' tergantung diakhiri dengan cara nih....lol

By anymosAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:34 PM

salam tun, semoga sihat selalu, saya pun jahil bab2 ni semoga sentiasa diperdebatkan selalu bab2 mcm ni. Yang pasti orang yang pandai agama akan menang.

Rileks minda

<http://lawak2day.blogspot.com>

By gludokAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:15 PM

Salam Tun. Seingat saya tauliah diperlukan/dikuatkuasakan kerana sebelum ini ramai pendakwah berselindung disebalik nama pendakwah bebas tetapi bila dapat mikrofon terus jadi penceramah PAS, pecah belah masyarakat timbul permusuhan, kafir mengkafir. Biasalah PAS, nak bagi nampak lebih Islam depa kafirkan dulu orang lain. Yang Dr Asri ni mana ada kafirkan orang, tak cerita politik pun. Seingat saya juga dia ada tegur satu puak yang dulu kafirkan orang tetapi sekarang kafirkan diri sendiri. Puak ni dulu tuduh pengikut satu parti kafir sebab berkawan dengan parti cina dan india. La ni depa lagi teruk bekawan dengan parti yang terang2 memusuhi Islam. Bukan kafirkan diri sendiri ke tu. Saya tunggu komen Tun atau Dr Asri berkenaan dengan pemain bola sepak yang tak tutup aurat tetapi Tok Guru bagi hadiah pergi umrah. Dulu waktu mula2 dapat Kelantan bukan main lagi pasukan bola pun kena tutup aurat. La ni hampeh..

By shahrulAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:14 PM

kenapa tak tangkap:

1) pengajar teori darwin "the origin" yang bercanggah dari al-quran & al sunnah. Tetapi boleh diajar didalam pelajaran sejarah sekolah menengah!

2) pengajar teori planet ke-8 dalam sistem solar yang bercanggah dari al-quran.

- 3) pembuat & penjual arak carlsberg yang mempunyai shareholder kerabat negeri sembilan dan tan sri melayu
- 4) pengamal riba yang terdiri dari bank-bank malaysia & pekerja-pekerja melayu islam yang bercangah dengan al-quran.
- 5) Ketua-ketua Islam yang zalim, dajus & jahil
- 6) Pegawai-pegawai Jais/Mais yang zalim dalam penggunaan duit zakat selangor bernilai jutaan ringgit setiap tahun

c.c.

1)Allah S.W.T

2)Mungkar & Nakir

By uraniumsAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:14 PM

Salam Tun,

Saya mengikuti isu mengenai Dr Asri dan akhirnya membawa kepada penangkapan beliau.

Apa yang berlaku mengenai penangkapan tersebut telah dikaitkan Dr Asri tidak mempunyai tauliah tetapi isu sebenar ialah "perbezaan pandangan"

Sebenarnya perbezaan pandangan dalam Islam telah lama berlaku. contoh antara golongan tua dan muda, antara Imam Ghazali dan Ibn Sina dan banyak lagi. Apa yang berbeza ialah pandangan alam atau world view iaitu cara pandang menurut perpektif Islam.

Islam yang turun membekali manusia dengan ilmu yang mengajarkan pandangan-pandangan (view) fundamental tentang Tuhan, kehidupan manusia, alam semesta, iman, ilmu, amal, akhlak dan sebagainya. Dengan ilmu seperti itu, Islam kemudian merupakan agama (din) dan sekaligus peradaban (madaniyyah) yang memiliki struktur konsep (conceptual structure) yang disebut pandangan alam (worldview).

Pandangan alam ialah bagaimana cara pandang terhadap segala sesuatu dan secara epistemologi ianya dapat berfungsi sebagai framework dalam mengkaji segala sesuatu. Keyakinan tentang sesuatu perkara di dasari oleh ilmu pengetahuan (epistemologi), Dari pengetahuan yang didapati itu, maka terbentuklah sebuah 'pandangan alam' dan dari pandangan alam ini muncullah sebuah ideologi. Perbezaan antara pandangan alam akan membawa kepada perbezaan ideologi. Dengan kata lain, pandangan alam adalah "teori" dan ideologi adalah "praktikal" dari sebuah pemikiran

Kitab Allah SWT itu terdapat di dalam dua bentuk iaitu kitab yang bertulis dan kitab yang tak bertulis. Bagi kitab yang bertulis ianya dapat difahami dengan tafsir sementara kitab yang tak bertulis difahami dengan Ta'wil. Ta'wil ini memerlukan daya intelektual dalam mengkaji segala sesuatu termasuk fenomena-fenomena alam

Proses turunya wahyu itu sendiri dari sejak di Mekah hingga Madinah ternyata menyimpan kronologi pembentukan idea dan pandangan masyarakat. Kronologi sejak dari mula turunnya wahyu hingga terbentuk tradisi intelektual dan peradaban Islam dapat dibahagikan kepada dua fasa yang penting. Fasa pertama dimulai di Mekah dan peranan Nabi dalam menyampaikan dan

menjelaskan wahyu itu. Fasa pertama ini penting kerana hampir 75% daripada wahyu turun di Mekah (iaitu 85 surah daripada keseluruhan surah). fasa kedua ialah fasa di Madinah

Fasa di Mekah itu adalah fasa yang penting kerana pada fasa tersebut Allah SWT mengajar manusia mengenai pandangan alam dan memperkenalkan diri sebagai Tuhan seru sekalian alam

Fasa di Madinah lebih membicarakan mengenai hubungan sesama manusia. Iaitu cara bersosial, berurusanniaga atau menjurus kepada amalan kehidupan. Pada fasa inilah yang menimbulkan salah faham dalam umat Islam sehingga hari ini. Selagi banyak perbezaan yang dapat diberikan, maka akan dianggap sebagai tokoh atau jaguh. Hakikat sebenarnya yang ditekankan ialah amalan atau bagaimana persiapan menghadapi hari akhirat.

Pandangan saya mengenai Dr Asri ialah beliau lebih banyak mencari perbezaan-perbezaan pandangan yang terdapat dalam Islam agar dapat diketengahkan dalam masyarakat. Selagi banyak perbezaan yang beliau dapat kemukakan berserta dalil-dalil maka beliau akan dianggap sebagai tokoh ilmunan. Sedangkan perkara ini telah lama dibincangkan oleh ulama terdahulu dah sudah diselesaikan. Perbezaan yang beliau kemukakan menjurus kepada fasa di Madinah sebagaimana yang diterangkan di atas tadi.

Pada usia Dr Asri 38 tahun, beliau mungkin memiliki I.Q tetapi tidak memiliki Emotional Quotion (E.Q). Keilmuan itu bukan terletak kepada ijazah doktor falsafah sebab Ibnu Sina, Imam Ghazali, Al-kharizmi, Albert Einstein, Thomas Elba Edison dan banyak lagi tokoh yang tidak memiliki ijazah PhD.

Peranan beliau satu ketika dahulu sebagai mufti sepatutnya mencari persamaan dan menyatukan masyarakat agar Islam itu dapat dilihat sebagai satu agama yang harmoni, menyebabkan masyarakat non-muslim tertarik dengan Islam, meningkatkan produktiviti umat Islam ke arah mencari ilmu. Akibat daripada perbezaan pandangan yang beliau nyatakan dalam akhbar, ceramah, blog dan lain-lain lagi menyebabkan berlaku perpecahan dalam masyarakat. Masyarakat Islam waktu ini makin bercelaru. Apakah perbezaan yang Dr Asri utarakan ? isu mengenai bacaan Qunut dalam solat subuh, wirid selepas sembahyang, membaca Yasin malam jumaat. Iaitu yang remeh temeh mankala dalam waktu masyarakat Islam bertelingkah mengenai isu ini, Yahudi, Amerika, German giat menjalankan penyelidikan. Meneroka rahsia alam, mempertingkatkan taraf hidup mereka melalui penggunaan sains dan teknologi, pendidikan dan banyak lagi.

Perbezaan pandangan atau komen2 yang Dr Asri nyatakan dalam tulisan beliau mungkin telah disalahtafsir oleh ahli masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Untuk menimbulkan perbezaan pandangan Islam dalam masyarakat amat mudah, timbulkan sahaja perbezaan-perbezaan daripada ajaran yang sedia ada maka akan banyak pengikut kita.

Metod inilah yang digunakan oleh Al-Arqam, Ayah Pin, Rasul Melayu. Mereka akan timbulkan perbezaan fahaman atau pandangan daripada apa yang ada sekarang ini maka akan adalah lah pengikut masing-masing.

Perbezaan pandangan ini boleh diadakan tetapi dikalangan mereka yang ahli. Sebagai contoh ahli kimia tidak boleh menyatakan pada masyarakat bahawa air dan minyak boleh bercampur sebab sudah ada pepatah Melayu mengatakan " air dan minyak tak akan bercampur". Tetapi isu ini menjadi biasa dikalangan ahli kimia kerana air dan minyak boleh bercampur dengan menggunakan bahan ketiga iaitu "surfactant"

Dr Asri sepatutnya memberi ceramah kepada Ahli Metafizik, Ahli Epistemologi, Ahli Semantik, Ahli Sufi yang boleh berhujah dalam bentuk Islamic Worldview. Bukan kepada ahli politik atau ustad-ustad atau orang awam.

Seperkara lagi banyak lagi rakyat Malaysia ini terdiri dikalangan mereka yang hebat-hebat dari segi keilmuan dan amalan tetapi mereka ini mengikut rasmi padi "makin berisi makin tunduk"

Isu tauliah itu hanya dijadikan "wayang kulit" sahaja tetapi isu terbesar ialah "perpecahan di kalangan masyarakat Islam'

Jabatan agama Islam ketika ini boleh dilihat terdiri daripada ustad-ustad yang dilihat tidak profesional dari segi keilmuan.

Wallah hu alam

By LiaAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:11 PM

Salam Tun,

Walaupun dakwaan JAIS yang Dr.Asri tu takder permit/kebenaran nak bagi ceramah kat Selangor, tapi untuk tujuan dakwah, jgnlah birokrasi sangat..bukannya ajar ajaran sesat pun...

Banyak lg kes2 yang lagi penting, yang boleh merosakkan akidah, takder pulak tindakan..kalau ada pun setakat Lepas Batuk Ditangga jee..

Mcm Dr.Asri, ckp la..ada tangan bunian main peranan nih kot...For me i agreed wit Tun advise, Dr Asri kena neutral supaya rakyat respect dia...  
my 2 cent..

<http://beliinsurankeretaonline.blogspot.com/>

By anak2chedetAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:08 PM

Salam sejahtera buat Ayahanda dan keluarga semoga diberkati Allah s.w. hendaknya.

Dengan izin,

Terasa sedihnya hati ini, bila saya ditanyakan oleh seorang kawan berbangsa cina, katanya "Mengapakah orang Islam suka bertelingkah pasai agama, sedangkan semua orang Islam wajib berpandukan ajaran daripada kitab yang satu (Al-quran) dan Rasul (Muhammad) yang satu".

Jawapan saya kepadanya: "Sesungguhnya mereka2 ini tidak kenal akan Tuhan mereka..., maka mereka itu sombong dan bongkak dengan ilmu2 mereka, sesungguhnya mereka adalah orang yang rugi...!"

Semoga kita tidak termasuk didalam golongan yang dimurkai oleh ALLAH swt. Amin.

By BubblesAuthor Profile Page on November 10, 2009 6:00 PM

Assalamualaikum Tun and fellow bloggers.

Terima kasih Tun kerana memilih tajuk ini.

1. Kerajaan sememangnya harus berwaspada terhadap pendakwah pendakwah Islam muda kerana terdapat satu rancangan jahat oleh musuh musuh Islam untuk menyesatkan dan merosakkan akidah umat Islam. Mereka menggunakan macam macam pendekatan dan taktik untuk menjayakan rancangan jahat mereka dan orang muda yang melanjutkan pengajian dinegara Barat termasuk pengajian Islam diuniversiti dinegara Barat sering dipergunakan untuk tujuan itu. Kementerian yang bertanggung jawab sepatutnya mengikuti dengan teliti ceramah ceramah mereka dan kumpulkan bukti sebelum mengambil tindakan agar tidak memakan diri sendiri kerana masalah ajaran sesat ini harus ditangani segera sebelum terlambat.

2. Saya minta kerajaan dan kementerian kesihatan agar membuat kajian tentang baja yang digunakan dalam tanaman tanaman yang menyebabkan sayur sayuran dan buah buah membesar dengan size yang luar biasa dan juga ubatan ubatan dan vaksin yang digunakan atas orang Islam. Baru baru ini para scientist Barat ada mengeluarkan laporan bahwa berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat persamaan antara gene manusia dan gene babi dan dgn itu mereka akan gunakan bahan dan organ babi untuk perubatan dan sebagainya. Orang Islam harus prihatin dan mengambil berat tentang soal pemakanan kerana ia membentuk peribadi kita, anak anak kita dan generasi kita. Saya pernah kemukakan masalah ini dalam blog ini beberapa bulan yang lalu dan kini laporan yang dikeluarkan ini meyakinkan lagi bahwa baja yang digunakan besar kemungkinan mengandungi enzyme babi. Musuh musuh Islam tidak akan senang hingga kita ikut seperti mereka.

3. Saya percaya bertambahnya golongan homosexual dikalangan orang Islam sejak kebelakangan ini bukan saja disebabkan oleh pengaruh rakan rakan dan persekitaran tapi juga oleh pemakanan. Pemakanan yang mengandungi bahan atau gene yang dapat merosakkan fitrah manusia yang Allah jadikan.

4. Saya amat berharap demi bangsa dan ugama agar kerajaan buat kajian tentang pemakanan yang terdapat dinegara ini.

By PembelaAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:42 PM

Assalammualaikum Tok Det.

## ISLAM YANG SEBENAR.

1. Saya masih ingat dulu Tok Det pernah menyarankan kita mesti mengamalkan "Islam Fundamental Yang Sebenar".
2. Amalan dan ajaran Agama Islam sebenar yang diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
3. Ilmu saya pun tak tinggi mana dalam bab agama. Tapi pada pendapat saya sepatutnya kita diberikan ruang mengkaji dan membincangkan selain daripada Rukun Islam yang 5.
4. Sekarang terdapat banyak ajaran dan tafsiran dalam Islam. Mazhab dalam Islam sendiripun ada 4. Setiap mazhab mempunyai tafsiran yang berbeza. Ajaran pula terbahagi kepada sunni dan syiah. Perkara wajib, sunat, makruh, haram, halal, aurat, bidaah berbeza-beza dan tidak seragam. Hinggakan perkara-perkara membatalkan air sembahyang, jenis air, wuduk, mandi wajib dan lain-lain bercampur-aduk macam rojak. Begitu juga perayaan-perayaan dan majlis-majlis sambutan agama dan bermacam-macam lagi. Semuanya berbeza-beza.
5. Maka ajaran dan amalan umat Islam berlainan mengikut tempat dan mudah berubah-ubah mengikut masa dan zaman.
6. Jurang perbezaan ini semakin bertambah besar dan terus melebar. Umat Islam tidak lagi merasa persamaan di antara mereka. Mereka seperti tidak lagi "bersaudara" kerana amalan yang berbeza-beza.
7. Perbezaan ini digunakan oleh syaitan dan musuh-musuh Islam untuk melaga-lagakan umat Islam.
8. Perang Iran-Iraq, perang sunni dan syiah sekarang di Iraq, perang Taliban dan Pakistan, pergolakan di Palestin, Jordan, Sudan, Somalia dan lain-lain semuanya berpunca dari perbezaan-perbezaan ini.
9. Rasanya memang benarlah seperti dikatakan ramai bahawa di akhir zaman nanti ramai ulama dibunuh kerana mereka sendirilah yang menjadi punca perpecahan Umat Islam.
10. Pemimpin dan ulama Islam sentiasa suka membincangkan dan mempertahankan perbezaan di antara mereka. Bukannya berusaha mencari persamaan dan mengeratkan persaudaraan. Sebab itu nak putus sambutan Hari Raya pun nak bertekak!

Tidak bolehkah semua perbezaan dihapuskan dan kita Umat Islam kembali kepada ISLAM YANG SEBENAR!

Semoga ALLAH sentiasa merahmati dan memberikan petunjuk kepada kita. Alfatihah...amin.

PEMBELA

<http://pembelamelayu2009.wordpress.com/>

By mohd syawal tcpAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:24 PM

slm kepada Tun dan rakyat malaysia.

malaysia sering berbangga dengan statusnya sebagai sebuah negara Islam. namun begitu adakah ajaran Islam itu benar-benar diamalkan di negara kita?? Rakan- rakan bukan islam memperlekeh ajaran Islam kerana ajaran Islam tiada beza dengan ajaran mereka. Cuma Islam tidak boleh makan babi. Hal ini perlu diberi perhatian serius terutamanya kepada ilmuan atau ulama islam yang yang menyebarkan ajaran islam yang sebenar kepada semua orang. janganlah disebabkan oleh kepentingan peribadi maka orang yang bercakap benar didakwa dan dan diheret ke mahkamah atau ditangkap. Memang benarlah kata orang, yang benar selalu pahit didengar, hanya kata-kata yang manis atau ayat-ayat bodek sahaja yang baik dan betul. sedarlah rakyat malaysia@ muslimim dan musliman malaysia, dunia hanya sementara. yang kekal hanyalah amalan dan ketakwaan kita terhadap pencipta kita.

By nodosAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:21 PM

salam yang berbahagia Tun,

sejak dulu, dalam ceramah-ceramah Tun, byk kali Tun tekankan yang agama islam ini telah byk disalahtafsirkan.selama 1400 tahun umur agama ini, byk pembunuhan, peperangan yang berlaku disebabkan oleh perbezaan dalam tafsiran agama.

banyak juga tulisan tun yang memandu umat ini kembali kepada fundamental ajaran ini sehingga tun sendiri mengisytiharkan diri tun sebagai fundamentalist.

salah satu petikan Tulisan tun ialah, Tun ada menyebut tentang peristiwa semasa peperangan di zaman nabi.salah seorang sahabat ingin memenggal kepala tentara musyrik ketika itu, tetapi kafir tersebut menyebut kalimat syahadah, sahabat tersebut tetap ingin meneruskan niat untuk memenggal kepala kafir tersebut kerana mereka merasakan si kafir ini tidak ikhlas, mengucap semata-mata kerana takut dipenggal lalu dihalang rasullullah.cukup kalimat shahadat itu sebagai syarat yang paling asas untuk masuk islam, ikhlas atau tidak kembali kepada tuhan untuk menentukannya.

tetapi harini, mereka yang islam ialah mereka yang memakai jubah, janggut dan serban.mereka yang islam ialah mereka yang boleh berbahasa arab dan menyebut ayat quran dan hadis tanpa memandang kepada teks.hanya ulama' dan ustaz yang boleh membaca tafsiran Quran. orang awam dianggap tidak layak dan berdosa bila mempersoalkan ajaran agama ini.lalu umat islam hanya bergantung kepada tafsiran sempit ulama2 ini walaupun umum mengetahui ulama' hanya dan sgt menekankan bab fikah dan syariah tanpa menggerakkan sebarang usaha untuk memurnikan akidah islam, menggalakkan perniagaan.setakat ini, tiada seorang ulama' pun yang terlibat dengan pelbagai aktiviti perniagaan dan perusahaan terutamanya makanan kecuali

sebahagian mereka yang membuka pusat2 perubatan untuk menghalau jin dan saka dengan membekalkan air jampi tanpa mengubati punca kepada pelbagai masalah umat islam.

dan apabila umat islam ditimpa pelbagai bala.mereka hanya mempromosikan sembahyang hajat di stadium dan membaca yasin. tetapi sedarkan mereka berjuta umat islam mengerjakan ibadah haji dan berdoa di makkah untuk kesejahteraan umat ini.tetapi sehingga ke saat ini, umat islam masih ditimpa kecelaruan dan kekeliruan yang maha dasyat.

By Redhuan D. OonAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:21 PM

Tun,

The image of our Islam seems to take a bashing each time we turn our heads. I remembered once the ex-US Attorney General, Ramsey Clark toured the world and came here to speak out against his own country - US invasion of Iraq in 1990. When asked why is the West demonising Islam, he replied,

"Because you muslims are too many. Muslims are everywhere, in so many countries..."

But today in Malaysia i guess we are doing the West's duty for them. We are demonising ourselves and confusing others at the same time.

Redhuan D. Oon

Pendatang Dengan Izin

By ZulfadzliAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:21 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya pernah mengkagumi Dr Asri sebelum beliau ditangkap.

Pandangannya mempunyai logok yang diterima akal beserta dengan nas dan hadis. Kita sedia maklum bahawa Al-Quran diturunkan kepada manusia dan dari pemahaman bacaan, maka manusia mentafsirkannya. Inilah tanda Al quran itu agama langit. Diturunkan Zabur, Taurat, Injil dan akhirnya Quran mengikut kesesuaian pemikiran manusia disesuatu zaman.

Didalam Kristian terdapat 3 Tuhan, iaitu Tuhan, Anak Tuhan dan Kuasa Spiritual. Mengapa ada 3? Kerana manusia mentafsirkan ayat kitab suci mereka dan kemudian mereka bertanya. Apabila manusia bertanya, manusia juga yang menjawab. Apabila tidak tahu menjawab, maka manusia merekacipta jawapan untuk memuaskan pihak yang bertanya.

Berbalik kepada Islam, Al quran tersebut sungguh muktamad isikandungannya, sayangnya manusia mempunyai tanggapan dan pendapat berbeza. Selagi kita tidak menjisimkan Allah, maka perbezaan dari sudut amalan dikira tidak menyimpang. Ini yang saya faham dari pembacaan yang cetek.

Apa yang dikhuatiri oleh pihak JAIS, mungkin soal memberikan jawapan wahabi, iaitu melalui sudut dan pemikiran baru. Orang zaman dahulu membesarkan kita dengan cara autokratik. Jangan bertanya dan terima sahaja apa yang diajar. Maka golongan wahabi akan memberikan

jawapan dari sudut yang baru dan menimbulkan ketegangan pendapat. Maka adalah dikhuatiri golongan muda akan menjadi bingung dan tidak tahu apa yang perlu diikuti.

Menjadi kerisauan saya apabila kita perlu bertelingkah lagi dalam sudut amalan dinegara ini. Contohnya membaca doa qunut dalam solat subuh. Apakah susah sangat kita hendak membacanya? Bukankah kita diajar, jika kita buat extra, maka kita akan mendapat keberkatanNya?

Diluar sana, terdapat perbincangan yang berkaitan dengan apa yang dipanggil sebagai PLURALISME. Ini yang diperjuangkan oleh golongan Islam Liberal. Mereka mencari titik persamaan diantara agama. Golongan ini cuba untuk menunjukkan betapa islam itu tidak membebankan dan amat sinonim dengan kehidupan masa kini. Tetapi disalahertikan oleh golongan tua kerana beranggapan ianya menyalahi akidah. Maka saya rasa Dr Asri walaupun bukan mengamalkan Islam Liberal tetapi berjaya menarik hati mereka yang ingin mengenali agama Islam.

Tetapi apa yang saya kesalkan ialah, ternampak seolah-olah dr Asri menjadi riak dengan kedudukannya. Maafkan saya tetapi itu interpretasi saya. Undang2 menekankan bahawa setiap penceramah perlu mendapat tauliah. Sekiranya beliau tidak mendapat tauliah, dan meneruskan ceramahnya, bukankah beliau melanggar undang2? harap Dr Asri dapat fikirkan.

Seterusnya saya menjadi sedih kerana agama lain akan melihat Islam sebagai agama yang belum kukuh kerana terdapat banyuak "bugs". Tidak ada benda lainkah yang boleh kita bincangkan seperti kaedah untuk meningkatkan syiar Islam? daripada berbincang tentang amalan yang tiada kesudahannya? Maka sekali lagi kita menjauhkan keinginan orang bukan islam untuk mendekati islam.

Harapan saya, marilah kita semua mencari kekuatan untuk meneguhkan kekuatan agama ini seterusnya mengukuhkan ekonomi Islam yang mampu memimpin dunia.

ikhlas,

<http://reformasimindaguru.blogspot.com>

By BilisAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:19 PM

Tun,

Untuk mengelakkan kekeliruan terutamanya di kalangan orang yang kurang arif, saya percaya perkara yang melibatkan terjemahan yang berbeza di dalam sesuatu hukum Allah adalah lebih baik dilakukan secara tertutup dikalangan bijak pandai terlebih dahulu sebelum dihebahkan atau masyarakat umum diundang sama untuk berbahas.

Para bijak pandai tersebut hendaklah terlebih dahulu mempunyai sikap terbuka untuk mendengar hujah dan terjemahan berbeza dari bijak pandai yang lain.

Saya sedar ini bukanlah mudah direalisasikan kerana seseorang itu semestinya terlalu percaya kepada hujahnya sendiri, dengan sebab itulah dia mengemukakan hujah tersebut.

Dr Asri dengan hujahnya (kerana dia percaya sedemikian rupa), manakala pihak yang lain kurang senang (kerana selama ini mereka berlandaskan hujah yang berbeza).  
Ada yang mengimbau liku kepayahan junjungan besar Nabi Muhammad saw sebagai utusan Allah membawa Islam ke dunia, yang secara tidak langsung cuba mengibaratkan halangan yang si penghujah hadapi serupa seperti yang Rasullulah saw hadapi.  
Tapi si penghujah ni perlu berfikir, pihak yang satu lagi juga memikirkan perkara yang sama. Hentikanlah mengelirukan masyarakat dengan hujah sebegini.

Panel bijak pandai ini perlulah seimbang jumlahnya dari segi aliran dan latarbelakang mereka. Jika perlu, panel perlulah menjemput pandangan para bijak pandai dari latar belakang berlainan juga. Contohnya, libatkan saintis jika sesuatu yang diterjemahkan itu menjadi lebih mudah terurai melalui ulasan sains.

Si bijak pandai yang membawa pandangan berbeza tersebut perlulah juga bersikap terbuka dan bersedia menerima pandangan bijak pandai yang lain sekiranya hujahnya sendiri adalah 'lemah'.

Adalah penting sebarang persetujuan kepada sesuatu perkara yang dibahaskan perlulah disimpulkan berdasarkan kekuatan sesuatu hujah dan bukannya kepada majoriti semata-mata.

Setelah persetujuan dicapai di kalangan bijak pandai, keputusan hendaklah disiarkan kepada umum bersama-sama dengan hujah yang menyokong dan menyanggah; dan menerangkan bagaimana kesepakatan itu dicapai.

Perbincangan tertutup di kalangan yang terpelajar adalah untuk mengelakkan golongan yang kurang arif membuat terjemahan mereka sendiri yang mana boleh membawa kepada kesesatan. Little knowledge is dangerous.

Saya ada beberapa rakan beragama Islam dari luar negeri. Ramai yang saya jumpa menterjemah AlQuran melalui pandangan peribadi mereka sendiri. Contohnya menghalalkan wain jika si peminum tak mabuk.

Keadaan sebegini mungkin berlaku jika perbahasan dilakukan terlalu terbuka, kerana akan ada orang yang akan 'cherry pick' sesuatu isu mengikut selera mereka.

Kemuliaan Islam dikalangan di mata yang bukan Islam juga perlulah dijaga. Ini berkaitan persepsi.

"Kekacauan" di kalangan orang Islam boleh menyebabkan Islam dipandang tidak lengkap oleh mereka.

Contohnya, kekecohan berkaitan amalan Yoga yang dibuat beberapa ketika dahulu menyebabkan beberapa rakan saya yang bukan Islam terperanjat dan menanyakan 'Adakah Islam tidak jelas?'

Dalam kes Dr Asri, penangkapan tanpa alasan yang benar-benar jelas dan wajar sepatutnya tidak berlaku.

Diharapkan mereka yang terlibat (yang saya percaya mempunyai hujah mereka tersendiri) dapat duduk berbahas dengan Dr Asri untuk mencari penyelesaian, dan yang pentingnya kedua-dua pihak mestilah bersikap terbuka jika benar-benar mahu mencari penyelesaian.

Saya harap Tun tarik balik artikel 'Ahli Sunnah Wal Jamaah' ini jika sekiranya ia mengundang komen-komen yang boleh memesongkan dari bloggers atau pun yang mula menghina Islam. Jika tidak, saya rasa ia akan membawa lebih keburukan dari kebaikan.

Seperti yang Tun sedar sudah lumrah manusia akan lebih senang kepada perkara yang menguntungkan mereka sendiri. Kalau tidak tak kan ramai yang membantah Sekolah Wawasan tapi begitu bersetuju jika identifikasi 'Bangsa' dikeluarkan dari borang-borang yang mereka isi.

Salam Tun.

By sedAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:03 PM

Assalamualikum Tun,

Dinegara kita yang kecil ini ada berbelas mufti dan enekmen kekeluargaanislam pun tidak sama antara negeri. Contohnya ada negeri yang mengharamkan rokok dan ada yang tidak. Begitu juga ada negeri yang mewajibkan zakat gaji dan ada yang tidak. Sedangkan semua negeri (kecuali perlis) ini mengamalkan mazhab syafie. Lagi pelik semua pegawai-pegawai yang bertugas di jabatan-jabatan agama ini keluaran dari universiti yang hampir sama. Kalau begitu apa yang menyebabkan pandangan antara mereka begitu jauh berbeza?. Saya mencadangkan semua urusan agama dinegara ini perlu diserahkan kepada JAKIM. Biar JAKIM selaraskan semua urusan agama islam di negara ini.

Kalau dikaji peraturan peraturan yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan agama ini banyak yang pelik. Jika anda seorang peguam syariae, untuk mengendalikan kes satu-satu negeri anda perlu dapat tauliah negeri tersebut lebih dahulu, macam nak mengajar agama juga. Kalau dinegara ini ada empat belas negeri anda perlu ada empat belas tauliah. Mengapa perlu tauliah yang berlainan sedangkan mazhab yang diamalkan di negara ini adalah sama iaitu mazhab syafie?. Itulah yang pelik. Orang jabatan agama tidak pernah fikir ke perkara ini. Islam itu sebenarnya mudah. Malah nabi pernah bersabda "kalau aku diberi pilih antara dua perkara iaitu antara urusan yang mudah dengan yang payah, nescaya aku pilih yang mudah". Orang-orang agama khususnya yang duduk di jabatan-jabatan agama dan JAKIM seharusnya berfikir seratus tahun ke hadapan, merancang bagaimana mahu memajukan dan memudahkan urusan agama dalam dunia yang serba maju dan canggih. Ingatlah sebuah hadis bermaksud "Gembirakan, jangan menakutkan, mudahkan, jangan menyusahkan". Fikir-fikirkanlah.

By adhilahAuthor Profile Page on November 10, 2009 5:01 PM

Saya sangat sedih dengan setengah-setengah orang agama hari ini. Sekiranya ada orang agama yang progresif (tapi tetap berlandaskan Al Quran dan Hadis) beliau dianggap menyimpang. Jangan kita terkejut kalau generasi muda naik menyampah dengan orang agama walaupun tidak semua yang kolot. Teringat kata arwah ayah saya dulu "SUSAH JADI ORANG ISLAM DI MALAYSIA". Dulu kata-kata itu dianggap oleh saya sebagai gurauan tetapi kini saya akui kebenaran kata-katanya.

Jaga diri dan kesihatan buat Tun seisi keluarga.

By denaihatiAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:50 PM

Tun apakhabar? Saya masih teringat hidangan makanan dan masakan Mee Goreng mamak resipi Tun ketika Tun dirawat di HUKM sekembali dari lawatan dari MESIR. Itu kenangan yang tak dapat dilupa dapat berkhidmat untuk Tun selama seminggu. Semuga Tun sekeluarga sihat.

Apa yang berlaku sekarang ini akibat POLITIK yang TERLAMPAU. Segala-galanya mesti dikaitkan dengan politik termasuk hal-hal Agama. Saya risau RAKYAT BIASA yang bukan ahli kepada mana-mana ahli parti Politik akan menjadi bosan dengan POLITIK dan ini akan memberi kelebihan kepada Parti yang rajin mendaftar pengundi baru.

<http://denaihati.blogspot.com>

By AnaktokawangAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:47 PM

To me, Mohd Asri is another Nik Aziz.... only he did not choose a side ... yet. Just wait and see..  
By keroroAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:44 PM

Salam Tun dan juga Dr Asri,

Dah seminggu tunggu Tun bersuara tentang ini. Saya sentiasa mengikuti artikel serta ceramah Dr Asri, ternyata beliau membawa semangat baru kepada golongan bukan berpendidikan tinggi dalam bidang agama seperti saya. Tapi sayangnya ada pula yang tidak senang hati dengan beliau serta mencari-cari kesalahannya. Saya percaya beliau bukan perosak agama atau pun penjenayah agama seperti yang dilabelkan oleh JAIS dan sekutunya. Jika benar, segera buktikan! Semoga Allah sentiasa bersama beliau dan Tun.

By artdeepAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:13 PM

masyaAllah tun...sedih saya hmmm..takpe, ianya sensitif kat mereka yg tun maksudkan hehe..

salam hormat tun  
adib =]

p/s: hmm jambatan johor tun

By Idea StrategicAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:11 PM

As'kum Tun,

Komen sikit pasal Bai'ah Talak 3 yang hangat diperkatakan baru-baru ini. Apa pandangan rakan-rakan yang lain?

TQ,

By n.ajisAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:10 PM

Hmmm...fair comment. Setiap insan Muslim berhak memperkatakan mengenai agamanya sendiri. Ia bukan hak eksklusif ulama tertentu. Lebih2 lagi di zaman IT di mana pendapat ulama2 muktabar di seluruh dunia boleh dicapai dengan hanya satu "klik" di internet. Rakyat kini terdedah dengan pelbagai pendapat dan tafsiran serta berhak menilai setiap pendapat yang

dikemukakan selagi mana tidak bertentangan dengan Quran dan Hadis. Dada Islam ini luas. Golongan agama tidak sepatutnya terlalu cepat menghukum tetapi datangkanlah hujah yang bernas bagi menjawab sesuatu isu. Jika tidak golongan muda yang telah terdidik dengan budaya berfikir dan bertanya akan menganggap golongan agama kolot, jumud serta ketinggalan zaman. Ini bukannya zaman di mana guru berkata "barangsiapa banyak bertanya maka lemahlah imannya" sepertimana dahalukala tetapi "siapa yang banyak bertanya teguhlah kefahamannya".  
By n.ajisAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:09 PM

Hmmm...fair comment.Setiap insan Muslim berhak memperkatakan mengenai agamanya sendiri. Ia bukan hak eksklusif ulama tertentu. Lebih2 lagi di zaman IT di mana pendapat ulama2 muktabar di seluruh dunia boleh dicapai dengan hanya satu "klik" di internet. Rakyat kini terdedah dengan pelbagai pendapat dan tafsiran serta berhak menilai setiap pendapat yang dikemukakan selagi mana tidak bertentangan dengan Quran dan Hadis. Dada Islam ini luas. Golongan agama tidak sepatutnya terlalu cepat menghukum tetapi datangkanlah hujah yang bernas bagi menjawab sesuatu isu. Jika tidak golongan muda yang telah terdidik dengan budaya berfikir dan bertanya akan menganggap golongan agama kolot, jumud serta ketinggalan zaman. Ini bukannya zaman di mana guru berkata "barangsiapa banyak bertanya maka lemahlah imannya" sepertimana dahalukala tetapi "siapa yang banyak bertanya teguhlah kefahamannya".  
By sangtawalAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:01 PM

Salam buat Tun dan warga chedet.

Setuju dengan artikel Tun.

Semoga isu ini dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Ingin sekali saya memetik satu komen oleh Muhammad di blog saya seperti berikut :

[salam..

bg sy, mgkin ustz asri bleh saman jais, mari kita baca betul2, brdasarkn Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 yg didedah oleh mstar.com.my (tajuk berita: "Dr Asri Boleh DiKecualikan Dari 'Dakwaan Berceramah Tanpa Tauliah' ") spt brikut:

"Di bawah klausa 'Pengecualian' seperti yang tercatat di Bahagian IX Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008, pendakwah ini sebenarnya layak diberi pengecualian.

Dalam Enakmen tersebut, klausa 'Pengecualian' mencatatkan bahawa:

Jawatankuasa boleh, melalui notis bertulis, mengecualikan mana-mana orang yang berikut dari kehendak mendapatkan tauliah:

a) Alim Ulama atau tokoh agama tempatan tertentu atau Alim Ulama atau tokoh agama luar negeri yang dijemput secara rasmi atau atas jemputan khas Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, jabatan atau agensinya;

- b) Mufti-mufti Negeri dan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri;
- c) Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
- d) Menteri atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dengan Hal Ehwal Islam atau Ketua Jabatan Agama Islam Negeri atau ahli Majlis Agama Islam Negeri;
- e) Pegawai Hal Ehwal Islam atau pegawai Agama Islam Persekutuan dan Negeri, Pensyarah-pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti-universiti tempatan atau Institusi Pengajian Tinggi Tempatan, Guru Agama Kementerian Pendidikan atau Guru Agama Jabatan Agama Islam Negeri. "

-sy kata: bdasarkan pncecualian di atas ni, bukankah ustaz asri mmg amat berhak mndapat pncecualian dr tauliah?? bukankah dia adalah pnsyarah pengajian islam skg di Usm? jika benar, beliau boleh saman jais krna brtindak tak ikut enakmen dlm bab pncecualian nih.

November 9, 2009 2:09 PM ]

Pada pendapat saya,biarlah isu ini diselesaikan dengan cara yang baik demi kebaikan ummat.

Apa yang terjadi biarlah menjadi pengajaran dan rahmat kepada kita semua.

Apa yang pasti, cara dan pendekatan dakwah moden mesti ditajdidkan dan jangan biarkan ia jumud atau beku agar percambahan minda dan peningkatan pengisian kerohanian dan jiwa akan terus subur di Malaysia!

wassalam.

By AmboroAuthor Profile Page on November 10, 2009 4:00 PM

Biasalah Tun, semua orang fikir dia yang lebih benar.. Apabila ugama di campur aduk dengan kepentingan politik, semuanya halal.

By bunga melurAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:57 PM

dr asri is one great islamic scholar.

He should neither represent any politic party.Irony.Just read berita harian reporting that it may be possible for him to join politics if there's no open door left for him to deliver ceramah anymore.

sad.

By WaraAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:51 PM

Salam Tun, may you and family be in the best of health.

The trouble with this country is that we have too many so called ulama who are really narrow minded people refusing to even listen to others. Too many religious agencies, departments and

bodies. When it comes to real issues none of them is willing to put their foot down because they themselves are not sure of anything.

I prefer to leave these people alone and lets carry on with developing the country, something they are incapable of.

Thank you.

By allyh GombakAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:50 PM

Assalamualaikum Tun,

Dah lama follow blog Tun, tapi hari ni lain mcm sikit. Nasihat saya yg kurang bijak ni Tun, hentikan lah perbincangan ni...kebanyakan kita bukan pakar dlm mempertikai kejadian menimpa Usd Asri (tangkapan atau fahamannya) atau mana-mana ulama. Lama kelamaan semua komen akan menggunakan hukum akal samada menyokong atau menentang. Yang untung hanyalah Usd Asri....(bagi saya dia pun masih perlu belajar....)

Wassalam..

By kaka8609Author Profile Page on November 10, 2009 3:48 PM

salam buat tun sekeluarga...

emmm..sokong ape yg lanesra comment...isu nie sensitif tp kita harus ingat kerana perkataan "sensitif" itulah agama Islam dinegara kita ini "dipijak,dipergunakan dan dihina" oleh org2 tertentu dan dihalalkan oleh org2 islam sendiri yg luarannya "berserban dan berjanggut mahupun yg selalu melaungkan slogan pertahankan Islam"(maaf jika sedikit kasar,tp inilah pandangan jujur saya)...bila ulama sendiri bergaduh,dimanakah tempat untuk kita merujuk????..insan yg berdakwah ditangkap hanya dengan alasan tiada permit???...apa pula tindakan Jabatan2 Agama Islam terhadap orang2 yg terang2 menghina agama Islam???paderi2 yg terang2 memujuk anak muda kita memeluk agama Islam???...buka lah mata wahai penguatkuasa agama Islam,,ingatlah dibahu anda ada amanah yg cukup berat...mungkin anda boleh berkata "bukan kami tidak mahu tetapi kuasa kami terhad"...saya tak nafikan bidang kuasa anda terhad,tetapi ingatlah hidup kita kepada ALLAH swt...jika anda berkeras melakukan kerja mulia walaupun diluar bidang kuasa anda,ALLAH akan memudahkan hidup anda dan pasti akan anda insan berdiri teguh dibelakang anda...jika comment sy ini salah...saya mohon maaf...salam

p/s: tun,sy tidak pernah lihat tun dari dekat...tp sy bersyukur kpd ALLAH jerana beri kami seorg pemimpin yg baik walaupun tidak sempurna..semoga ALLAH berkati hidup tun dan isteri...assalamualaikum wbt

By Ponce de LeonAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:47 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya pun terasa kesal dengan peristiwa ini, dimana Dr Asri dilayan seperti seorang penjenayah. 50 orang (police plus JAIS) untuk menahan an ex-mufti... simply ridiculous not to mention waste of manhours.

Dr Asri adalah bekas mufti dan orang yang tahu pasal agama. Menceramah dan berdakwah adalah tanggung-jawab orang yang berilmu untuk membimbing orang-orang yang kurang berilmu.

Sebagai rakyat biasa, ramai yang keliru dan tidak faham apa motif sebenar disebalik tindakan JAIS. Negeri Johor and Kelantan beri kebenaran Dr Asri berceramah. Negeri Melaka 50-50. Negeri-negeri lain belum membuat pandangan.

Different states different rules. And we are saying that Islam is universal and a way of life. Its always about people...people with the authority. I still don't get it.

Salam untuk Tun and Tun Dr Hasmah, semoga sentiasa in good health.  
By kan2k77Author Profile Page on November 10, 2009 3:41 PM

Salam Tun,

Saya pun tak pandai agama, setakat baca sikit2 tu pun tak tau betul ke tidak cuma saya nak bagi pendapat, dalam apa2 masalah mesti ada cerita orang itu dan cerita orang ini, di pihak pendakwah terbabit ada kebenaran dan di pihak yang satu lagi pun ada, cumanya dalam hal agama ia lebih sensitif dan perlu diperhalusi, jikalau bolehlah, kita patut bincang hal macam ni sesama kita dan tidak perlu diwar-warkan di akhbar ke apa ke, kita tak perlu sanggah kalau kita tidak tahu dan tidak perlu bongkak kalau belum betul, jangan kita atas nama hak asasi dan kemanusiaan sanggup nak persoal apa sahaja, saya rasa semua suka sekiranya umat Islam di Malaysia sejahtera.

Wallahu alam.

By smokeballAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:37 PM

Salam hormat kepada Tun berdua,  
moga2 sehat dan panjang umur,

Tun,

masing2 ade pendapat masing2 kan..

Tun dgn pendapat Tun, saya dengan pendapat saya..

MUNGKIN... ianya salah faham anantara informer dgn pihak JAIS..

dapat info ade kegiatan agama yang tidak dapat dikenalpasti di rumah polan bin polan..

JAIS pula semak rekod.. nampaknya tiada rekod tentang kegiatan agama disitu.. kerana kalau ada tauliah, pasti JAIS ade rekod tentang kegiatan agama disitu..

pasal tu ramai enforcement officer yang datang, kalau random checking pasti x ramai macam yang Tun cakap..

biler rush rumah tu, barulah perasan yang penceramah tu adalah Mufti.. salah information, so mcm ne nak tutup lubang nie??

hurmmmmmm... lepas tu kite pasti boleh teka apa yang berlaku kan?

welll... banyak dah kejadian mcm tu, cume kite jek x perasan...

-Warm regards-

By capello08Author Profile Page on November 10, 2009 3:37 PM

I think the relevant authorities have been watching Dr Asri for some time before making their movement, damn if they didn't.

However, there have some many2 interpretation and views of the Islamic teaching today, a stern and firm actions needed to uphold the purity of Islam.

You won't go astray with Al-Quran, Al-Hadith, Ijmak, Qias. Follow the 4 Imams of Sunnah Al-Waljamah interpretation of Fiqah, etc and you'll likely to be in the right path.

We don't want Wahabi in Malaysia (if Dr Asri is one follower).

We don't want to be like in Indonesia where the Islamic teachings are all in in a mess. Despite millions of Muslims living there, the application of Islamic knowledge appear to be in a complete mess. Let not Malaysia be like that, and hope Allah will protect the Muslims and all other people living in Malaysia.

True, we should be 'open' in discussing Islamic issues, however any 'drastic' deviation of opinions from Sunnah wal Jamaah guidelines should be handled with care, tactfull and wisdom of knowledgeable persons (and perhaps in a 'controlled' environment).

Despite what the PAS people label you as 'secular', we are one of the few fine countries whose Muslims have a good understanding and application (if they want) of Islamic teachings. Our education system is relatively structured.

By panjihitamufuktimurAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:36 PM

Ayahanda Tun dan rakan2 chedat sekalian ...

terlalu sensitif isu ini...tetapi ramai sahabat2 saya yang berlainan agama bertanyakan kepada saya apakah Islam sebenarnya di Malaysia ini? diaorg pelik dengan tindakan yg dikenakan kepada model sambilan yg saya tak ingat namanya..smp hari ini tidak lagi settle kesnya..dan juga bekas mufti perlis ini...apakah kesalahannya sungguh besar? agak kelakar untuk menjawab pertanyaan ini.. disebabkan tidak mendapat tauliah? beliau ditangkap? aneh2....Islam apakah yg sebenarnya di Malaysia ini? ader tak garis panduan yg dikeluarkan oleh orang2 yg 'Mempunyai Kuasa ini ' terhadap menentukan bagaimanakah agama Islam di Malaysia ini di ikuti..bagaimana pula tentang undang2 syariah di Malaysia ini? harap2 pihak yg kononnya mempunyai 'KUASA' mutlak tentang menentukan Halal atau Haram di Malaysia ini dapat mengeluarkan buku atau pun risalah2 yg dapat didalami oleh umat Islam di Malaysia ini. ia dapat memperjelaskan lagi perkara2 yg agak diragui oleh orang Islam di negara ini..

Baru laa cantik perjalanannya..nie setakat meletup2 tentang perkara tah-hape2 baik tak payah..banyak lagi isu yg diaorg perlu perbetulkan...pasal saudara baru ke,murtad ke,minum arak ke,tak puasa ke,tak tutup aurat ke,rasuah,pecah amanah,zina ke dan sebagainya..jgn la nak

besau2 kan perkara yg kecil bagi menutup perkara2 yg besau yg mereka tak dapat nak selesaikan...dengan kata lain...ape laa diaorg nie sengal sangat..

mintak maaf Ayahanda Tun M, bahasa saya agak kasar...

Salam...

By RadziSiAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:35 PM

Salam buat Tun...

kesian betul mereka semua(Jais)semua rakyat hentam mereka...nampak sangat pak-pak Jais tu dahlah keliru atau diarah keliru oleh tangan-tangan ajaib mungkin dari ahli-ahli politik atau musuh-musuh orang muda yang telah mencapai kejayaan (mufti perlis)dalam waktu yang sangat cepat.Mereka semua tak boleh disalahkan(termasuk pak-pak polis)diorang semua makan gaji(suruh tangkap dia tangkap walaupun sampai pagi disuruh tunggu pun di akan buat.Nasib dr asri baik sebab disuruh tangkap apa jadi jika diarah suruh tembak... Yang paling keliru dan memalukan adalah semua orang-orang islam di malaysia, dahlah melayu(semua misti islam)tak mahu bersatu (macam cina MCA)ditangkapnya pulak pak mufti perlis...Saya harap mantan Mufti perlu

cepat-cepat daftar masuk(UMNO)lagi bagus...dah tentu UMNO mempunyai Mufti yang cukup mantap dan gelamour,dr asri pun nampak kamcing dengan Tok guru...silap-silap kalau lambat ia akan melintas kesebelah banjaran titiawangsalah nampaknya.Umno memerlukan ramai anggota seperti dr asri...sebab umno dahulu ramai yang pandai baca doa,pandai baca talkin..tetapi sekarang kalau pandai baca doa dah tentu mereka masuk bulatan.... jadi barisan terbiar ...jadi pakar ekonomi,pakar itu dan pakar ini,memiliki rumah-rumah bangglo sehebat orang-orang islam dubai dan arab saudi yang mewah minyak tetapi dilaknati allah sebab dah tak tahu lagi baca kunut dan baca talkin,baca kutbah semua mengantuk sebab.....suara macam katak...cuba pilih mereka macam suara DJ-DJ Era ..RTM ...barulah jemaah tak mengantuk...Dibawah ini saya harap pembaca berfikir...

1.Dah tahu sembahyang tak payah buat.

2.Babi mati kita makan

3.Orang mati hidup balik.....

kah,kah,kah....jangan marah ..dah mengarutlah tu...tapi kita dibagi kal supaya berfikir...jika tidak jadi macam JAislah...tangkap dr asri.

By afifiAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:34 PM

Salam Tun,

Sebenarnya isu seperti ini adalah tidak sesensitif mana, cuma pada mereka yang tidak faham dan kurang ilmu nya, maka perkara-perkara seperti ini menjadi besar dan diperbesarkan..

Islam ini sebenarnya mudah dan sememangnya mudah.. Yang menjadi susah apabila ulamak-ulamak sekarang mentafsirkannya dengan cara yang kompleks..

Sebagai contoh, isu niat pada sembahyang, ada ulamak yang membicarakannya secara panjang lebar, sehingga berhari-hari.. Sedangkan benda niat itu adalah sangat mudah dan senang.. Jika

difikir secara logik, masakan seseorang itu sudah berada di sejadah dan sudah mengambil wudhu belum berniat untuk solat? Ramai yang kurang faham dan mereka terpaksa berulang kali mengangkat takbir..

Jika hal-hal seperti ini tidak dipermudahkan, maka umum akan mengatakan yang Islam ini agama yang susah dan itu adalah salah..

Sekian..  
affiakib  
jitra, kedah..

ps: Pas ni, JAIS pun kena tangkap Pak Lah jugak, pelopor Islam Hadhari? :)  
By abdrahim1953Author Profile Page on November 10, 2009 3:34 PM

Salam Tun sekeluarga,  
Saya begitu bingung tentang bagaimana jadinya beribu-ribu belia Melayu yang nak memeluk Keristian. Apa yang kerajaan dah buat untuk menangani hal malang tersebut. Apa yang terjadi kepada Dr. Mohd. Asri pun menjadi satu lagi persoalan bagi diri saya.  
ALLAHHUAKBAR.

Wassalam  
By 72hazardAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:31 PM

Assalamualaikum Tun,

Apa yang berlaku keatas Dr. Asri ni tak lebih dari balas dendam puak-puak yang pernah kena bidas dengan beliau.

JAIS ni pun satu, dah tak ada keje dah ke? Begitu banyak kes maksiat kat selangor tu, Dr Asri nak dihebohkan...apa la...kilang arak terbesar pun ada kat Selangor?

Sekian wasallam

72HAZARD  
Seremban 101109 4:44pm  
By azariAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:24 PM

Dear Malaysian hero..The Tun Mahathir  
'bila la nak letak satu jalan kat KL nama Tun ni gamaknya'  
dulu depa kata Tun anti agama...memang aku tak percaya..  
ok Tun..take care..go-go Tun..  
"..anda penyanyi..anda generasi hebat...." apa nak jadi iklan kat Malaysia dan Malaysia Tun.dah salah tafsir istilah hebat pun...  
banyak sangat jadikan artis sbg ikon..  
go..go..go..go Tun...  
By BlueGeneAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:15 PM

Assalam alaikum

Tun Dr. Mahathir dan seluruh warga chedet yang dihormati

Apa yang berlaku hari ini ialah ilmu lwn kuasa. Orang yang berilmu disenyap-bisukan lebih-lebih lagi orang yang berilmu itu tidak sebulu dengan orang yang berkuasa.

Malaysia perlu bertamadun mengikut acuan ilmu bukannya beracukan kuasa. Ilmu akan kekal abadi, kuasa pula sebaliknya, itupun terkadang ditentukan oleh kertas undi.

Islam Hadhari yang dipelopori oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi hanya dalam kenangan dan tidak ada benih hasil yang tumbuh darinya. Sama juga seperti konsep Masyarakat Madhani yang dipelopori oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, tidak menampakkan hasil. Ini bermakna "ugamawan" tidak lari daripada silap dan salah apatah lagi sang penguasa.

Ingin saya kongsi bersama untuk tatapan pejuang yang berjuang demi kebenaran di samping menegakkan syiar Islam;

"Jika engkau tewas di Medan Jihad, gelaran Syuhada Allah memberi, Arwah-arwah pahlawan senyum melihat, Mujahid bangga melepas pergi."

- getusan dari senikata lagu "Pemuda Islam" oleh Saudara Ahmad Baqi

Apa yang menimpa ke atas Dr. Mohd. Asri mengingatkan saya dengan kisah kaum tua dan kaum muda yang kini hanya tiggal dalam sejarah.

Rasanya ZA'BA pun pernah bergesar dengan "ugamawan" "kaum tua" hanya kerana ZA'BA tidak sealiran dengan "kaum tua" kerana "Pelita Hidup" ZA'BA terang benderang.

Wassalam

By lanesraAuthor Profile Page on November 10, 2009 3:00 PM

Wow... sgt sensitif isu ni..,x tau nak cakap ape, Diam je la.. Ok Assalamualaikum Tun. jaga diri

Source : <http://chedet.co.cc/chedetblog/2009/11/ahli-sunnah-wal-jamaah.html>